

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGKAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT


untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Media Umno sedang panik kejayaan konvensyen PH



AMANAH, parti kecil berjiwa besar penyelamat PH, kata penulis

→ ms5



MAHATHIR-WAN AZIZAH ATAU NAJIB-ZAHID

RAKYAT Malaysia ditawarkan gandingan Dr Mahathir Mohamad dengan Dr Wan Azizah Ismail menentang Najib Razak dan Ahmad Zahid Hamidi untuk jawatan perdana menteri dan timbalan perdana menteri dalam pilihan raya umum ke 14 (PRU 14) nanti.

Rakyat ditawarkan dengan perubahan yang hendak dibawa oleh Pakatan Harapan (PH) pimpinan Mahathir - Wan Azizah dengan kestabilan yang dibawa oleh Barisan Nasional (BN) pimpinan Najib - Zahid.

Sebuah 'Kerajaan Menanti' berdepan sebuah 'Kerajaan Kleptokrat' yang pastinya akan bertarung bermati-matian buat kelangsungan kuasa dan survivalnya.

GANDINGAN Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah bakal mencabar gandingan Najib dan Zahid dalam PRU 14 nanti yang menzahir pertembungan antara kerajaan menanti dan kleptokrasi.



Mahathir - Wan Azizah LAWAN Najib - Zahid




→ Laporan penuh muka 2 dan 12

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

☎ 01132334322
untuk urusan pembelian

HANYA RM 49



Dr Mahathir faktor utama rundingan kerusi dapat dimuktamadkan

Media Umno sedang panik

UMNO kini sedang panik menghadapi perkembangan yang berlaku dalam Pakatan Harapan (PH), apabila mediana menghabiskan masa mereka untuk menyerang pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Anda lihat (media milik negara) TV3, Utusan Malaysia; mereka semua menyerang orang tua (Dr Mahathir)," kata Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke merujuk kepada liputan media pengumuman PH.

"Ini membuktikan apa yang kami lakukan adalah betul dan Umno kini panik," katanya.

Bagi beliau, Pengerusi PH, Dr Mahathir Mohamad memainkan peranan penting dalam memastikan pengagihan kerusi persekutuan di Semenanjung Malaysia dimuktamadkan hanya selepas kurang empat bulan perbincangan.

Berbanding pilihan raya sebelumnya, ini adalah kali pertama pakatan pembangkang dapat menyelesaikan rundingan bagi 165

kerusi Parlimen dengan efisien, katanya.

Gaya kepimpinan bekas perdana menteri bagi memastikan setiap mesyuarat akan berakhir dengan keputusan adalah kunci bagi memastikan semua perkara dapat dijalankan, kata Loke kepada *The Malaysian Insight*.

"Dr Mahathir sangat berdisiplin. Pertama, beliau sangat menepati waktu dan mesyuarat sentiasa mula tepat pada masanya.

"Kedua, beliau membenarkan semua orang menyuarakan pendapat mereka.

"Tetapi paling penting, beliau akan berkata 'Saya boleh mendengar anda selama lima jam tetapi selepas lima jam saya mesti membuat keputusan, setiap mesyuarat mesti ada keputusan, dan selepas itu kita mesti melaksanakan keputusan itu,'" kata Loke kepada *The Malaysian Insight*.

"Pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), kita tidak dapat mencapai



Tun Dr Mahathir menandatangani persepakatan PH di konvensyen yang menyebabkan Umno panik.

persetujuan mengenai banyak keputusan penting, tetapi ketiga-tiga parti tidak sehaluan, ini salah satu sebab mengapa Pakatan Rakyat gagal," kata Loke.

PAS, DAP dan PKR merupakan sebahagian daripada Pakatan Rakyat (PR) yang kini bubar.

Beliau mengimbas yang PR tidak

bersetuju dengan calon perdana menteri hatta pada hari penamaan calon PRU13 kerana PAS membantah pencalonan Anwar Ibrahim dengan alasan mereka tidak dapat meyakinkan penyokong untuk menyokong bekas timbalan perdana menteri itu.

"Saya masih ingat sebelum

pilihan raya diadakan mesyuarat Pakatan ketika itu hampir memecahkan gabungan, malah Anwar tidak mahu mempengerusikan mesyuarat.

"PAS mahu calon perdana menteri mereka sendiri dan tidak bersetuju dengan Anwar sebagai perdana menteri. Kami menghabiskan masa berjam-jam tetapi tiada keputusan. Semua orang kepenatan," katanya.

Loke mengakui ada pihak di PH yang tidak puas hati dengan keputusan dibuat dalam konvensyen baru-baru ini tetapi mengatakan pembangkang bersatu bergerak ke depan dengan arah yang jelas.

Jentera mereka boleh mula bekerja untuk menjelaskan kepada pengundi siapa yang akan menjadi perdana menteri, parti mana yang akan bertanding, di mana dan dasar apa yang bakal PH juara.

Beliau percaya ini akan mewujudkan momentum tepat menjelang pilihan raya.

Najib-Zahid atau Mahathir-Wan Azizah?

RAKYAT Malaysia ditawarkan gandingan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri dengan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail sebagai timbalan perdana menteri dalam pilihan raya umum ke 14 (PRU 14) nanti.

Ia menjadikan pertembungan utama PRU 14 nanti adalah antara gandingan Datuk Seri Najib Razak dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dengan gandingan Mahathir-Wan Azizah.

Rakyat ditawarkan dengan perubahan yang hendak dibawa oleh Pakatan Harapan (PH) pimpinan Mahathir - Wan Azizah dengan kestabilan yang dibawa oleh Barisan Nasional (BN) pimpinan

Najib - Zahid.

Pada PRU-13 (2013), Umno dan BN, mengalami kekalahan 'undi popular' dengan mendapat 47%. Walaupun lebih kerusi tetapi gagal mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen.

Bagi Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad, tarikan istimewa apabila PH merintah nanti adalah 'Wanita Pertama menjadi TPM' sejak negara Merdeka?

Bagi beliau, PH sekarang adalah sebuah 'Kerajaan Menanti' berdepan sebuah 'Kerajaan Kleptokrat' yang pastinya akan bertarung bermati-matian buat kelangsungan kuasa dan survivalnya.

(Tulisan penuh Dr Dzulkefly Ahmad)

Antara tawaran PH adalah pembaharuan institusi, menghapuskan rasuah, menghapuskan GST dan sistem gabungan samarata antara parti.

BN pula menawarkan kestabilan atau pengkalan kuasa yang ada, mengekalkan status quo, mengekalkan GST, pemberian BRIM, pelaburan dengan penjualan tanah kepada China dan Umno kekal sebagai abang long.

Menurut Hisomuddin Bakar dari Ilham Centre, janji penghapusan rasuah yang sedang melanda negara sehingga menyebabkan negara terhina di persada antara-

bangsa ini adalah antara elemen penting janji PH

"Janji menamatkan penyelewengan ini ada kesan yang meluas," kata Hisomuddin.

Dengan menghapuskan atau mengurangkan rasuah, Malaysia boleh kembali membina imej antarabangnya dan memulihkan keyakinan pelabur, katanya seperti dilaporkan *The Malaysian Insight*.

Kaji selidik Transparency International 2017 terhadap 22,000 menunjukkan 59% rakyat Malaysia percaya amalan rasuah telah meningkat sejak kebelakangan ini.

Kaji selidik UM baru-baru ini juga menunjukkan pengundi yang disoal selidik di 12 kerusi Parlimen mahukan pemimpin yang bebas rasuah.

Gandingan perdana menteri dan timbalan perdana menteri PH nampak "padu" dengan Dr Mahathir juga sudah jadi faktor "penyatu" dalam pembangkang.

"Itu satu pencapaian bagi PH. Sikap Dr Mahathir kepada Anwar Ibrahim dan keluarganya dan pencalonan PH menunjukkan pembangkang boleh melupakan masa lalu dan memaafkannya atas apa yang telah dilakukan pada mereka," kata Profesor Madya UM Dr Awang Azman Awang Pawi.

Daripada segi polisi, beliau

menjangkakan Dr Mahathir akan kembali kepada formula lamanya yang teruji iaitu menarik pelaburan asing sementara Najib akan condong kepada China untuk pelaburan.

"Dr Mahathir akan fokus kepada pelaburan yang melibatkan pemindahan teknologi bagi mencipta lebih banyak peluang pekerjaan.


"Kalau beliau ambil alih, beliau mungkin membeku sebahagian pelaburan China yang tidak ada untung dari segi jangka panjang untuk Malaysia.

"Beliau tidak mahu kesan negatif China seperti yang berlaku di Sri Lanka dan Zimbabwe," katanya.

Bagi penganalisis, pencalonan Wan Azizah akan memberikan nilai tambah baru kepada PH di kalangan pengundi wanita yang hampir sama ramai dengan pengundi lelaki di negara ini.

"Ini resipi baru dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Menarik untuk lihat bagaimana pengundi wanita memberikan undi mereka kepada pakatan yang pertama kali meletakkan calon wanita untuk jadi timbalan perdana menteri," kata Hisomuddin.

Penganalisis dan pemerhati setuju, tidak ada perbezaan ketara dari segi umur dan pengalaman dalam gandingan kedua-dua pihak.



Jabatan Penjara halang Mahathir jumpa Anwar

CHERAS: Hasrat Tun Dr Mahathir Mohamad untuk melawat Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak kesampaian selepas dimaklumkan Jabatan Penjara Malaysia tidak membenarkan beliau bertemu Anwar atas arahan pihak atasan di Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Tidak ada sebab mereka kata mereka dapat arahan daripada seseorang yang tinggi yang saya tak dibenarkan untuk berjumpa Anwar.

"Perkara macam ini tak pernah berlaku di zaman sewaktu saya adalah seorang diktator. Tak pernah saya larang sesiapa pun untuk berjumpa tapi kerajaan yang digelar demokratik ini nak pergi ten-

gok orang sakit pun tak boleh," katanya kepada media di ruang legar Hospital Rehabilitasi Cheras, dekat sini, 10 Jan lalu.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu berhasrat bertemu Anwar hanya untuk mengucapkan terima kasih secara peribadi kerana Anwar telah memudahkan rundingan calon perdana menteri PH sebagaimana diumumkan dalam Muafakat Pakatan Harapan pada Konvensyen PH, 7 Jan lalu.

Tun Mahathir digandingkan dengan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri sekiranya gabungan parti dalam PH itu berjaya menumbangkan BN dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kelak.

Ditanya sama ada beliau akan membuat rayuan kepada KDN, bekas perdana menteri itu tidak percaya kerajaan akan menjawab suratnya.

"Dalam kerajaan sekarang ni bila kita tulis surat, dia tak jawab. Kita buat permohonan untuk daftar PH tak jawab. Bila kita hantar peringatan tak jawab.

"Tak ada maklum balas jadi kami pun



Tun Mahathir diiringi Nurul Izzah Anwar di ruang legar Hospital Rehabilitasi Cheras.

tak tahu sama ada mereka mahu membenarkan atau tidak. Kita boleh cuba dan mencuba, saya boleh hantar ratusan permohonan atau tengok Deklarasi Rakyat tapi ia tidak akan jadi," katanya.



Aishah bertanya khabar seorang perwakilan.

Bahtera Merdeka berkumandang di Konvensyen Pakatan Harapan

Oleh ARIF ATAN
Foto MOHD SYAFIQ ISKANDAR

SHAH ALAM: Perwakilan AMANAH, Aishah atau nama sebenarnya Wan Aishah Wan Ariffin menghiburkan perwakilan dan pemerhati Konvensyen Pakatan Harapan 2018 dengan dendangan lagu 'Bahtera Merdeka'.

Juara pertandingan program Gegar Vaganza musim keempat (GV 4) berkenaan turut mengajak hadirin menyanyikan lagu patriotik itu bersama-sama dengannya.

Terdahulu, Aishah ketika mengakhiri slot Pentas Rakyat menyeru kepada golongan artis

supaya berani untuk bersuara.

"Saya menyeru kepada artis supaya jangan takut bersuara. Setiap keputusan politik akan memberi kesan kepada hidup kita.

"Kita semua akan merasa kesan daripada setiap keputusan politik," ujarnya yang berucap mewakili artis tanah air.

Beliau berkata, pendirian artis yang menyuarakan bebanan ditanggung majoriti rakyat wajar dihormati semua pihak.

"Kita patut menghormati pandangan artis yang bercakap soal kos sara hidup.

"Mereka masih prihatin terhadap kehidupan orang lain.

"Kami bersuara bukan mem-

benci tapi mencintai tanah air ini dan ingin melihat hasil negara dinikmati secara adil oleh semua rakyat," katanya.

Anggota Angkatan Wanita AMANAH Nasional (Awan) itu juga menyeru agar golongan artis tetap diberi perhatian jika Pakatan Harapan menang pilihan raya akan datang.

"Saya mendoakan apabila Pakatan Harapan memerintah tahun ini, janganlah masa kempen ajak artis, bila memerintah ada bajet lupa pada kami," luahnya.

Penyanyi berusia 52 tahun yang popular dengan lagu 'Janji Manismu' itu berharap agar artis dibenarkan berkarya di negara ini tanpa didiskriminasi.

AMANAH, PPBM, DAP Selangor sokong Konvensyen PH

KUALA LUMPUR: AMANAH, PPBM dan DAP Selangor menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada perisytiharan yang dibuat melalui Muafakat Pakatan Harapan (PH) dalam konvensyen gabungan parti itu, 7 Jan lalu.

Kenyataan bersama ditandatangani Pengerusi AMANAH Selangor Ir Izham Hashim, Pengerusi PPBM Selangor Datuk Abdul Rashid Asari dan Pengerusi DAP Selangor Tony Pua dikeluarkan 10 Jan lalu.

"Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada pimpinan Pakatan Harapan yang berjaya menganjurkan Konvensyen Pakatan Harapan ke-2 dengan gilang gemilang di IDCC Shah Alam tanggal 7 Januari 2018 yang lalu.

"Sehubungan dengan itu kami juga ingin menegaskan sokongan tidak berbelah bagi terhadap semua perisytiharan yang dibuat di konvensyen berkenaan," kenyataan bersama itu dipetik.

AMANAH, PPBM dan DAP

Selangor turut menyatakan sokongan penuh terhadap lima butiran perisytiharan tersebut iaitu calon Perdana Menteri Pakatan Harapan bagi pilihan raya umum ke-14 ialah Tun Dr Mahathir Mohamad dan calon Timbalan Perdana Menteri ialah Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; mengambil segala langkah perlu untuk pembebasan dan pengampunan Datuk Seri Anwar Ibrahim agar beliau layak sebagai calon Perdana Menteri Malaysia ke-8.

Pengagihan kerusi-kerusi parlimen bagi Semenanjung Malaysia untuk Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM; dan menyokong semua tawaran dan manifesto yang telah dibentangkan.

Justeru mereka menyeru seluruh pemimpin, ahli dan penyokong PH sama ada daripada Keadilan, DAP, AMANAH atau PPBM, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan supaya bersatu hati dan tekad untuk melakukan perubahan dalam PRU akan datang.



Minda Pengarang

Pakatan Harapan utuh, AMANAH disanjung

Konvensyen Pakatan Harapan Ahad lalu menggambarkan perpaduan dan keutuhannya dari pelbagai segi. Musuh politiknya menimbulkan reaksi yang pelbagai.

Semuanya memperlihatkan nervouse atau gementarnya mereka akan pencapaian kesepakatan dalam Pakatan Harapan, umpamanya, bagi isu siapa bakal Perdana Menteri dan Timbalan, perihal pembahagian kerusi parlimen dan pelbagai lagi.

Yang sangat menarik di Konvensyen tersebut ialah penghargaan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap AMANAH kerana sikap terbuka dan toleransi AMANAH sehingga berjaya menyelesaikan isu pembahagian kerusi parlimen dalam Pakatan Harapan. Kata Dr. Mahathir, sikap AMANAH ini menjadikan perihal pembahagian kerusi ini lancar dan berjaya diselesaikan. Tanpa pengorbanan AMANAH, kata beliau lagi, maka pengagihan kerusi sukar berjaya.

AMANAH hanya mendapat 27 kerusi parlimen, yang diharapkan ia akan beroleh kemenangan dalam PRU nanti. Maka seluruh komponen Pakatan Harapan bersegeralah menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing, yang memerlukan begitu banyak tenaga kerja, di samping mengumpul dana pilihan raya.

Di samping itu, Pakatan Harapan juga telah mengeluarkan dokumen resolusinya yang diberi nama Muafakat Pakatan Harapan, berupa janji parti-parti dalam gabungan itu bagi menghadapi PRU-14 ini.

Antara lain Muafakat itu menggariskan 13 janji untuk dilaksanakan jika mendapat mandat rakyat untuk membentuk kerajaan persekutuan selepas PRU-14 nanti.

Antaranya, berjanji untuk mengambil langkah-langkah segera memulihkan ekonomi negara dan meringankan beban kos sara hidup rakyat, menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), men-

stabilkan harga petrol dan memberikan fokus utama kepada usaha menambah pendapatan rakyat.

Muafakat Pakatan Harapan juga berikrar membentuk kabinet berwibawa selain memperkukuh parlimen. Pakatan Harapan juga berjanji melaksanakan reformasi menyeluruh di Malaysia. Iaitu meliputi reformasi institusi, reformasi pendidikan, reformasi ekonomi dan reformasi sosial.

Ia juga akan menegakkan tempoh masa memegang jawatan perdana menteri kepada dua penggal pilihanraya sahaja.

Muafakat itu juga berikrar untuk memugar dan menyihatkan amalan demokrasi terbaik serta mempertegas prinsip kebertanggungjawaban dalam urus tadbir negara.

Selain mengulang komitmen membanteras rasuah di Malaysia, berjanji membela kebajikan rakyat Malaysia dari najis rasuah dengan mendakwa pelaku rasuah di mahkamah. Juga membela kebajikan rakyat terutamanya golongan miskin, ibu tunggal, orang kelainan upaya dan kumpulan berpendapatan rendah.

Mengkaji semua sistem percukaian negara untuk memastikan pembayar cukai, terutamanya golongan kelas menengah, tidak tertekan dengan bebanan cukai yang berganda.

Ia juga berjanji memastikan institusi awam seperti Felda, Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Majlis Amanah Rakyat diurus secara cekap, telus dan amanah. Di samping itu tidak melupakan masyarakat luar bandar, khususnya rakyat Sabah dan Sarawak.

Juga berjanji merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan desa, serta antara wilayah dengan tumpuan khusus kepada hak rakyat Sabah dan Sarawak sejajar dengan semangat Perjanjian Malaysia.

Pakatan Harapan tidak Islamik?

Ada pihak yang sinikal dengan 'kelslaman' Pakatan Harapan (PH). Kata mereka, di mana jaminan Islam boleh berkembang dalam PH selagi Dap ada di situ. Malah Tun Dr Mahathir Mohamad yang dikatakan tidak tahu tentang Islam dipilih menjadi ketua kepada PH sambil merujuk kepada sejarah silam Dr Mahathir yang tidak suka melihat Islam berkembang di zamannya?

Saya memilih untuk menjawabnya dengan soalan demi soalan.

Pertama, di sudut mana yang dikatakan PH tidak Islamik? Bukankah sepanjang Konvensyen PH berlangsung, fokus utama ucapan-ucapan pemimpin PH adalah mahu menjatuhkan rejim BN yang telah lama berkuasa dengan segala penyelewengan dan salahguna kuasa? Bukankah itu sebahagian daripada tuntutan Islam untuk menentang kemungkaran?

Kedua, tema yang sering diulang sepanjang Konvensyen PH juga adalah kesatuan dan muafakat ke arah membentuk sebuah negara yang lebih baik dan adil. Sekali lagi, bukankah ia juga menepati tuntutan Islam supaya umatnya saling membantu dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan? Bukankah PH telah buktikan kerjasama dan muafakat tersebut disusuli tawaran untuk menghapuskan segala cukai yang membebankan rakyat seperti GST dan tol?

Ketiga, kalau dikatakan PH berpakat dalam melakukan makiat dan kemungkaran, di mana buktinya? Zahirkan dakwaan tersebut! Jangan hanya bermain persepsi sedangkan Islam tertegak atas hujah yang jelas, malah



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'I**

MUHAMAD FADZIL AHAMAD
Exco Pemuda AMANAH Nasional

mengharamkan kita berhukum atas perkara yang tidak zahir.

Keempat, jika mahu katakan Islam lebih berkembang di zaman ini berbanding zaman Dr Mahathir, cuba ambil contoh undang-undang Islam yang telah berkembang pada zaman ini dengan zaman Dr Mahathir untuk dibuat perbandingan. Kita ambil contoh Akta 355 yang mudah untuk difahami, sebab orang yang suka pertikaikan ini amat suka tentang "undang-undang Islam".

Sepanjang zaman Dr Mahathir, Akta 355 tersebut sekurang-kurangnya telah melalui dua kali pindaan iaitu tahun 1984 yang menambah takat kuasa hukuman kepada Mahkamah Syariah dan kedua, pada 1989 untuk meluaskan pemakaian akta tersebut ke Sabah dan Sarawak. Dua kali pindaan dibuat tanpa sebarang masalah dan polemik.

Tiba-tiba di zaman yang dikatakan Islam lebih mudah berkembang ini (dan ada orang kata kerjasama dengan Najib Razak lebih mudah berbanding kerjasama dengan Dr Mahathir), Akta 355 itu menjadi perkakas politik murahan pihak-pihak yang ada kepentingan? Bentang, tangguh, bentang semula,

tangguh lagi, bentang dan hurai, tangguh lagi, ponteng dan tangguh, alih-alih Dap yang salah sebab menentang? Begitu?

Kelima, Dr Mahathir sudah minta maaf. Selesai. Dan dia sanggup ambil tanggungjawab untuk betulkan kerosakan yang dia sudah buat selama memimpin dahulu. Bukankah saling memaafi itu sebahagian tuntutan Islam?

Dia tidak ikhlas? Awak sapa nak ambil kerja Tuhan?

Keenam, Islam tidak terjamin di bawah PH sekiranya Dr Mahathir kembali menjadi Perdana Menteri dan adanya Dap dalam PH? Soalan saya, sepanjang Dap kuasai Pulau Pinang, berapa ramai ustaz-ustaz Pas dihalang dari berceramah di masjid-masjid di Pulau Pinang berbanding ustaz-ustaz AMANAH yang dihalang berceramah di Selangor (sebab Selangor masjid-masjidnya dikuasai ustaz-ustaz Pas)? Kerja-karya halang ustaz berceramah ini menepati kehendak Islam kah?

Ketujuh, masa depan Islam gelap jika PH perintah? Awak siapa hendak ambil kerja Tuhan pandai-pandai buat andaian masa depan ini?

“...di sudut mana yang dikatakan PH tidak Islamik? Bukankah sepanjang Konvensyen PH berlangsung, fokus utama ucapan-ucapan pemimpin PH adalah mahu menjatuhkan rejim BN yang telah lama berkuasa dengan segala penyelewengan dan salahguna kuasa? Bukankah itu sebahagian daripada tuntutan Islam untuk menentang kemungkaran?”



AMANAHAH: Parti kecil berjiwa besar

Kira-kira 66% responden tidak mempercayai politikus, malah menganggap bahawa politik adalah punca masalah negara ini. Demikianlah hasil tinjauan yang dijalankan *Merdeka Centre* di kalangan anak muda, diumumkan pada September 2017.

Dengan kata lain, persepsi masyarakat terhadap politikus begitu negatif. Ironinya, masyarakat terpaksa memberi mandat kepada politikus untuk memegang tampuk kuasa. Dengan kuasa dalam genggaman tangan, politikus menentukan pengagihan sumber, yang memberi kesan secara langsung kepada hidup harian rakyat jelata.

Hasil tinjauan ini sedikit sebanyak menjelaskan mengapa 3.8 juta warga negara yang berkecualan sehingga musim pertama tahun 2017, masih belum mendaftarkan diri sebagai pengundi. Pilihan raya dilihat tidak lebih sebagai upacara untuk "mengabsahkan" mereka yang tidak berintegriti agar terus memegang kuasa.

Jangan sesekali pembangkang menganggap persepsi ini hanya tersasar kepada politikus dari parti pemerintah. Pembangkang juga terpalit kerana mustahil dirinya berkecuali dari perebutan kuasa. Apapun yang dikatakan, sama ada "perjuangan untuk menegakkan keadilan", mahupun "mengembalikan hak rakyat", hakikatnya PH akan menggantikan Umno-BN



Siang-Malam
Lim Hong Siang

seandainya peralihan kuasa berlaku. Presiden AMANAH Mohamad Sabulah yang akan menjadi menteri jikalau Umno-BN diumumkan.

Justeru itu, Pakatan Harapan pernah disindir ketika melaungkan slogan "Selamatkan Malaysia". Soalnya bukan sama ada PH mampu menyelamatkan Malaysia,



Sikap jiwa besar AMANAH dalam soal pembahagian kerusi sangat dihormati oleh semua pihak.

tetapi sejauh manakah PH sanggup menyetepikan kepentingan diri demi satu misi yang besar?

Dari meleburkan ego dalam diri, hinggalah berkompromi dalam hal yang melibatkan kepentingan parti sendiri, sejauh manakah kesanggupan politikus dan parti?

Dalam konteks ini, tahniah diucapkan kepada pemimpin AMANAH. Sudah tentu ramai penyokong yang kecewa lantaran pengagihan kerusi yang nampaknya tidak memihak kepada AMANAH, dari segi angka. AMANAH akan terus disindir parti lamanya, Pas sebagai kuda tunggangan PPBM, PKR dan DAP. Macam-macam label yang pedih dan menyakitkan telinga akan dilemparkan terhadap AMANAH.

Padahal pemimpin AMANAH boleh berkata "tidak" kepada parti sekutunya di meja rundingan. Maka rundingan akan terbantut,

bahawa bukan sahaja muafakat gagal dicapai dalam isu calon Perdana Menteri, malah rundingan kerusi pun gagal disepakatkan. Pemimpin PH akan ditonjolkan sebagai rakus kuasa. Selagi pertikaian ini tidak dileraikan, maka PH akan terjatuh dalam perangkap ini, sedangkan beban sara hidup rakyat adalah tumpuan utama. Semakin lama isu ini diheret, semakin hilang keyakinan rakyat terhadap PH.

Justeru itu, apapun niat Dr.Mahathir Mohamad yang ditafsir ketika merakamkan penghargaan kepada AMANAH kerana "menjayakan agihan kerusi di kalangan empat parti", dari hati kecil saya, AMANAH telah berjasa untuk menggilap semula imej PH. Amanah membuktikan bahawa terdapat parti yang sanggup menyetepikan kepentingan diri untuk "menyelamatkan Malaysia". AMANAH memberi laluan pada saat-saat yang genting ini supaya fokus PH kembali kepada perjuangan untuk rakyat.

Suka atau tidak, masyarakat kita masih terbelenggu dalam mentaliti untuk menunjuk-nunjuk kehebatan. Lebih besar lebih hebat, dan besar ini biasanya diukur secara kuantitatif, atau dengan mudah, angka, iaitu bilangan kerusi yang terbanyak. Jikalau diukur secara kualitatif, maka diperlihatkan siapa berkemampuan untuk mendominasi dalam hubungannya dengan yang lain. Sebaliknya, "kompromi" itu disamakan dengan lemah, dan

mereka yang mendapat angka paling rendah, dianggap paling kurang kehebatannya.

Kegagalan masyarakat kita untuk membebaskan diri dari belenggu mentaliti sebegini, akan menggagalkan kita sampai bila-bila. Ini kerana kita terlalu ghairah untuk menghambat kehebatan dari segi bentuk, sehingga mengabaikan pembinaan jiwa diri kita. Kita lupa bahawa hakikatnya, nilai integriti, hormat-menghormati, bermurah hati itu lebih penting untuk menggambarkan kebesaran atau keagungan jiwa sesuatu jasad. Hanya mereka yang berjiwa besar, berkeupayaan untuk mengorbankan diri demi satu matlamat yang murni. Justeru itu, AMANAH sebenarnya parti kecil yang berjiwa besar.

Akhir sekali, jangan cepat mengeluh dan dinafikan terus hikmah di sebalik strategi bertanding paling sedikit kerusi. Kuncinya bukan berapa kerusi yang ditanding tetapi berapa kerusi yang dimenangi. Maklumlah aktiviti berkempen sepanjang pilihan raya menelan kos yang tinggi. AMANAH sebagai parti yang kecil sudah tentu mengalami masalah keterbatasan sumber. Daripada ditaburkan sumber itu secara berselerak, barangkali lebih baik agar ia ditumpukan pada 27 kawasan parlimen di Semenanjung, dan moga-moga ia meraih kemenangan yang cukup memberangsangkan.

Rakyat perhati perjalanan Pakatan Harapan

Di tengah gegak gempita dunia politik menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 tidak lama lagi, suasana politik sangat panas dan tajam, malah mengerikan dilihat oleh sesetengah pihak.

Pertandingan tiga penjuar memang tidak dapat dielak lagi, apabila Pas akan bertanding bersendirian. Oleh itu, akan berlakulah pertarungan antara calon BN/Umno, Pakatan Harapan dan Pas. Namun yang dilihat umum ialah pertarungan sengit ialah antara Umno/BN dan Pakatan Harapan. Kini semuanya sedang bersiap sedia.

Penganalisis telah mendedahkan pelbagai kajian mereka. Ada yang meyakinkan, ada yang separuh percaya dan ada yang dilihat berat sebelum dan dibalut oleh pelbagai sentimen. Biasalah dalam sebuah demokrasi, kepelbagaian pendapat menjadi ciri-ciri demokrasi itu sendiri.

Di tengah riuh rendah menjelang PRU14 itu, ada ingatan, malah amaran yang sangat munasabah diberikan perhatian

oleh semua pihak yang terlibat. Ingatan itu datang dari Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub supaya komponen Pakatan Harapan tidak mengulangi kesilapan Pakatan Rakyat dulu. Khususnya dengan menimbulkan isu siapa bakal Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jika PH memenangi PRU14 nanti.

Musuh Pakatan Harapan sedang mewartakan isu ini yang dilihat sangat sensitif dan boleh memecahbelahkan PH.

Inilah sebabnya Salahuddin, secara jujur mengingatkan supaya jangan mengulangi kesilapan Pakatan Rakyat dulu. Walaupun ia mencapai kemeng dalam dua penggal PRU dulu, tetapi berlaku perpecahan di antara komponen Pakatan Rakyat di hujung hayatnya dulu.

Pelbagai pihak sudah mengetahui sejarah hitamnya. Maka itu sangat wajar dijadikan ingatan akan pesan Salahuddin



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

Ayub itu supaya Pakatan tidak mengulangi kesilapan ini.

Rakyat sedang memerhatikan perjalanan Pakatan Harapan ini dengan harapan gabungan mega pembangkang ini mampu menghadapi cabaran Umno/BN dalam PRU

akan datang ini, di mana rakyat sangat mengharapkan perubahan dalam negara menerusi PRU akan datang.

Isu siapa bakal pemimpin utama dan kedua jika Pakatan Harapan memenangi PRU nanti tidak perlu dibangkitkan pada masa ini, walau apapun alasan.

Isu yang lebih besar ialah tuntutan untuk merealisasikan cita-cita dan harapan PH, tentunya berasaskan manifesto yang hampir siap disusun, Ertinya perjuangan PH jauh lebih penting dari segalanya.

Oleh itu komponen dalam PH jangan sama sekali menimbulkan isu-isu yang boleh memecahbelahkan PH di saat yang sangat kritikal ini.

Adapun kedudukan semua parti dalam

komponen Pakatan Harapan adalah sama, sama ada baru atau lama. Jangan ada di antara parti dalam komponen dalam PH yang superior atau dominan dalam PH. Dalam perjuangan yang sangat kritikal ini, semua komponen perlu berpadu untuk memperkukuh Pakatan Harapan.

Yang perlu dilakukan oleh setiap komponen ialah sikap berlapang dada, membina toleransi di tahap yang tinggi, membuang sebarang bentuk ego peribadi atau kumpulan.

Yang penting ialah semua komponen dalam PH hendaklah mematuhi sebarang keputusan mesyuarat di peringkat apapun. Ini penting untuk kejayaan Pakatan Harapan.

Sementara itu semua komponen dalam PH sewajarnya sudah mempersiapkan jentera pilihan raya masing-masing dengan mematuhi keputusan mengenai pembahagian kerusi peringkat Parlimen mahupun Dun.

Rakyat sedang menaruh harapan dan memerhatikan semuanya ini.

PH mampu menang di lima parlimen Felda

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Lima kerusi Parlimen Felda yang terletak di Pahang dan Johor mempunyai peluang besar untuk dimenangi Pakatan Harapan (PH).

Penganalisis politik Umno-BN, Datuk Ahmad Faris Abdul Halim berkata, ini kerana PH begitu fokus menyerang BN di Felda lantaran menyedari potensi tinggi untuk menang terutama di kawasan Parlimen terbabit.

"Ini kerana peluang untuk mereka menguasai kerusi Parlimen tertentu terbuka luas jika pengundi warga Felda beralih arah.

"Antara kerusi-kerusi Parlimen yang berada dalam keadaan genting dengan jumlah pengundi yang ramai warga Felda adalah Labis dengan majoriti tipis dimenangi oleh BN sebanyak 343 undi, Bentong (379), Bera (2,143), Cameron Highlands majoriti (462) dan Sekijang (3,007), jelas ahli perniagaan itu.

Untuk rekod, Parlimen Bera dan Sekijang pada PRU-14 diperuntukkan kepada PKR manakala DAP akan bertanding di Labis, Bentong dan Cameron Highlands.

Ahmad Faris yang juga bekas ahli Pas berkata, majoriti kemenangan calon BN pada PRU-13 di Parlimen Bera hanya 2,143 sahaja dengan pengundi warga Felda seramai 23,300 orang iaitu 41 peratus daripada jumlah keseluruhan kira-kira 56,600 pengundi.

"Ke mana perginya undi warga Felda dalam PRU lalu di Parlimen (Bera) ini? Adakah mereka tidak keluar mengundi atau memilih pembangkang?"

"Atau mungkinkah kerana wujud sokongan pengundi warga Felda yang menyebabkan BN memperoleh kemenangan tipis di Parlimen ini.

"Perkembangan daripada keputusan PRU-13 ini jika masih berterusan di Parlimen Bera, kawasan ini mungkin boleh diibaratkan seperti telur di hujung tanduk kepada BN," dipetik daripada artikelnya di akhbar milik Umno, Utusan Malaysia, 10 Jan lalu.

Selain Parlimen Bera, beliau turut menyifatkan Bentong sebagai kawasan yang menyaksikan pengundi warga Felda jelas menolak calon BN.

Lima Parlimen Felda dijangka bakal dimenangi Pakatan Harapan.

"Ini mungkin atas faktor tradisi kawasan ini merupakan kubu kuat pembangkang, terpengaruh dengan dakyah pembangkang, tidak berpuas hati dengan calon BN, tidak berpuas hati dengan isu-isu setempat yang timbul atau janji-janji tidak ditunaikan," ujarnya.

Bera yang dikuasai BN pada masa ini disandang Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah selepas menewaskan PKR dan calon bebas pada PRU 2013 dengan majoriti 2,143 undi.

Menurut Ahmad Faris, daftar pengundi baharu menunjukkan terdapat kira-kira 570,000 pengundi terdiri daripada warga Felda di seluruh negara.

Untuk rekod, BN pada PRU-13 lalu tewas dua kerusi Parlimen Felda iaitu di Raub dan Dungun masing-masing kepada DAP dan Pas.

Lima Parlimen yang mempunyai pengundi Felda tertinggi adalah Jempol, Kuala Krau, Rompin, Kota Tinggi dan Pengerang dengan kesemuanya kecuali Rompin diperuntukkan kepada PPBM pada PRU-14.

PKR diputuskan akan bertanding di Rompin yang pada masa ini disandang oleh BN dengan majoriti 8,896 undi pada pilihan raya umum lalu.

Mahkamah benar permohonan Husam kekal status Wisma Tok Guru

KOTA BHARU: Permohonan Datuk Husam Musa untuk mendapatkan 'injunksi erinford' (permohonan kekalkan status quo) dibenarkan Mahkamah Tinggi Kota Bharu dalam isu perebutan Wisma Tok Guru.

Hakim Ahmad Bache, 8 Jan lalu memutuskan bahawa pihak plaintif mempunyai ssas yang jelas dalam tuntutan berkenaan.

Peguam yang mewakili Husam, Murtadza Mokhtar berkata keputusan ini bermaksud pihak plaintif diberi hak menguruskan hartanah itu seperti biasa sehingga keputusan dibuat mahkamah.

"Maknanya pihak Datuk Husam adalah pengendali sah hartanah berkenaan sehingga perbicaraan mengenainya yang kini sedang dibicarakan di mahkamah selesai," katanya.

Bagaimanapun Murtadza berkata, hakim meminta kedua-dua pihak berunding secara muafakat jika ada permohonan tuan tanah



Husam Musa

untuk menggunakannya.

Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 17 November lalu menolak permohonan injunksi Husam untuk menghalang Pas dari memasuki kawasan bangunan pejabatnya.

Ekoran itu, Husam memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan bagi mengkaji balik keputusan itu.

Wisma Tok Guru adalah bangunan yang menempatkan pejabat

Adun Salor.

Ia dibenarkan oleh pemilik asalnya, Datuk Rusli Ibrahim untuk digunakan oleh Husam.

Namun apabila Rusli meninggal dunia, balu beliau yang menjadi penama tanah itu telah menjualnya kepada wakil Pas, Mohd Yassin yang juga Setiausaha Kerja Pas Kelantan ketika masih di dalam edah.

Pada 17 Disember lalu, Pas telah menganjurkan majlis solat hajat di perkarangan Wisma Tok Guru setelah permohonan injunksi Husam ditolak mahkamah.

Sebelum itu, segerombolan pemuda Pas diketuai ketua pemuda Pas Pusat, Khalil Abdul Hadi telah mengadakan demonstrasi di hadapan Wisma Tok Guru mendesak Husam mengosongkan premis tersebut.

Anak presiden Pas itu dan gerombolan penyokongnya turut memacakkan bendera Pas di perkarangan Wisma Tok Guru.

Melayu Melaka akan menangkan PH

Oleh **AKMAL HAZIQ**

JASIN: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Melaka, Adly Zahari yakin pengundi Melayu di negeri ini akan beralih menyokong PH pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Ini kerana, jelas beliau sebahagian orang Melayu Melaka sudah hilang keyakinan terhadap Umno-BN untuk terus membela nasib mereka.

Beliau mengakui sokongan orang Melayu Melaka kepada pembangkang pada dekad 90-an amat rendah.

Berdasarkan culaan yang pernah beliau lakukan pada 1994, daripada 100 orang yang ditemui, hanya lapan orang yang menyokong pembangkang.

Tidak hairanlah kata beliau, pembangkang begitu sukar bertapak malah sering hilang deposit pilihan raya dalam tempoh tersebut.

Bagaimanapun pada PRU 1999, sokongan pengundi Melayu meningkat sehinggakan di Dun Serkam, pembangkang berjaya memperolehi 43 peratus undi orang Melayu walaupun masih tewas di tangan BN.

Pengerusi AMANAH Melaka itu bagaimanapun yakin keadaan ekonomi yang meleset dan kos sara hidup yang semakin meningkat menimbulkan kesedaran di kalangan orang Melayu untuk menolak Umno-BN dan beralih sokongan kepada PH.

"Di Melaka dalam keadaan sekarang, jika seseorang pergi ke pekan Durian Tunggal contohnya, mereka akan lihat banyak kedai yang ditutup, bukan kerana



Adly Zahari

peniaga bercuti, tetapi mereka tidak lagi berniaga dan ini memberi makna ada orang yang hilang pekerjaan.

"Di Melaka Raya pula, boleh dilihat banyak bangunan diiklankan untuk dijual dan ia menunjukkan golongan peniaga sangat tertekan dalam keadaan sekarang terutama akibat GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan)," katanya semasa berucap di pentas ceramah anjuran PH di Sungai Rambai, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Adly, kajian terbaru Invoke dan Merdeka Centre menunjukkan sokongan rakyat Malaysia termasuk di Melaka kepada Umno-BN kini telah merosot sehingga kepada 41 peratus.

Sehubungan itu, beliau yakin tawaran-tawaran PH seperti menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari pemerintahan akan dapat dilaksanakan dengan sokongan rakyat.

PH Melaka juga, tambah beliau telah mengenal pasti masalah dihadapi rakyat seperti perumahan dan peluang pekerjaan dan akan berusaha mengatasinya jika diberi mandat memerintah negeri.

PH Perak bersedia lakukan perubahan

IPOH: Ketua Sekretariat Pakatan Harapan (PH) Perak V Sivakumar yakin rakyat negeri ini akan membuat keputusan bijak memilih PH demi masa hadapan dan pembangunan negeri.

"Kali ini, gabungan empat parti iaitu DAP, Keadilan, AMANAH dan PPBM akan menentang BN di Perak. Saya percaya Pakatan Harapan bukan sekadar menang malah akan mendapat undi popular yang jauh lebih tinggi berbanding dengan PRU12 dan PRU13," ujarnya.

Ahli Parlimen Batu Gajah ini juga berkata, rakyat Perak mahukan perubahan dan ini boleh dilihat dalam dua siri pilihan raya umum (PRU) lalu.

Menurut beliau, dalam PRU lalu, pakatan pembangkang gagal membentuk kerajaan walaupun berjaya memperolehi 54% undi popular.

"BN menang 31 kerusi manakala Pakatan Rakyat pula hanya memperolehi 28 kerusi," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau yakin rakyat negeri ini akan memberi sokongan kepada PH setelah melihat kejayaan PH mentadbir Pulau Pinang dan Selangor.

Keputusan konvensyen di luar dugaan musuh politik Pakatan Harapan

Keputusan besar yang dibuat oleh Pakatan Harapan (PH) dalam konvensyennya Ahad lepas merupakan kejayaan besar dan di luar dugaan musuh-musuh politik PH.

Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Melaka Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, keputusan tersebut ialah menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri (PM) dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan persetujuan pengagihan kerusi Parlimen untuk ditandingi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"Tahniah kepada pimpinan tertinggi PH, semua pimpinan parti komponen PH, ahli dan penyokong-penyokong PH.

"Keputusan ini menutup mulut musuh-musuh politik PH dan ia membuktikan bahawa PH mampu untuk bersatu dan mencapai kata sepakat dalam apa juga isu.

"Keputusan itu juga merupakan

hadiah untuk rakyat Malaysia kerana mereka yang terhimpit sejak 60 tahun di bawah kerajaan BN, kini sudah mempunyai alternatif untuk mendapat kerajaan baru pada PRU14 nanti," kata beliau dalam kenyataan medianya.

Tambah beliau, pengumuman yang dibuat jelas membuktikan pimpinan PH mampu mengorbankan kepentingan diri dan parti sendiri demi untuk rakyat dengan mencapai kata sepakat tentang calon PM, TPM dan pembahagian kerusi.

"PH juga membuktikan mereka mempunyai barisan kepimpinan yang berpengalaman, berkebolehan dan hebat untuk menggantikan BN sebagai kerajaan. Malah PH telah membuktikan kejayaan mereka memerintah Selangor dan Pulau Pinang dengan program-program kebajikan rakyat serta ekonomi negeri yang kukuh.

"13 janji perubahan untuk Malaysia yang diumumkan semalam terbukti sangat relevan dan mampu membawa



Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil mengetuai pembacaan ikrar sempena Konvensyen Pakatan Harapan.

negara dan rakyat ke satu era baru yang lebih maju, adil dan sejahtera serta menyelamatkan negara dari menjadi sebuah 'failed state,' kata Naib

Pengerusi PH Melaka itu.

Kata beliau lagi, kini masanya telah tiba untuk rakyat memberikan mandat kepada PH dalam PRU14 nanti bagi

menggantikan BN sebagai kerajaan baharu.

Pengorbanan Mat Sabu, AMANAH wajar dicontohi

"Hanya Allah swt saja yang akan membalas budi baik dan keikhlasan presiden parti AMANAH."

Itu luahan rasa Koordinator Deklarasi Rakyat Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan apabila Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad

sendiri mengakui secara terbuka dan terhutang budi pada Presiden AMANAH Mohamad Sabu, yang telah membuat banyak pengorbanan bagi menjayakan pengagihan kerusi-kerusi parlimen untuk PH.

"Pengorbanan Tuan Haji Mat Sabu dan parti AMANAH harus dicontohi oleh semua pihak.

"Bukan senang bagi beliau serta AMANAH nak bertolak ansur atau berkorban dalam isu ini kerana tekanan-tekanan dalaman kepimpinan AMANAH pasti akan wujud.

"Namun, di atas semangat kesetiakawanan dan kepentingan PH, Tuan Haji Mat Sabu telah mengorbankan segala-galanya untuk menjamin kemenangan PH ke Putrajaya.

"Inilah sifat terpuji dan kemu-



liaan beliau. Inilah prinsip tulen semangat kesetiakawanan parti AMANAH," ujarnya dalam kenyataannya.

Menurut Khairuddin lagi, Mohamad selaku tokoh politik berpengalaman di tanahair hanyalah diabdikan kepada wadah perjuangan untuk menegakkan kebenaran tanpa bersandarkan kepada sebarang bentuk kepentingan material semata-mata.

"Kepentingan bangsa, agama dan tanahair berada di atas segala-galanya dalam penghidupan Tuan Haji Mat sabu.

"Jatidirinya yang amat tawadduk dan penghidupan seharian beliau amat sederhana. Beliau adalah salah seorang tokoh politik ternama di negara kita yang telah memper-

hambakan diri berpuluh-puluh tahun lamanya bagi membela kesejahteraan keseluruhan rakyat Malaysia.

"Wang ringgit serta kebendaan bukan kayu pengukur kepada perjuangan beliau!! Tidak pernah sebut perkataan 'tiada wang' untuk terus berjuang!! Siang malam kediaman beliau adalah

di atas jalanraya-jalanraya di tanahair kita.

"Sebab itulah di konvensyen Pakatan Harapan; Allah swt telah mengangkat martabat Tuan Haji Mat Sabu," ujarnya.

Dalam Konvensyen PH diumumkan melalui Muafakatan Pakatan Harapan telah bersetuju bagi pengagihan 165 kerusi Parlimen, AMANAH memperoleh hanya 27 kerusi, DAP (35) PKR (51) dan Bersatu (52).

Turut diumumkan Tun Dr Mahathir Mohamad telah dinamakan sebagai calon Perdana Menteri (PM) PH sekiranya PH berjaya mengambil alih Putrajaya dan Presiden PKR Dr Wan Azizah Wan pula diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Bekas tentera terhina komunis dijemput masuk ke Malaysia

BEKAS tentera, Kapten (B) Zainal Abidin Naus (*gambar*) kecewa apabila usaha keras mereka mengusir komunis dari tanah air ini diganti dengan membawa masuk pelabur dari negara berfahaman tersebut.

Beliau yang mewakili Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan Malaysia (Pahlawan) itu bimbang negara ini bakal dikuasai komunis tanpa peperangan.

"Saban hari, kini mereka yang berfahaman komunis ini dijemput datang, diberi peluang melabur dalam projek mega.

"Adakah tiada kemungkinan mereka akan menguasai negara ini tanpa meletupkan sebutir peluru pun?" soalnya ketika berucap dalam Konvensyen Pakatan Harapan di Shah Alam, Ahad lepas.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan golongan bekas tentera berasa terhina dengan polisi pentadbiran kerajaan Umno-BN pada masa ini.

"Kami sangat rasa terhina dengan kerajaan BN sekarang ini.

"Saya berharap segala perjanjian (dengan China) dibatalkan," tegasnya.

Zainal pada masa sama memberitahu tekanan ekonomi semasa memaksa veteran tentera terpaksa bekerja.

"Ramai tentera terpaksa bekerja selepas tamat perkhidmatan kerana wang pencen yang diterima tidak mencukupi," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan Pakatan Harapan akan melaksanakan



pemberian pencen secara adil dari semasa ke semasa.

"Janganlah tentera dan pasukan keselamatan lain dianggap sebagai kain buruk dan tidak berguna.

"Rakyat dan tentera memang mengharap suatu perubahan," tegasnya.

Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa tentera pada masa sama memantau kesepakatan Pakatan Harapan.

"Mereka ini tidak mahu keluar naga masuk mulut harimau.

"Pakat-pakatliah bahagi jawatan supaya kami yakin dengan Pakatan Harapan," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan tentera supaya berpada-pada dalam menumpahkan taat setia.

"Apa perlu dilakukan ubah kerajaan yang ada kepada kerajaan Pakatan Harapan.

"Jangan lagi kita setia membuat tuli. Kadang-kadang kita perlu juga melawan macam Hang Jebat," tambahnya lagi.

Bertanding untuk menang bukan seronok letak calon paling banyak

PENGARAH Pilihan Raya AMANAH Nasional, Dr Mohd Hatta Ramli berkata, AMANAH akan menyumbang kemenangan kepada Pakatan Harapan (PH) walaupun diperuntukkan dengan hanya 27 kerusi Parlimen.

Menurutnya, jentera pilihan raya parti akan bekerja lebih kuat untuk turut memenangi sejumlah besar kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di seluruh Semenanjung pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Kita bertanding untuk menang bukan seronok letak calon paling banyak tapi kalah. Jadi, AMANAH mesti menang sebanyak mungkin.

"Itu lebih penting daripada kita bertanding banyak untuk memenuhi keinginan semua orang tetapi kalah dan kecewa akhirnya," tegasnya ketika dihubungi akhbar mingguan *Amanah*.

Sehubungan itu, beliau menafikan AMANAH terpinggir dalam PH sebaliknya berpendapat parti tersebut masih menggalas peranan penting dalam menggantikan Umno-BN di Putrajaya.

"Tidak wujud keadaan AMANAH macam ketinggalan. Tidak sampai begitu. Hanya apa yang kita minta (kerusi Parlimen) tidaklah dapat semua, sama



Pimpinan di Konvensyen PH membuat janji setia akan menjayakan PH dalam PRU 14.

juga seperti parti lain dalam Pakatan Harapan.

"Mesti ada parti yang lebih, dan kurang (dapat agihan kerusi). Peranan penting sekarang, kita harus memenangi Kelantan, Perak, Kedah dan Johor. AMANAH ada tugas besar walaupun kerusi Parlimen yang diagih paling sedikit.

"Banyak lagi kerusi Dun yang kita akan tandangi. Itu semua tanggungjawab AMANAH yang menun-

tut gerak kerja jentera parti yang kuat. InsyaAllah," ujarnya.

Mengulas tentang proses muafakat PH berhubung agihan kerusi Parlimen di Semenanjung itu, beliau berkata, situasi semasa menjelang PRU-14 berbeza berbanding pada 2013.

"Dulu (PRU-13) agih kepada tiga (parti). Ini pertama kali kita bertanding empat parti. Jadi,

kerusi untuk kita tandangi lebih terhad. Bagi PRU-14 ini, semua parti dapat kurang sebab perlu diagih kepada empat parti.

"PRU dulu pun, kita sudah ada pengalaman pada PRU 2008. Jadi, dari situ datang pertimbangan untuk meletakkan calon di mana. Hanya mungkin DAP kali ini tidak banyak terkesan sebab kerusinya masa PRU-13 lepas banyak dia menang.

"Tapi bagi AMANAH, dalam keadaan kerusi Parlimen yang terhad pun, kita masih dapat 27 kerusi. Itulah muafakatnya. Itu baru di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak, ada lagi kerusi," jelasnya.

Ditanya tentang AMANAH Wilayah Persekutuan (WP) yang tidak mendapat sebarang kerusi, Dr Hatta berkata, keputusan tersebut dicapai selepas mengambil pelbagai pertimbangan.

"Nak buat bagaimana," jawabnya ringkas yang turut menolak berita angin kononnya beliau melepas jawatan ekoran tidak mendapat sebarang kerusi di WP.

Beliau juga memberitahu setakat ini, belum ada lagi rundingan semula berhubung pemberian sekurang-kurangnya satu kerusi di Wilayah Persekutuan kepada AMANAH.

Hanya 'regime change' boleh membuat perubahan

Oleh KANUN

TANGGAL 7 Januari 2017, tercatat sejarah baru bagi Pakatan Harapan. Buat pertama kalinya pakatan pembangkang dapat mencapai kata sepakat untuk mencalonkan seorang calon Perdana Menteri jika Pakatan Harapan berjaya membentuk kerajaan baru selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

Sebelum ini, Pakatan Rakyat telah gagal untuk mencapai kata sepakat untuk menamakan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri apabila ianya tidak dipersetujui oleh PAS.

Kini, Pakatan Harapan boleh berbangga apabila kata sepakat telah dicapai untuk menamakan Tun Mahathir Mohamad dan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail masing-masing sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

KANUN mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah ke atas kesepakatan yang berjaya dicapai itu. Apa pun perjalanan ke arah itu masih lagi jauh. Pakatan Harapan perlu memenangi sekurang-kurangnya 112 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Perkara 43(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "(1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu Jemaah Menteri untuk menasihatinya dalam: penjalanan fungsinya. Perkara 43 (2) pula menyatakan, "Jemaah Menteri hendaklah dilantik seperti yang berikut, iaitu:

(a) Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu."

Oleh itu, sebelum Tun Mahathir boleh dilantik sebagai seorang Perdana Menteri, beliau perlulah terlebih dahulu bertanding dalam PRU 14 dan menang kerusi Parlimen yang ditandingi itu. Jika beliau tidak berjaya memenangi kerusi yang ditandingi itu maka beliau tidak layak untuk dilantik sebagai Perdana Menteri.

Meskipun beliau dilantik sebagai seorang senator (Ahli Dewan Negara) beliau tidak layak untuk menjawat jawatan Perdana Menteri. Ini kerana Perkara 43 di atas secara nyata menyatakan bahawa Perdana Menteri yang mempengerusikan Jemaah Menteri

perlu menjadi seorang ahli Dewan Rakyat dan perlu mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

Selain lagi, Perlembagaan tidak menyatakan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ini bermakna kelayakan untuk menjadi seorang Timbalan Perdana Menteri adalah sama seperti seorang Menteri.

Perkara 43(2)(b) Perlembagaan Persekutuan menyatakan "(b) atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Menteri-Menteri lain daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen; tetapi jika sesuatu pelantikan dibuat semasa Parlimen terubur, seseorang yang menjadi ahli Dewan Rakyat yang lepas boleh dilantik tetapi tidak boleh terus memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya melainkan, jika dia telah dilantik menjadi Perdana Menteri, dia ialah ahli Dewan Rakyat yang baru itu, dan dalam apa-apa hal lain, dia ialah ahli sama ada bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negara."

Dalam hal ini, beban untuk Tun Mahathir menang dalam pilihan raya adalah lebih berat berbanding dengan Datin Seri Wan Azizah kerana Datin Seri Wan Azizah boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri meskipun beliau kalah dalam PRU14. Beliau boleh menjadi Timbalan Perdana Menteri dengan cara beliau dilantik sebagai seorang senator.

Fungsi utama seorang Perdana Menteri dalam Perlembagaan adalah untuk mempengerusikan Jemaah Menteri. Jemaah Menteri adalah penasihat kepada YDPA. Menurut struktur Perlembagaan, YDPA adalah kuasa teratas dalam kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan.

Ini dijelaskan dalam Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan iaitu, "Kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh, melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain.

Namun, kuasa sebenar eksekutif adalah berada



di tangan Jemaah Menteri kerana sebagai Raja Berpelembagaan (bukan Raja Mutlak), YDPA adalah terikat dengan nasihat Jemaah Menteri untuk

menjalankan fungsinya kecuali dalam hal tertentu.

Seorang Perdana Menteri juga perlu mengangkat sumpah untuk "jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dan dengan segala daya upaya saya, bahawa beliau akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya."

Apakah kewajipan jawatan Perdana Menteri? Sebagai seorang yang mempengerusikan Jemaah Menteri, kedudukan Perdana Menteri adalah sama seperti seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah syarikat. Seorang CEO berhak untuk menguruskan urusan seharian syarikat berkenaan dan bertanggungjawab untuk memastikan syarikat tersebut terus mencatatkan keuntungan. Justeru, seorang Perdana Menteri wajib untuk mengembalikan haluan negara Malaysia ini ke tempat yang betul.

Jika sekarang ini negara terbelenggu dengan masalah ekonomi, hutang negara yang tinggi, GST, pendatang asing, kos harga barang yang meningkat, cengkaman ekonomi China ke atas Malaysia dan rasuah yang berleluasa maka Perdana Menteri wajib untuk membetulkan semula masalah-masalah itu.

Kerajaan BN yang sedia ada tidak mampu untuk mengatasi masalah itu. Hanya dengan berlaku satu pertukaran rejim (regime changed) yang mampu mengubah keadaan yang sedia ada. Kerajaan sekarang sudah terlalu tepu untuk berubah. Perubahan dan harapan baru hanya boleh muncul jika Pakatan Harapan memegang tampuk pemerintahan.

Selain itu, kewajipan Perdana Menteri juga untuk menguatkan semula institusi-institusi yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan. Antara institusi yang perlu direformasikan adalah institusi Majlis

Negara bagi Kerajaan Tempatan, Majlis Kewangan Negara, Suruhanjaya Pilihan Raya, kehakiman, perkhidmatan awam, Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-Undang termasuk Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pembahagian keadilan ekonomi kepada negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Perdana Menteri juga perlu memperkuat amalan tataurus dan tatakelola yang betul dalam kerajaan dan memperkasakan hak asasi rakyat.

Dengan reformasi yang berlaku ini maka Malaysia akan kembali kepada landasan yang betul. Malaysia dahulu amat dihormati dan disegani oleh negara lain di dunia ini. Kini Malaysia sudah tidak lagi dikenali dengan negara demokrasi tetapi dikenali dengan negara kleptokrasi. Label negatif sebegini perlu dipulihkan supaya pelabur asing akan kembali ke Malaysia dan membuat pelaburan supaya kemakmuran Malaysia akan bertambah subur.

Marilah kita sama-sama berazam untuk mengubah keadaan ini dengan bekerja kuat untuk menjatuhkan kerajaan BN melalui PRU14 yang akan datang. Ingatlah satu undi anda amat berharga kerana ianya akan mencorakkan masa depan baharu bagi Malaysia.

Calon PM PH matikan isu Kit Siang bakal PM

KUALA LUMPUR: Gandingan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri oleh Pakatan Harapan (PH) adalah satu keputusan berani yang menggentarkan BN, kata Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke Siew Fook.

Pencalonan itu kata beliau memberi nafas baru kepada PH selain kejutan besar kepada BN dan pengkritik yang sebelum ini beranggapan parti-parti komponen PH gagal mencapai konsensus dalam isu pelantikan Perdana Menteri.

"Pengumuman ini menutup mulut dan membuktikan kepada pengkritik-pengkritik yang sebelum ini kata PH tidak boleh capai konsensus, tidak boleh buat keputusan ternyata mereka salah," katanya kepada Rokatini.

Ahli Parlimen Seremban itu berkata, pemilihan Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah juga telah berjaya menggentarkan BN yang selama ini sering mendakwa kononnya Lim Kit



Anthony Loke Siew Fook

Siang akan menjadi Perdana Menteri jika PH berjaya mengambil alih pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Ia juga telah menyebabkan Umno-BN begitu takut. Pemimpin-pemimpin BN melompat-lompat membantai keputusan ini, membantai Tun Mahathir dengan mengatakan beliau 'calon kitar semula' dan sebagainya.

"Bagi kita, itu jelas menunjukkan mereka bimbang. Mereka

bimbang bahawa sekarang PH dipimpin oleh Tun Dr Mahathir," kata Anthony.

Mengulas mengenai suara sebilangan pihak dalam PH yang tidak bersetuju dengan pencalonan tersebut, Anthony menegaskan bahawa sebarang kenyataan yang dikeluarkan hanya akan menguntungkan BN.

Perbezaan pandangan terhadap sesuatu cadangan itu katanya adalah lumrah dalam mana-mana parti politik.

"Tak bersetuju tak apa. Tapi jangan buat kenyataan yang boleh dijadikan senjata untuk membunuh PH. Saya nak ingatkan bahawa suara mereka akan digunakan sebagai senjata politik oleh BN," tegas beliau.

Semua pemimpin dan penyokong PH tegasnya perlu memahami strategi yang diambil secara berani dan tidak boleh menoleh kebelakang.

"Keputusan sudah dibuat, jalan terus dan fokus untuk menang PRU14. Kita yakin, ini merupakan strategi kemenangan yang terbaik," katanya.

Umno dakwa DAP anti-Melayu, MCA pula dakwa anti-Cina

KUALA LUMPUR: Kejayaan kerajaan Pakatan Harapan (PH) menerajui Pulau Pinang dicemburui BN apabila terus menerus menjadi mangsa tohmahan berbau perkauman.

Sehubungan itu Ketua Menteri, Lim Guan Eng mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan pelbagai tuduhan liar BN yang menggunakan sentimen agama dan kaum untuk menakut-nakutkan mereka khususnya pengundi Melayu.

"Tentulah BN takkan benarkan kita menang mudah dalam pilihan raya umum kali ini. Mereka tahu akan kalah dan sebab itu mereka terus gunakan emosi dan sentimen agama untuk menakut-nakutkan rakyat terutama pengundi Melayu," katanya di Konvensyen PH, 7 Jan lalu.

Menurut beliau, selain memfitnah DAP sebagai parti anti-Islam dan Melayu, dirinya juga tidak terlepas menjadi mangsa apabila dituduh sebagai anti-Cina oleh para pemimpin MCA.

"Baru-baru ini pemimpin MCA yang chauvinis melabelkan saya anti-Cina kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang menaikkan peruntukan agama Islam sebanyak 84 peratus.

"(Mereka) label saya anti-Cina kerana kita amalkan sistem tender terbuka di mana kontraktor Melayu menang 90 peratus dari kontrak. Siapa sebenarnya rasis? Siapa sebenarnya mainkan sentimen perkauman? Itulah BN!" kata Setiausaha Agung DAP itu.

Keadaan yang melanda parti pemerintah itu kata Guan Eng jelas menunjukkan BN telah hilang idea dan idealisme serta telah mengkhianati prinsip demi kepentingan kuasa mereka.

"Ia perlu digantikan demi selamatkan rakyat dan negara," kata beliau.

AMANAH boleh raih kerusi di peringkat negeri

Oleh **HUSIN MAHAT**

AMANAH tidak menghalang para pemimpin dan ahlinya menyuarakan ketidakpuasan hati berhubung pembahagian kerusi parlimen di kalangan parti-parti Pakatan Harapan (PH) kerana menganggapnya sebagai amalan biasa dalam demokrasi.

"Itu hak mereka untuk bersuara," kata Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub ketika dihubungi.

Salahuddin menambah, fokus utama parti adalah untuk memenangi pilihan raya umum

(PRU) dan menubuhkan kerajaan di peringkat persekutuan bersama Pakatan Harapan dan soal pembahagian kerusi parlimen sudah pun diputuskan.

Menurutnya, kini terpulang kepada pemimpin AMANAH negeri untuk memuktamadkan rundingan bagi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dan mereka boleh menuntut bilangan kerusi yang munasabah di peringkat negeri.

Salahuddin mengulas rasa tidak puas hati para pemimpin AMANAH Johor, Perak dan Wilayah

Persekutuan terhadap pembahagian kerusi parlimen di kalangan parti-parti komponen PH di Semenanjung apabila parti itu hanya diberikan 27 kerusi.

Bersatu akan bertanding di 52 kerusi parlimen, Keadilan (51) dan DAP (35).

Beliau yang juga naib presiden PH bagaimanapun yakin isu ini akan reda dan para pemimpin AMANAH akan berlapang dada menerima keputusan itu.

"Apatah lagi, pengerusi PH Tun Mahathir Mohamad sendiri mengakui sikap toleransi kita yang

tinggi telah menjayakan rundingan kerusi di kalangan parti-parti PH," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, para pemimpin AMANAH menyambut baik keputusan pembahagian kerusi PH.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu ketika ditemui seusai Konvensyen PH semalam yakin parti itu akan memenangi kesemua 27 kerusi Parlimen yang diperuntukkan pada PRU akan datang.

"Insya Allah, kita akan menang semua (kerusi)," jawabnya ringkas sejeurus turun dari pentas utama

selepas selesai sidang media.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad pula memberitahu parti berusia dua tahun itu berjaya memperoleh kerusi Parlimen yang sebelum ini dituntut.

"Kita dapat kebanyakan kerusi (Parlimen) yang kita mahu. Dan kerusi yang AMANAH dapat adalah kerusi yang berpotensi tinggi boleh menang," katanya.

Ketika berucap pada konvensyen PH 7 Jan lalu, Tun Mahathir mengakui AMANAH telah menjayakan rundingan kerusi pilihan raya parti-parti gabungan PH.

Jual tanah untuk bayar hutang kaedah baru pentadbiran Najib

KUALA LUMPUR: Tindakan Bank Negara Malaysia membeli 22.58 hektar tanah kerajaan dengan nilai RM2 bilion tidak disenangi Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pembelian tanah bagi tapak pembinaan Global Islamic Finance University dan International Research Academy for Islamic Finance itu disifatkan Tun Mahathir sebagai kaedah mengembalikan semula 'kerugian' Kementerian Kewangan setelah syarikat miliknya, 1MDB membayar RM2.4 bilion kepada International Petroleum Investment

Company (IPIC).

"Menjual harta adalah cara kerajaan membuat duit. Kita (Malaysia) menjual tanah di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang baru-baru ini dan membuat duit yang cukup bagi membayar ansuran hutang kepada IPIC.

"Kita banyak lagi tanah. Jika kita jual beberapa negeri kita akan jadi sangat kaya. Ini salah satu cara untuk mencapai Wawasan 2020.

"Lebih banyak tanah untuk dijual dan sedikit hasil jualan dapat diagihkan sebagai BR1M bagi mencapai status negara ber-

pendapatan tinggi. Kita akan menjadi negara maju. Tidak perlu menunggu sehingga 2050," sindir Tun Mahathir dalam tulisan di blognya, chedet.cc baru-baru ini.

Situasi yang membelenggu Bank Negara saat ini kata beliau berbeza ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

Pada waktu itu, meski pun Bank Negara mencatatkan perkembangan baik beberapa kali, ia tidak pernah mengeluarkan wang yang banyak bagi aktiviti sedemikian.

Ujarnya, lebih lama (BN) memerintah lebih banyak tanah akan dijual dan ini

adalah 'kerja yang bagus'.

"Lihat Singapura. Ia kecil berbanding Malaysia. Tetapi ia memiliki pendapatan per kapita yang lebih tinggi daripada Malaysia.

"Singapura sebahagian dari Malaysia sebelum ini. Ia dijual kepada Inggeris. Sekarang ia negara merdeka.

"Kita tidak perlukan sebuah kawasan tanah yang luas. Jika kita menjual kesemua tanah yang berlebihan itu kita akan melihat ia maju membangun. Kita boleh berbangga dengan pembangunan itu," katanya lagi.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Gandingan Tun M-Dr Wan Azizah persiapan akhir PH ke Putrajaya

“ Tun M yang sudah 'reformed' dan lebih komited kepada agenda reformasi hari ini, adalah jauh lebih disenangi oleh sebahagian besar rakyat termasuk Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun Murut dan Orang Asal berbanding Najib yang tegar menolak tanggapan dunia perihal 'rompakan-kleptokrasi' terdahsyatnya dalam 1MDB dan kini Felda, serta polisi fiskalnya sebagai penyebab utama bebanan hidup rakyat. ”

DUNIA pernah menyaksikan bagaimana parti-parti tertua yang memerintah di negara mereka seumpama Institutional Revolutionary Party (PRI) di Mexico, akhirnya tumbang selepas 71 tahun (1929-2000). Juga begitu Colorado Party di Paraguay, yang mentadbir selama 61 tahun (1947-2008) juga tersingkir sudahnya.

United Malay National Organisation (Umno) yang menyambut ulang tahunnya yang ke-71, pada 11 Mei 2017 lalu telah pun menjadi penguasa politik sejak Merdeka dan penubuhan Malaysia. Telah menang 13 pusingan pilihan raya umum (PRU).

Hanya dalam PRU-13 (2013), Umno dan koalisinya Barisan Nasional (UBN), mengalami kekalahan 'undi popular' dengan mendapat 47%, akan tetapi tetap gagal memulihkan penguasaan majoriti dua pertiga di Parlimen. Tanda-tanda awal sindrom kejatuhan UBN semakin ketara. Apakah telah mula terserlah dengan pemasyhuran keputusan calon Perdana Menteri (PM) dan Timbalan Perdana Menteri (TPM) dalam Konvensyen Pakatan Harapan (PH) baru-baru ini?

Tidak syak lagi, gandingan Tun Mahathir-Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (Tun M-DSWA) adalah keputusan strategik paling bijak dan tepat untuk meraih kemenangan PH untuk PRU-14 ini. Keputusan disepakati setelah mengambil perhitungan seluruh faktor-faktor kejayaan, dapatan kajian serta sambutan rakyat secara zahir.

Tidak hairanlah menteri-menteri serta media UBN semacam dalam satu 'frenzy' atau 'sasau' menghentam Tun M dan keputusan ini. Semakin kuat dan kalut mereka 'meroyan' semakin terang dan jelas Najib dan UBN dalam keadaan panik atau kaget dengan penampilan calon PM-TPM yang dikemukakan 'Kerajaan Menanti' ini.

Keputusan bijak ini pertamanya membunuh kempen jahat Najib-UBN dan lawan PH yang lain, khususnya di kawasan majoriti Melayu-Islam, bahawa kononnya DAP mengawal serta mendominasi PH. Andainya menang, ada yang percayai Lim Kit Siang akan menjadi PM atau juga Lim Guan Eng sebagai Timbalan PM. Najib kini kehilangan modal utama kempennya di kalangan pengundi Melayu-Islam dalam PRU14 ini.

Dengan kata lain, ini adalah antara 'master stroke' keputusan pimpinan tertinggi PH, serentak menghilangkan segala kekusaran

dan ketakutan pengundi Melayu-Islam, bandar dan luar bandar. Lalu, lebih awal ia diumumkan dan disebar-luaskan maka lebih baik untuk menangani psikologi dan dilema pengundi Melayu. Itu juga perhitungan strategik mengapa ia mesti dimumuskan awal.

Tegasnya, untuk merungkai 'dilema dan kekusutan fikiran' pengundi Melayu dengan mainan propaganda jahat dan momokan Najib-UBN, yang semakin ketara menggunakan isu perkauman dan agama dalam PRU14 ini.

Agenda reformasi

Tidak sesiapa seharusnya mengesyaki atau curiga bahawa PH telah semacam membelakangi agenda reformasi serta mengenyepikan ikon reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim. Masakan boleh dilakukan sebegitu seperti didakwa beberapa pihak termasuk kawan-kawan PH?

Meneliti butiran 'Muafakat Pakatan Harapan' secara jelas dan tuntas telah ditetapkan 13 agenda reformasi 'Membangun Semula Negara' yang bakal digalas Kerajaan Baru PH. Ini yang rakyat mahu diutamakan. Disamping itu, usaha konkrit untuk memungkin Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) diangkat sebagai PM ke-8, juga segera dijalankan pihak Eksekutif dalam Kerajaan Baru nanti.

Cemuhan dan kutukan dimainkan seumpama Tun M adalah calon 'kitar semula' dan termasuk secara sinis dengan istilah calon 'vintage'. PH seolah-olah tak ada calon lain? Bukankah Tun M pernah digelar pembangkang sebagai 'Mahazalim' dan 'Mahafiraun' tetapi hari ini golongan itu pula yang mendukung beliau? Serentak dimainkan insiden Memali, Ops Lalang bahkan kehilangan berbilion dalam 'skandal Forex' yang semuanya disalahkan kepada Tun M.

Sekali lagi terserlah pemikiran pimpinan PH yang amat 'principle-centred' dan strategik, kerana sangat memahami tuntutan rakyat dan negara! Melepasi isu emosi dan psikologi, lalu PH bersedia menilai Tun dengan komitmen beliau kepada usaha menangani kehancuran negara akibat angkara Najib dan kerajaan kleptokratnya, UBN.

Protes senyap

Dengan kesediaan Tun mengakui akan

kesilapan-kesilapan lamanya' selaku insan biasa termasuk mengiktiraf kesudian DSAI dan keluarganya untuk bekerjasama dengan beliau dan partinya PBBM, maka PH telah bersedia untuk 'memafkan Tun', namun sukar untuk 'melupakan' angkara silam Tun (forgive but can't forget).

Meskipun bersifat anekdotal, seorang mantan Menteri penuh UBN beberapa hari lalu membuat pengakuan kepada penulis, bahawa PH telah pun bersedia nampaknya untuk mengambil alih Putrajaya. Juga saya mendengar protes senyap yang akan dilakukan pelbagai pihak yang dulunya penokong UBN sangat 'pervasive' atau luas. Mereka bosan dan getik dengan Najib dan Rosmah. Itu anekdotnya diakar-umbi.

Dari keputusan bijak merumuskan organisasi koalisi PH satu ketika dulu dan kini, setelah berhempas pulas, mencapai kata sepakat calon PM-TPM ini, maka seluruh pimpinan tertinggi PH dan kini rakyat, semakin merasakan bahawa kemenangan PH dalam PRU14 ini adalah amat menasabah atau 'within striking distance'. Dengan DSAI masih di dalam, maka Tun M mesti 'lead the charge' ke arah kemenangan.

Mantan PM yang insaf dan sadar akan keutamaan menyelamatkan negara yang rosak ini adalah jauh lebih baik dari seorang calon PM Umno-BN yang masih kekal angkuh, tidak insaf (remorseless) bahkan dalam penafian (in denial).

Nilai ringgit

Sebahagian besar tuduhan terhadap Tun M dijawab-balas dengan berkesan dan ada yang berfakta. Mantan Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman dalam rakaman video-nya menjelaskan bahawa Tun M tidak bertanggungjawab dalam pemecatan Tun Saleh Abbas dan beberapa Hakim yang lain.

Pun begitu insiden Memali dan Amanat Haji Hadi terpalit kepada Haji Hadi sendiri. Juga cubaan Najib untuk memalitkan Tun dalam 'kes Forex' yang kehilangan berbilion ringgit diserang-balas Tun M dengan pendedahan RM161 bilion apabila Bank Negara Malaysia 'mempertahankan' kejatuhan nilai ringgit.

Segmen rakyat yang 'celik aspek kewangan' telah pun faham kedudukan sebenarnya konon 'skandal' yang cuba membabitkan Tun M dan DSAI. Suruhanjaya Siasatan



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Diraja (RCI) 1MDB yang rakyat tuntutan, RCI Forex pula yang disogokkan penguasa kerajaan kleptokrat Najib ini.

Nah, dengan Tun M sebagai calon PM ke-7 dan pimpinan PH seperti mantan TPM Tan Sri Muhyiddin Yassin dan DSAI yang menanti untuk bertindak serta pimpinan 'second tier' yang juga kompeten seperti Ketua Menteri Pulau Pinang, Menteri Besar Selangor, Dato Husam Musa, Rafizi Ramli, Tony Pua dan ramai lain, kelu lidah seteru dan lawan PH untuk menuduh kami tidak punya tokoh berwibawa untuk mentadbir Putrajaya.

Sokongan Melayu

Peralihan untuk menokok 10% lagi sokongan Melayu, di atas apa yang dicapai dalam PRU-12 dan PRU-13, sudah mula mampu dirasai menasabah atau 'doable'. Bahkan tidak mustahil untuk seluruh warganegara ini, rentas kaum, etnik dan negeri, akan mencetuskan kebangkitan rakyat dalam sebuah "Tsunami Rakyat" buat menolak Kerajaan Kleptokrat pemusnah negara. Hatta 'persemipadan semula' yang amat tempang dan sarat 'gerrymandering' itu juga tidak akan dapat menyelamatkan kerajaan Najib! Itulah mimpi ngeri Najib UBN!

Di akhir penulisan ini, tidak sempurna kalau tidak disinggung sedikit betapa pilihan DSWA ditanggapi umum sebagai amat bijak. Bukan sahaja pilihan itu sangat bertepatan dan 'ikonik' dalam kelangsungan pergerakan reformasi, ia sekaligus telah mengangkat martabat wanita kerana buat julung kalinya akan dinobatkan sebagai Timbalan Perdana Menteri Wanita dalam naratif perjuangan politik negara-bangsa ini, apabila PH mengambil alih Putrajaya.

Tujuh dekad pentadbiran kerajaan Umno-BN gagal memulihkan 'Karamah Wanita' dalam hierarki kuasa dan pemerintahan. Pencalonan DSWA selaku calon TPM adalah sangat besar ertinya serta pastinya akan menggamit sokongan dan undi wanita, yang selama ini mahukan peranan dan pengorbanan kaum Hawa ini diiktiraf.

Komitmen Tun Dr Siti Hasmah yang berdiri teguh menyokong Tun M juga sangat ajaib dan meyakinkan. Najib dan Rosmah sebaliknya terus cemas, rimas dan lemas.

Semoga Allah membuka hati-hati hamba-Nya kepada gerakan perubahan dan Islah dalam PRU-14 nanti. Amin.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Bukan Tun M mahukan Tun Salleh dipecat

KUALA LUMPUR: Bekas peguam negara Tan Sri Abu Talib Othman mengakui Tun Dr Mahathir Mohamad tidak mencadangkan pemecatan ketua hakim negara Tun Salleh Abbas pada 1988 sebaliknya ia hanya mengikut titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Iskandar Sultan Ismail (Almarhum).

Abu Talib mengulas kenyataan Tun Mahathir yang mengakui tidak ada kaitan dengan pemecatan Tun Salleh dan sanggup bersumpah dengan al-Quran untuk membuktikan kenyataannya adalah benar.

Abu Talib berkhidmat sebagai peguam negara dari 1980 hingga 1993.

Menjelaskan peristiwa itu, Abu Talib memaklumkan kepada Tun Mahathir selaku perdana menteri pada waktu itu bahawa beliau mahupun Yang di-Pertuan Agong tiada kuasa untuk memecat ketua hakim negara.

"Ia adalah saat yang mencabar. Bolehkah kamu tidak pedulikan titah Yang di-Pertuan Agong?"

"Jadi saya nasihatkan Dr Mahathir dan mengingatkan beliau sumpah yang dilafazkan sebagai perdana menteri bahawa beliau perlu mempertahankan perlembagaan. Dan beliau katakan kepada saya, 'kamu pergi beritahu Agong'."

"Saya menghadap baginda di Johor. Dan Agong tetap mahu tindakan itu diambil. Lagi sekali saya ingatkan baginda bahawa perdana menteri mahu pun Agong tidak boleh memecat ketua hakim negara itu," kata Abu Talib kepada pemberita, dekat sini, 4 Jan lalu.



Abu Talib Othman

Abu Talib berkata beliau telah mengingatkan Agong berhubung sumpahnya, bahawa baginda mesti melindungi dan mempertahankan perlembagaan.

Krisis kehakiman pada 1988 berlaku selepas Tun Salleh dipecat sementara lima lagi ketua hakim digantung tugas.

Tun Salleh menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong ketika itu mewakili badan kehakiman, meluahkan kekecewaan terhadap dakwaan yang dibuat oleh Dr Mahathir terhadap badan kehakiman.

Majlis Peguam turut mempersoalkan pemecatan itu dan menyifatkan ia sebagai tidak berperlembagaan.

Abu Talib berkata, Agong murka den-

gan surat Tun Salleh yang mengadu mengenai kritikan yang ditimbulkan oleh badan kehakiman oleh eksekutif.

"Itulah puncanya. Aduan itu nampaknya menyebabkan kemurkaan Yang di-Pertuan Agong Sultan Iskandar.

"Baginda kemudian merujuk surat Tun Salleh kepada perdana menteri dan menitahkan tindakan sewajarnya perlu diambil berhubung aduan itu.

"Memandangkan kedua-duanya bersejua untuk ambil tindakan, saya sediakan dokumen yang perlu untuk menubuhkan tribunal," katanya dan menambah beliau menggunakan nama Dr Mahathir untuk menubuhkan tribunal kerana komunikasi dengan pihak istana diuruskan pejabat perdana menteri.

Prosedur untuk memecat ketua hakim negara termaktub dalam Perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan, yang menyatakan tribunal mesti ditubuhkan untuk menyalut sama ada terdapat kes salah laku atau ketidakupayaan dari kelemahan badan atau minda atau sebarang sebab lain sebelum menjalankan penyingkiran.

Tribunal itu terdiri daripada enam ahli yang dipengerusikan oleh hakim Mahkamah Agung dan bekas Ketua Hakim Negara Tun Hamid Omar yang memecat Tun Salleh.

Pada tahun yang sama, Perlembagaan Persekutuan digubal untuk membuang terma "kuasa kehakiman" daripada Perkara 121 (1) Perlembagaan Persekutuan, yang mengamalkan kehakiman ke Parlimen.

Abu Talib berkata walaupun beliau menganggap perkara itu sebagai sejarah, "ia telah dipolitikkan dan dijadikan isu peribadi".

"Tidak benar Dr Mahathir yang mulakan tindakan memecat atau mahukan Salleh dipecat, beliau hanya menurut titah Agong ketika itu.

"Saya bukan mahu pertahankan Dr Mahathir namun itulah fakta. Saya tidak bermain politik tetapi menggunakan fakta," tambah bekas peguam negara itu.

Ketika berucap pada kempen pilihan raya umum (PRU) 1995, Tun Salleh yang bertanding atas tiket Semangat 46 di Parlimen Lembah Pantai memaklumkan bahawa Sultan Iskandar telah memohon maaf kepadanya atas insiden pemecatan beliau.

SPR perlu jelaskan siapa pengundi pos, pengundi awal

Oleh **AKMAL HAZIQ**

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengeluarkan data dan statistik lengkap golongan yang dikategorikan sebagai pengundi pos dan pengundi awal.

Nurul Izzah yang juga Pengarah Pilihan Raya Keadilan mengulas kenyataan Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah berhubung anggota keselamatan dan kesihatan yang diberi kemudahan sebagai pengundi pos.

"Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pastinya menyaksikan satu pertemuan sengit antara dua koalisi politik yang mewa-

ruai perjalanan demokrasi Malaysia.

"Oleh yang demikian, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diingatkan bahawa rakyat bukan sahaja memerhati, tetapi juga terlibat secara langsung dengan proaktif dalam PRU kali ini," kata beliau dalam kenyataan.

Nurul Izzah menimbulkan persoalan sama ada anggota keselamatan yang tertakluk di bawah Akta Polis dan Akta Tentera boleh dibicarakan jika melakukan kesalahan di bawah Akta Pilihan Raya 1954?

Beliau juga mahukan bilangan anggota keselamatan dan kesihatan yang akan dikerahkan bertugas pada hari pengundian dikeluarkan supaya tidak

wujud penyelewengan undi.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu turut merujuk pemakluman Pengerusi SPR bahawa perkara 3(1) hingga (4) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 menetapkan mana-mana warganegara yang mendaftar sebagai pemilih boleh mengundi secara pos dengan syarat mereka perlu tergolong dalam satu daripada kategori yang ditetapkan SPR.

"Justeru, adakah SPR akan mengeluarkan data dan statistik lengkap senarai anggota keselamatan dan kesihatan yang dibenarkan untuk memohon sebagai pengundi awal mengikut kawasan?"

"Saya yakin, langkah ini mustahak bagi menjamin ketelusan SPR disemak oleh

rakyat.

"Tambahan pula, Pengerusi SPR juga telah secara langsung memberikan jawapan berkait amalan pengiraan undi awal pada hari yang sama sebagai tidak praktikal kerana mempengaruhi pola pengundian pada hari mengundi," ujarnya.

Beliau mempersoalkan sama ada menjadi tanggung jawab SPR untuk memastikan pola pengundian dikawal seperti mana amalan peralihan pengundian dan persempadanan semula dilaksanakan.

"Bukankah SPR bertanggungjawab untuk melaksanakan pilihan raya secara adil dan saksama tidak kira apa jua pola pengundian yang berada dalam peti undi oleh rakyat?" soal beliau.

'Program rasionalisasi' 1MDB bayar hutang IPIC meragukan

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN perlu menjelaskan 'program rasionalisasi' 1MDB untuk membayar hutang International Petroleum Investment Company (IPIC) berjumlah RM2.4 bilion dengan cara melupuskan saham syarikat pelaburan negara itu dalam dua syarikat milik China.

Merujuk laporan *The Straits Times Singapore*, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua mahu Kementerian

Kewangan mendedahkan kepada rakyat tentang 'program rasionalisasi' 1MDB itu.

Ini kerana, tambah beliau tiada sebarang penjelasan dibuat Kementerian terbabit ataupun 1MDB berhubung 'program rasionalisasi' tersebut.

The Straits Times Singapura baru-baru ini melaporkan bahawa dana bagi membayar hutang IPIC adalah dari-

pada penjualan pelaburan dalam dua entiti melibatkan 1MDB yang memiliki tanah di Pulau Pinang dan Pulau Indah, Selangor.

"Persoalannya sekarang, jika 1MDB telah melupuskan hartanah kontroversinya di Pulau Indah dan Pulau Pinang kepada syarikat China, kenapa masih belum ada kenyataan dari sumber rasmi (kerajaan)?" soalnya lagi.

Pada 29 Disember lalu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani ketika ditemui media enggan memberi sebarang ulasan berhubung pendedahan laporan akhbar Singapura itu.

Johari malah memberitahu pihak media supaya mendapatkan penjelasan daripada Setiausaha Perbendaharaan.

Anwar gesa permohonan beliau tidak dibantah kerajaan BN

Usaha **kembalikan** perkenan Diraja

KUALA LUMPUR: Bekas ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap kerajaan BN tidak mencabar permohonannya untuk mengembackan keperluan mandatori mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong sebelum sesuatu rang undang-undang (RUU) menjadi akta.

Permohonan beliau telah di-failkan di Mahkamah Persekutuan Putrajaya, 2 Jan lalu.

"Pengembalian keperluan mandatori perkenan diraja ini adalah untuk menjamin keseimbangan

perlembagaan di antara pihak kerajaan yang dipilih dan institusi Raja-Raja Melayu yang kita warisi turun-temurun.

"Ia juga akan memelihara dan mempertahankan peranan dan kedudukan Raja-Raja Melayu dan integriti institusi raja berperlembagaan.

"Raja-Raja Melayu memainkan peranan penting dalam memastikan pihak eksekutif tidak menyalahguna demokrasi dan kerangka perlembagaan negara," ujarnya dalam satu kenyataan, 4 Jan lalu.

Pada Jun tahun lalu, Majlis Raja-

Raja menyatakan kebimbangan terhadap RUU Majlis Keselamatan Negara, yang memberi kuasa perisytiharan darurat kepada Perdana Menteri dan Majlis Keselamatan Negara.

Namun kerajaan BN memilih untuk tidak mengendahkan kebimbangan Majlis Raja-Raja ini dan terus mewartakan RUU tersebut tanpa perkenan Diraja.

Ketua umum Pakatan Harapan (PH) itu berkata, insiden seperti ini belum pernah terjadi dan menjadi bukti betapa perlunya perkenan Diraja dijadikan keper-

luan mandatori semula sebelum sesuatu rang undang-undang itu menjadi akta.

"Kerajaan BN seringkali berkata ia komited mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu.

"Oleh itu saya menggesa Datuk Seri Najib dan pihak kerajaan untuk mengarahkan para peguam kerajaan agar permohonan saya ini tidak dibantah di Mahkamah Persekutuan.

"Memandangkan kes ini bersifat kepentingan awam, saya menggesa agar pendengaran dapat diadakan secepat mungkin," ujarnya.



Anwar Ibrahim

Rundingan dengan Adun Pas Selangor masih berjalan

KUALA LUMPUR: Timbalan presiden AMANAH Salahuddin Ayub mengakui pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa Adun Pas Selangor dan menyifatkannya sebagai satu permulaan yang baik.

Menurut beliau, perbincangan itu berjalan mudah dan mesra kerana mereka telah saling mengenali sejak sekian lama dan mempunyai cita-cita yang sama untuk melakukan perubahan dalam politik negara.

"Mereka kecewa kerana rasa dipinggirkan dalam Pas, dianggap tidak setia kepada parti dan tidak wala' (patuh) kepada pemimpin," jelas Salahuddin ketika ditemui.

Salahuddin bagaimanapun berkata, pihaknya tidak memberikan apa-apa tawaran kepada Adun-Adun Pas terbabit kerana ia bukanlah satu budaya yang sihat.

Bagaimanapun tambah beliau, AMANAH

membuka pintu seluas-luasnya kepada mereka untuk bersama parti itu dan berperanan mengikut kemampuan masing-masing.

Diminta mengulas tentang desas-desus Adun-Adun Pas tersebut ditawarkan bertanding atas tiket Keadilan dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang, Salahuddin berkata ianya tidak timbul kerana Adun-Adun Pas itu telah menafikannya.

Beberapa portal berita baru-baru ini melaporkan sekurang-kurangnya enam Adun Pas akan menyertai Keadilan dan bertanding atas tiket parti itu di peringkat Dun pada pilihan raya umum akan datang.

Berita itu disambut baik oleh beberapa pemimpin PKR negeri.

Bagaimanapun naib presiden Pas yang juga bekas pesuruhjaya Pas Selangor Datuk Iskandar Abdul Samad menafikan desas-

desus itu dan yakin dengan kesetiaan semua wakil rakyat dan pemimpin parti itu di Selangor yang "tidak mudah melatah, apatah lagi melompat ke parti lain termasuk PKR".

Iskandar yang juga exco kerajaan negeri Selangor berkata, dakwaan ada pemimpin dan Adun Pas negeri akan menyertai PKR adalah khabar angin yang sengaja digembar-gemburkan pihak lawan yang terdesak untuk mendapat sokongan rakyat negeri itu menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Saya yakin 100%, wakil rakyat serta pemimpin Pas Selangor akan setia kepada Pas. Laporan media bahawa beberapa Adun serta pimpinan Pas Selangor akan menyertai PKR adalah tidak benar.

"Pada saya, ia adalah khabar angin yang sengaja dicipta untuk mengganggu persia-

pan Pas Selangor menghadapi pilihan raya umum yang dijangka kurang dari 3 bulan mulai sekarang.

"Ia juga bertujuan mewujudkan kegusaran di kalangan ahli-ahli agar mereka hilang tumpuan," katanya melalui mesej WhatsApp kepada FMT, 23 Dis lalu.

Iskandar mengulas laporan The Malaysia Insight yang memetik sumber sebagai berkata, jentera pilihan raya PKR Selangor diminta bersedia menerima gelombang kemasukan kedua pemimpin dan ahli Pas negeri itu, termasuk bertanding atas tiket PKR pada PRU14.

Sumber itu dilaporkan mendakwa 'gelombang kedua' itu membabitkan wakil rakyat Pas Selangor yang dikatakan tidak berpuas hati dengan hala tuju parti itu ketika ini yang mahu bersendirian pada PRU14.

Amiruddin nafi bakal MB Kedah

KUALA LUMPUR: Ketua pembangkang Dun Kedah Datuk Ir Amiruddin Hamzah menafikan bakal dilantik menteri besar jika Pakatan Harapan (PH) berjaya membentuk kerajaan di Kedah pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Anak Bukit itu menyertai Pas pada 1999 namun mengumumkan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pada 26 November lalu.

Beliau memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Anak Bukit pada 2002 yang diadakan ekoran kematian penyandanginya, Datuk Fadzil Mohd Nor.

Selama empat penggal mewakili Pas bagi Dun Anak Bukit, Amiruddin ialah salah seorang yang disebut-sebut sebagai calon menteri besar (MB) jika Pas dan Pakatan Rakyat berjaya menawan negeri itu.

"Pandangan saya sesiapa sahaja yang bertanding boleh menjadi MB. Untuk menjadi MB parti yang diwakili calon itu perlu

memenangi kerusi yang banyak daripada parti dalam gabungan.

"Kita pun tak tahu parti mana yang akan bertanding kerusi yang lebih banyak daripada parti yang lain dalam PH. Kita juga tidak tahu sejauh mana kemampuan PH memenangi kerusi yang dipertandingkan untuk menumbangkan BN.

"Untuk mengatakan saya masuk PPBM kerana ditawarkan menjadi MB itu dakwaan tidak betul. Insya Allah saya doakan PH menang di Kedah. Sudah tentulah parti komponen PH yang terbanyak kerusi dimenangi akan ada calonnya menjadi MB. Mungkin Keadilan, AMANAH atau PPBM tetapi tidak DAP kerana bilangan kerusi DAP paling sedikit di negeri ini," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Tindakan Amiruddin keluar Pas telah mengubah kedudukan kerusi PH di Dun Kedah yang kini mempunyai 9 kerusi manakala Pas (7) dan BN (20).

Amiruddin juga tidak keberatan untuk

berterus terang ketika ditanya sebab beliau memilih PPBM, parti serpihan Umno bertanding menyertai AMANAH.

Beliau mengakui pernah dipelawa oleh keempat-empat parti gabungan dalam PH, sebaliknya beliau memilih PPBM.

"Saya berpandangan semua parti gabungan dalam PH punya kredibiliti untuk menumbangkan BN dalam PRU akan datang.

"Saya merasakan diri saya bersedia dan mampu memberikan sumbangan kepada PPBM dalam usaha untuk menjatuhkan BN. "Setiap parti mempunyai kekuatan masing-masing. Dalam senario di negeri Kedah dan di Dun Anak Bukit saya rasakan dapat beri sumbangan lebih bermakna kepada PH bertanding kekal dalam Pas," ujarnya.

Ditanya sama ada beliau berhasrat untuk mengekalkan kerusi Dun Anak Bukit dalam PRU14, Amiruddin menyerahkan kepada pucuk pimpinan PPBM negeri.

"Saya pulangkan keputusan itu kepada pimpinan PPBM. Saya menjadi ahli parti

sahaja, jika merasakan di tempat yang saya sudah jadi wakil rakyat selama empat penggal ini masih dianggap 'winnable candidate' (calon boleh menang) atau ditempat lain terserahlah pada PPBM menentukannya," ujarnya.

Mengenai dakwaan beliau akan membawa masuk lebih ramai ahli dan pemimpin Pas menyertai PH, Amiruddin berkata perkara itu sudahpun berlaku.

"Ramai yang bertanya saya soalan ini. Di Kulim dan Kubang Pasu sudah berlaku. Mahfuz pun dah keluar Pas (MP Pokok Sena). Sebagai sebuah negara demokrasi, jangan sekali-kali kita meletakkan intelektual seseorang di peringkat rendah.

"Sebenarnya mereka boleh menilai sendiri dan membuat keputusan sendiri sama ada untuk kekal dalam Pas atau berhijrah ke parti baharu yang dirasakan dapat membawa harapan mereka," ujarnya yang tidak sekali-kali berhasrat untuk menarik ahli Pas di negeri itu keluar parti.

Kawasan pilihan raya ikut kaum tidak jamin BN menang

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya yang secara ketara melonggokkan satu-satu kaum di banyak kawasan terutama di Selangor tidak akan menjamin kemenangan mutlak Umno-BN, tegas Timbalan Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) Selangor, Abbas Azmi.

Menurutnya, kuasa sebenar terletak di tangan rakyat sebagai pengundi yang dihipit kenaikan mendadak kos sara hidup akibat polisi BN sebagai parti pemerintah.

"Kita tidak nafikan syor persempadanan semula oleh SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) khususnya di Selangor mendatangkan tempas kepada PH termasuk dari segi strategi dan pendekatan selepas ini.

"Tiba-tiba banyak kawasan yang dulu kita menang di Selangor, dipecah-pecah dan dilonggokkan pula ikut kaum. Daripada mulanya kawasan bercampur dengan jumlah pengundi Melayu dan Cina lebih kurang

“Tiba-tiba banyak kawasan yang dulu kita menang di Selangor, dipecah-pecah dan dilonggokkan pula ikut kaum. Daripada mulanya kawasan bercampur dengan jumlah pengundi Melayu dan Cina lebih kurang sama banyak, sekarang diubah didominasi oleh satu-satu kaum.”

sama banyak, sekarang diubah didominasi oleh satu-satu kaum.

"Tapi kita jangan lupa, PRU-14 (Pilihan Raya Umum ke-14) ini sebenarnya adalah 'rakyat hakim negara,'" katanya.

Beliau menambah, terserah kepada rakyat untuk membuat pilihan pihak mana yang komited untuk menangani pelbagai masalah yang dihadapi pada masa ini.

Abbas yang juga Ketua Pemuda AMANAH Selangor mengulas pembentangan Timbalan Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman baru-baru ini berhubung kesan persempadanan semula kawasan pilihan raya terhadap PRU-14.

Menurut bekas pensyarah kanan Universiti Malaya (UM) itu, BN di atas kertas seolah-olah yakin boleh mengambil alih Selangor selepas kajian mendapati banyak kawasan bercampur yang dimenangi calon Pakatan Rakyat ketika pilihan raya umum lalu telah diubah dan didominasi kaum tertentu.

Mengulas lanjut, Abbas berkata, kecenderungan mengumpulkan pemilih Melayu di sesuatu kawasan pilihan raya bagi memastikan kemenangan BN seolah-olah menganggap segmen pengundi yang menjadi target parti itu terlalu naif untuk membuat pilihan.

"Jangan skeptikal terhadap pengundi Melayu. Orang Melayu sudah berubah. Terbukti

pada dua siri PRU lalu, pengundi Melayu sudah terang-terang bangkit berubah untuk menyingkirkan Umno-BN.

"Walaupun SPR mampu buat apa yang dia mahu ditambah dengan penekanan Najib Razak tahun lepas yang asyik mengulang 'sehingga ke titisan darah terakhir' dalam mahu mempertahankan kuasa, rakyat sebenarnya yang mempunyai kuasa penentu," tegasnya.

Tambahan pada masa ini, jelasnya kenaikan harga barang akibat kesan berantai cukai menindas GST dan penarikan subsidi terhadap barangan keperluan rakyat semakin mencelikkan rakyat betapa bahayanya terus memberi mandat kepada Umno-BN.

"Orang Melayu pun tidak terkecuali daripada merasa tertekan. Belum lagi harga minyak yang lebih kerap naik daripada turun.

"Ini semua tidak berlaku menjelang PRU-13 lepas. Ini yang menyebabkan orang Melayu tidak boleh diam, apa lagi masih mengundi Umno-BN," ujar Abbas lagi.



Abbas Azmi

Tempoh tiga bulan paling kritikal

SHAH ALAM: Timbalan Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE) Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman berpendapat tempoh sehingga Mac ini sebagai fasa paling kritikal bagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, syor persempadanan semula kawasan pilihan raya yang menyasarkan pengundi Melayu menuntut sejauh mana strategi Pakatan Harapan dalam memenangi hati segmen tersebut.

"Tempoh tiga bulan ini sebagai tempoh paling kritikal. Kalau Pakatan Harapan ambil pendekatan proaktif, saya kira boleh mengubah keputusan pilihan raya.

"Sasaran pada kali ini pengundi Melayu. Pendekatan perlu berubah. Bagaimana dasar-dasar mendekati pengundi Melayu ini dapat diusahakan?" katanya pada sidang media Kajian Persempadanan Semula PRU dan Kesan terhadap PRU14 di Auditorium IDE, dekat sini, 4 Jan lalu.

Walaupun syor persempadanan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kali ini seperti memberi gambaran kemenangan kepada BN tetapi hal tersebut, tegas beliau, tidak semestinya berlaku.

"Hasil (keputusan pilihan raya) tidak semestinya sama dengan apa yang dirancang.

"Apa yang berlaku 'design' ini (persempadanan semula) boleh terbukti pada (pilihan raya umum) 2004 tetapi 2008 keputusannya lain.

"Kita sedar banyak elemen yang menjadi penentu pada pilihan raya pada kali ini seperti isu kenaikan harga barang, 1MDB dan sebagainya," ujarnya lagi.



Mohammad Redzuan Othman

PPBM Temerloh anggap ketua penajanya 'pengkhianat'

PETALING JAYA: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Temerloh melabelkan Ketua Bahagiannya Amerus Che On sebagai 'pengkhianat' kerana membuat laporan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) mendakwa mesyuarat agung tahunan (AGM) parti itu yang diadakan 30 Dis lalu sebagai tidak mengikut perlembagaan parti.

Timbalan Ketua PPBM Bahagian Temerloh Mohd Anuar Aziz berkata, dakwaan Amerus bahawa AGM PPBM tidak sah kerana tidak mengadakan mesyuarat cawangan dan bahagian adalah palsu.

"Dia dakwa mesyuarat agung tahunan PPBM tidak sah atas alasan cawangan dan bahagian tidak bermesyuarat sedangkan cawangan PPBM tidak ditubuhkan lagi dan bahagian belum genap setahun.

"Dalam persidangan perwakilan baru-baru ini perwakilan dari bahagian tidak perlu hadir sebagai perwakilan kecuali G8," jelas beliau.

G8 adalah penyandang jawatan ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, naib ketua, setiausaha, ketua penerangan, ketua srikandi dan ketua pemuda bahagian.

Mohd Anuar turut menyanggah dakwaan Amerus kononnya

tidak diberikan ruang untuk bercakap sebagai ahli akar umbi sedangkan persidangan agung Umno juga tidak menyediakan platform untuk wakil bahagian berucap.

"Sepatutnya selaku ketua bahagian dia patut tahu peraturan ini. Dia mendakwa bahawa tidak diberi hak untuk bercakap dalam mesyuarat agung sedangkan mengikut amalan, ketua bahagian akan menyalurkan masalah yang timbul di bahagian kepada wakil negeri yang akan bercakap di dalam perhimpunan agung tahunan," terangnya dalam sidang media yang diadakan di ibu pejabat PPBM, dekat sini, 4 Jan lalu.

Amerus selepas membuat laporan kepada RoS 2 Jan lalu mendakwa PPBM mengadakan AGM 'syok sendiri' kerana pemilihan perwakilan ke AGM tidak mengikut perlembagaan parti.

Mengulas lanjut Mohd Anuar kesal kerana selama ini Amerus gagal menjalankan peranan sebagai ketua penaja PPBM Bahagian Temerloh.

Bahkan kenyataan Amerus kepada media kononnya mewakili 500 ahli PPBM Bahagian Temerloh juga tidak benar.

"Dia mewakili dirinya seorang. Kami PPBM Bahagian Temerloh tiada kena mengena dengan Amerus dan menolak kepimpinannya atas beberapa alasan.

"Dia menawarkan diri untuk menjadi ketua bahagian dan berjanji buatyang terbaik tetapi selepas dilantik gagal memainkan peranan," katanya.

Mohd Anuar juga menyifatkan tindakan Amerus membuat laporan kepada RoS sebagai mencemar imej parti dan mahu tindakan disiplin diambil terhadap beliau.

"Pada kami di Temerloh dia seorang 'pengkhianat' kepada parti. Saya rasa terserah kepada kebijaksanaan pucuk pimpinan PPBM untuk mengambil tindakan," tegasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa PPBM Bahagian Temerloh telah mengemukakan petisyen kepada pusat pada Ogos 2017 memaklumkan kemelut yang berlaku dalam bahagian tersebut namun tiada tindakan susulan diambil.

"Namun kita hormati pucuk pimpinan untuk melakukan satu tindakan yang perlu dan kita tunggu apa yang akan diputuskan pihak pengurusan parti di pusat," ujarnya.

Konvensyen Pakatan Harapan komitmen bentuk Malaysia Baru



Para pemimpin AMANAH bersama Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Mohd Rashid Hasnon.



Faiz mengetuai bacaan Ikrar Shah Alam.



Antara perwakilan Wanita PH.

Foto WAN ZAHARI SALLEH

SHAH ALAM: Konvensyen Pakatan Harapan (PH) yang berlangsung di sini, 7 Januari lalu memperlihatkan komitmen dan kesungguhan empat parti komponennya bagi melakar pembentukan Malaysia Baru diambang pilihan raya umum (PRU) ke-14 yang bakal berlangsung pada bila-bila masa.

Perisytiharan calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri PH mengejutkan pelbagai pihak apatah lagi gandingan Tun Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dilihat mampu menjadi alternatif kepada BN bagi menajui kepimpinan negara.

Ketua Setiausaha Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah memulakan ucapan dengan mengajak semua perwakilan melaungkan "Pakatan Harapan" dengan disambut bersemangat para perwakilan.

"Kita adalah 'pakatan of equal partner'. Tidak ada parti dominan, tidak ada 'big brother'," katanya.

Hadir pada konvensyen bersejarah itu ialah Pengerusi PH Tun Mahathir Mohamad, Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan-timbalan Presiden PH, Naib-naib Presiden, anggota Majlis Presiden PH dan para perwakilan daripada seluruh negara.

Saifuddin turut mengumumkan jumlah kerusi parlimen yang bakal ditandingi parti-parti komponen PH di Semenanjung.

Mengetuai jumlah kerusi yang bakal ditandingi pada PRU akan datang adalah PPBM dengan 52 kerusi, Keadilan (51), DAP (35) dan AMANAH (27).

Walaupun memperolehi kerusi paling sedikit, AMANAH diiktiraf oleh Tun Mahathir sebagai parti yang menajayakan agihan kerusi PH.

Di akhir konvensyen, Naib Ketua Pemuda PH Faiz Fadzil mengetuai bacaan Ikrar Shah Alam bagi menyatakan komitmen pemimpin dan perwakilan PH untuk bersama menawan Putrajaya.



Nurul Izzah, Anthony Loke, Salahuddin dan M komponen PH.



Mohamad Sabu menandatangani Ikrar Shah Alam sambil disaksikan Tun Mahathir.



Sidang dengan konvensyen

Harapan laka aysia Baru



Bersama menjulang tangan tanda kesepaduan tekad dan tindakan.



Mohamad sempat berseloroh dengan Azmin sambil diperhatikan Salahuddin dan Gobind.



Para pemimpin utama PH melangkah masuk ke dalam dewan konvensyen.



Mukhriz mengibarkan bendera parti



Tun Dr Siti Hasmah terharu selepas nama calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri PH diumumkan.



Wakil kedutaan asing turut hadir di majlis perasmian Konvensyen PH.



ia seusiai



Para perwakilan melaukan slogan penuh semangat.

AMANAHAH berkorban demi Pakatan Harapan

KETUA Pemuda AMANAHAH Nasional, Mohd Sany Hamzan menafikan AMANAHAH gagal dalam keputusan pembahagian kerusi Parlimen di Semenanjung seperti yang diputuskan pada Konvensyen Pakatan Harapan pada 7 Januari lalu.

Sebaliknya, beliau berkata, 27 kerusi yang diperuntukkan kepada AMANAHAH sebagai hasil pengorbanan parti demi melihat kemantapan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) akan datang.

"Ini bukan satu kegagalan tapi pengorbanan kita. AMANAHAH mahu melihat Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya.

"Tun Mahathir pun sudah menyebut tentang pengorbanan dan peranan AMANAHAH dalam usaha untuk melihat Pakatan Harapan kuat dan boleh bekerjasama," katanya ketika ditemui selepas Konvensyen Pakatan Harapan 2018 di Shah Alam.

Sehubungan itu, beliau yakin sikap berjiwa besar AMANAHAH akan diingati



Jutaan anak muda bakal menikmati kehidupan lebih baik jika Pakatan Harapan mentadbir Putrajaya.

dan menjadi pertimbangan pada rundingan agihan kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri (Dun) pula.

"Peranan, komitmen dan pengorbanan AMANAHAH tidak boleh dikesampingkan oleh tiga rakan-rakan kita yang lain dalam Pakatan Harapan.

"Ada satu lagi fasa iaitu perbincangan di peringkat Dun. Saya yakin maklumat yang diperoleh daripada pengerusi-pengerusi negeri dan juga daripada kepimpinan Pemuda negeri, AMANAHAH memainkan peranan yang sangat penting.

"Apa lagi dengan kekuatan jentera pilihan raya kita beserta pelbagai aktiviti yang selama ini kita buat sejak dua tahun lalu. Gerak kerja AMANAHAH sudah berjalan.

"Peranan AMANAHAH begitu signifikan terus ke akar umbi dan hal inilah nanti akan membantu AMANAHAH mendapat lebih banyak kerusi di Dun sekaligus memenangkan calon Pakatan Harapan di Parlimen," jelasnya.

Mengulas lanjut reaksi tidak puas hati sebahagian dalam AMANAHAH berhubung agihan kerusi itu, Sany berpendapat, ahli AMANAHAH tentunya lebih rasional dan menyedari tentang tumpuan PRU-14 yang mahu menarik segmen pengundi Melayu khususnya di luar bandar.

"Undi Melayu jadi penentu pada

pilihan raya akan datang. Jadi, sudah tentu kita beri peluang yang lebih kepada PPBM kerana kita tahu PPBM ditubuhkan berteraskan Melayu.

"Sudah tentu PPBM boleh menggantikan Umno khususnya di kawasan luar bandar. Sebab itu mustahil untuk kita puaskan hati semua orang.

"Dalam soal agihan kerusi, selain AMANAHAH, PPBM pun cedera, PKR juga sama. Mungkin DAP lebih selesa kerana bertanding di kawasan-kawasan yang dia bertanding sebelum ini.

"Kalau diikutkan, PPBM minta lebih 80 kerusi. Sasaran AMANAHAH di Semenanjung ini di antara 33 dan 34 kerusi. Bila kita dapat 27 kerusi, itu tidaklah jauh daripada apa yang kita sasarkan," ujarnya.

AMANAHAH yang sesuai dengan perjuangannya atas landasan *Rahmatan Lil Alamin*, tambahnya lagi, tanpa mementingkan diri sendiri sentiasa bersama-sama rakan di Pakatan Harapan untuk mengambil alih Putrajaya.

Tawaran EPL tarik minat anak muda

Oleh ARIF ATAN

“Lebih baik duit ratusan juta ringgit itu digunakan untuk membina stadium, kompleks sukan atau bangunan sukan dari akar umbi supaya pasukan bola sepak kita boleh masuk Piala Dunia. Bukan setakat untuk keselesaan kita tengok EPL pada hari Sabtu atau Ahad semata-mata.”

Itu reaksi Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berhubung antara tawaran Pemuda Pakatan Harapan tentang siaran langsung perlawanan bola sepak Liga Perdana Inggeris (EPL) jika menang pilihan raya nanti.

Soalnya, mengapa selama ini terutama sejak Najib Razak mentadbir negara tidak pula menggunakan sejumlah wang itu untuk infrastruktur sukan seperti disebutkan Khairy itu?

Di satu perkampungan Orang Asli di Cameron Highlands lebih 10 tahun lalu, saya sendiri menyaksikan berderet-deret kanak-kanak etnik itu tiada masalah berlari ketika menuruni cerun di kampung mereka tetapi pada masa sama hebat mengimbangi badan!

Nah, mengapa Khairy tidak pula menyalurkan wang yang tentunya tidaklah mencecah ratusan juta ringgit untuk menggilap potensi sukan pada kanak-kanak Orang Asli dan Orang Asal di seluruh negara?

Janji Pemuda Pakatan Harapan tentang siaran pecuma EPL itu

juga ketara mengundang cemuhan pemimpin BN lain pada ketika mereka sengaja mendiamkan atau mungkin tidak ambil peduli tentang inisiatif penubuhan Dana Usahawan Belia serta pelaksanaan lesen percuma bagi pengguna motosikal.

Dari satu segi, tawaran siaran EPL yang dianggap sebagai pendekatan populis itulah sebenarnya menarik perhatian rata-rata orang muda untuk sekurang-kurangnya mengambil tahu keseluruhan tawaran Pakatan Harapan.

Kata 'percuma' yang umum digemari semua lapisan usia pada janji Pakatan Harapan sebenarnya menjadi pencetus minat untuk anak muda mencari lantaz 'bertanyakan' Google tentang apa lagi tawaran di pihak selain BN.

Barulah mereka tahu bahawa ada pelbagai janji lain iaitu mengurangkan pekerja asing secara berperingkat-peringkat dan menubuhkan Pusat Pekerjaan di setiap negeri bagi mengatasi pengangguran dalam kalangan anak muda.

Tidak kurang menarik perhatian anak muda terutama berusia kurang 35 tahun apabila kerajaan baharu Pakatan Harapan akan memperkenalkan Insentif Perkahwinan Belia RM500 seorang untuk pasangan bagi perkahwinan pertama.

Gaya hidup pada masa ini yang menyaksikan pentingnya akses kepada internet pada kadar yang tidak membebaskan juga dalam

pertimbangan Pemuda Pakatan Harapan.

Tentunya, langkah untuk menurunkan harga jalur lebar sebanyak 50 peratus dan memastikan setiap desa mempunyai akses kepada telekomunikasi 4G disambut majoriti anak muda.

Hanya dengan keluar mengundi memenangkan Pakatan Harapan juga anak muda berpeluang menggunakan pengangkutan awam tanpa had sebaik diperkenalkan kad bagi kemudahan bernilai RM100 sebulan itu.

Masalah mencari rumah mampu milik turut berada dalam perhatian serius Pakatan Rakyat bagi memastikan anak muda tidak lagi dihantui lambakan rumah mampu dilihat apabila badan-badan perumahan berkanun digabungkan menjadi badan perumahan.

Selain bakal menikmati rumah mampu milik atau mampu sewa, anak muda yang menjadi peminjam PTPTN juga hanya perlu melunaskan semula hutang pengajian tinggi itu selepas pendapatan mereka mencecah RM4,000 sebulan.

Pendidikan percuma di universiti awam dengan geran sara diri untuk pelajar miskin dan sederhana turut disediakan jika Pakatan Harapan mendapat mandat pada PRU-14.

Jadi, apa lagi perlu anak muda pertikaikan melainkan hanya melayangkan undi kepada Pakatan Harapan ketika banyak janji BN pada pilihan raya lalu tidak ditepati.



Antara perwakilan Pemuda Pakatan Harapan di Empire Hotel, Subang.

Najib bakal di kandang saksi

KALI ini Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak akan terlepas apabila bakal diheret ke mahkamah berhubung skandal kleptokrasi 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pengerusi GANT1, Faiz Fadzil berkata, Presiden Umno itu wajib untuk menjelaskan kepada rakyat tentang kedudukan pembayaran AS\$1.2 bilion kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Menurutnya, hal itu berlaku ekoran keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Yang Arif Datuk Hue Siew Kheng pada 9 Januari yang menolak permohonan Najib, Kerajaan Malaysia dan 1MDB untuk membatalkan saman GANT1 berhubung Awad Perseutujuan Timbangtara London melibatkan tuntutan oleh IPIC terhadap 1MDB.

"Ini bermakna, kes ini adalah yang pertama Datuk Sri Najib akan memberi keterangan di kandang saksi. Saya bagi pihak

GANT1 dan mewakili rakyat Malaysia yang menentang penyelewengan 1MDB oleh Najib Razak tidak sabar menunggu beliau di mahkamah.

"Dengan keputusan tersebut, saman GANT1 yang mencabar kesahihan pembayaran AS\$1.2 bilion kepada IPIC dengan menggunakan wang rakyat Malaysia mempunyai asas," katanya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, Faiz yang juga Timbalan Ketua Pemuda AMANAHAH Nasional berkata Najib wajib untuk menjelaskan kepada rakyat tentang kedudukan pembayaran tersebut dan sumber wang pembayaran.

"GANT1 menyeru semua rakyat Malaysia untuk tidak berputus asa menentang kerajaan kleptokrasi BN pimpinan Datuk Seri Najib yang telah menyebabkan rakyat berhutang berbilion ringgit akibat penyelewengan wang 1MDB," tegasnya lagi.

Peluang mahasiswa rebut tawaran

Kelolaan **ARIF ATAN**

Pendidikan awam secara percuma dan pada masa sama berkualiti antara tawaran yang dijanjikan kepada rakyat jika Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya.

Khusus bagi peringkat pendidikan tinggi, kerajaan Pakatan Harapan akan melaksanakan pendidikan percuma di universiti awam untuk semua selain geran sara hidup untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan sederhana rendah.

Undang-undang drakonian yang selama ini menghantui warga universiti iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku) pula akan dimansuhkan dalam usaha membuka ruang kepada kebebasan bersuara kepada mahasiswa.

Menyedari bebanan tanggungan ekonomi yang ditanggung graduan muda, Pakatan Harapan juga berazam untuk merekonstruksi pembayaran pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Sehubungan itu, graduan hanya perlu melunaskan hutang PTPTN selepas berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan.

Pada masa sama, kerajaan Pakatan Harapan tidak akan melupakan segmen anak muda yang menceburi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).



IPTA PERCUMA UNTUK SEMUA DENGAN
GERAN SARA HIDUP UNTUK PELAJAR DARI GOLONGAN
PENDAPATAN SEDERHANA DAN RENDAH

PEMBAYARAN PTPTN
HANYA DI WAJIBKAN APABILA GAJI MENCECAH
> RM 4 000

Pakatan Harapan konsisten dengan pelaksanaan pendidikan percuma.

Sejumlah 200,000 anak muda akan dipersiapkan dengan kemahiran TVET yang memberi pulangan pendapatan tinggi lantaran mempunyai permintaan tinggi seperti juruteknik aeronotik, mekanik minyak dan gas serta pemberi jagaan pakar.

Selepas tamat pengajian, sebahagian mahasiswa yang berminat terjun ke bidang keusahawanan bakal menikmati pendapatan dan kehidupan lebih baik jika Pakatan Harapan berada di tampuk pentadbiran kerajaan pusat.

Dana Usahawan Belia sebanyak RM1 bilion akan diperuntukkan bagi tujuan tersebut dalam pelbagai sektor seperti teknologi, per-

tanian dan penternakan moden serta seni dan industri kreatif.

Bidang pembangunan eko-pelancongan di kawasan separa bandar dan pedalaman serta usahawan e-sukan termasuk penghasilan permainan video juga akan mendapat manfaat.

Turut bakal menerima agihan dana tersebut ialah anak muda yang berkecimpung dalam syarikat pemula hiburan media sosial termasuk penggiat Youtube dan penghasilan kandungan media sosial.



Pentadbiran Pakatan Harapan akan mengupayakan potensi dan aspirasi setiap anak muda dengan mereformasikan struktur ekonomi supaya bersedia dengan era revolusi industri keempat yang rancak dengan kecerdasan buatan (AI), teknologi kewangan (FinTech) dan *Internet-of-Things* (IoT).

Sehubungan itu, aspek mencipta peluang latihan semula dalam sektor ekonomi baru seperti ekonomi penjagaan dan ekonomi perkongsian akan sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan Pakatan Harapan.

Namun, segala tawaran tersebut hanya bakal dinikmati jika mahasiswa yang sudah berusia 21 tahun ke atas melaksanakan tanggungjawab untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti.



200 000
PENEMPATAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
MEMPERSIAPKAN ANAK MUDA DENGAN KEMAHIRAN YANG MEMBERI
PULANGAN GAJI YANG TINGGI

MANSUHKAN AUKU !!!!
MEMANSUHKAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI
BAGI MEMBERIKAN KEBEBASAN BERSUARA SEBENAR
KEPADA MAHASISWA

Pemansuhan Auku membolehkan mahasiswa untuk tidak takut lagi bersuara.

Rentang waktu sejarah rakyat

Sejjarah Rakyat Malaysia karya Syed Husin Ali ini merakamkan pengalaman generasi silam sejak zaman pra-sejarah sehingga ke babak era skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Rentang waktu panjang itu menyebabkan hanya intipati dan ciri khusus aspek perkembangan nasionalisme bagi setiap era disebut dalam buku setebal 214 muka surat ini.

Lantaran itu, buku terbitan SIRD dengan kerjasama Pusat Sejarah Rakyat (PSR) ini boleh dianggap 'buku ringan' walaupun membawa gagasan Sejarah Rakyat dalam usaha melawan dominasi Sejarah Rasmi dan Sejarah Alternatif.

Ketiga-tiga konsep sejarah bagi pandangan bekas pensyarah sosiologi di Universiti Malaya (UM) awal dekad 1970-an inilah yang dibahaskan dalam bab pertama.

Sesuai dengan idea Sejarah Rakyat, kebangkitan massa menentang penjajah dibahagikan kepada gerakan peringkat desa yang dipelopori Parti



Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan gerakan di bandar yang rapat dengan peranan kesatuan pekerja yang turut dis-

ertai golongan wartawan dan penulis.


Seterusnya, pengarang mengangakat gerakan Reformasi, Perhimpunan Bersih serta gerakan Badan Bertindak Hak-hak Hindu (Hindraf) dengan turut menyertakan perkembangan nasionalisme di Sabah dan Sarawak.

Lengkap dengan senarai rujukan dan indeks, Syed Husin mengingatkan tentang bukunya ini bersifat tidak akademik bagi tujuan merakyatkan sejarah perjuangan.

Walaupun bersifat bacaan umum, penghasilan projek buku yang berjalan setahun ini dilihat teliti termasuk melalui sumbang saran sebelum dan siap draf pertama melibatkan 12

ahli akademik dan aktivis Fahmi Reza.

Hasilnya, sisi sejarah nasionalisme rakyat yang sebahagiannya kurang diarusperdanakan telah diabadikan dalam buku terbitan tahun lalu ini.



MENUJU PRU-14... Tidak sekadar berkuliah, Mahasiswa AMANAH Nasional, Fakhru Razi menyerahkan kalendar dan risalah AMANAH ketika menemui masyarakat Felda di sekitar Bukit Rokan dan Pekan Gemenchah pada 5 Januari lalu.

Mahu apa kita dengan Mahathir?



Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri menimbulkan polemik tetapi diterima baik oleh parti-parti dalam Pakatan Harapan.

SOALANNYA mudah. Tetapi jawapannya tidaklah mudah. Namun saya perhatikan kebanyakan kita hanya melihat jawapannya yang mudah.

Apa yang kita mahu? Kita mahu jatuhkan Najib Razak. Semudah itu jawapannya, dan seolah-olah habis di situ sahaja. Lalu, kalau kita perlu angkat Dr Mahathir Mohamad jadi Perdana Menteri pun, tak mengapalah, asalkan kita boleh jatuhkan Najib Razak. Kerana yang paling penting sekarang ialah jatuhkan Najib Razak.

Seperti biasa, saya tidak bicara politik di sini. Saya melihat pemikiran – bagaimana kebanyakan orang kita berfikir. Saya perhatikan kita hanya melihat perkara-perkara yang di dekat kita sahaja. Perkara-perkara yang jauh kita abaikan; walaupun kita tahu lambat laun kita terpaksa juga hadapi perkara-perkara yang jauh itu. Kita abaikannya sehingga kita sanggup melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan keperluan kita di hari depan kita sendiri.

Sekarang kita mahu jatuhkan Najib. Kebanyakan kita hanya melihat itu. Seolah-olah kita tidak ada masalah lain lagi yang lebih penting atau utama daripada itu. Sebab apa kita melihat begitu? Sebab kita didominasi oleh politik. Kita berfikir pun dengan fikiran yang dihidupkan oleh orang-orang politik; yakni dengan fikiran politik. Dan fikiran politik kita pula jangkauannya tidak jauh.

Manakala Mahathir pula tidak berfikir seperti kebanyakan kita berfikir. Jang-

kauan fikiran politik Mahathir jauh melebihi jangkauan fikiran politik kebanyakan kita. Makanya kebanyakan kita berhujah mengatakan kita mempergunakan Mahathir. Padahal kita tak sedar bahawa selama ini Mahathir telah pun mempergunakan kita dan terus mempergunakan kita persis seperti dalam perancangannya.

Saya tak mahu berhujah siapa yang pergunakan siapa di sini. Seperti saya kata tadi, saya tidak bicara politik, tetapi saya melihat pemikiran, kerana pemikiranlah yang menggerakkan tindakan. Soalan semudah “apa kita mahu” itupun terlalu sukar untuk kita menjawabnya dengan betul, sebab apa?

Cuba perhatikan. Apakah benar bahawa yang kita mahu itu ialah jatuhkan Najib? Untuk apa? Sebab Najib telah merompak terlalu banyak hak rakyat. Sebab Najib telah mengakibatkan kos hidup kita menjadi semakin tinggi dan semakin tinggi, dan kebanyakan kita tidak mampu lagi hendak menampung kos yang semakin tinggi itu.

Jadi – apa yang kita mahu sebenarnya? Bukan jatuhkan Najib. Yang kita mahu sebenarnya ialah kehidupan yang aman dengan kos sara hidup yang munasabah dan tidak membebankan.

Yang hendak kita jatuhkan sebenarnya bukan manusia yang bernama Najib itu, tetapi pemimpin yang jahat yang menipu rakyat, yang sanggup merompak hak dan harta rakyat, yang tidak peduli-

kan rakyat hidup susah asalkan dia dapat memuaskan nafsunya sendiri menikmati kuasa yang tiada batas.

Samalah juga – dulu kita berusaha hendak menjatuhkan Mahathir dan serentak dengan itu kita melancarkan Reformasi (yang sehingga sekarang sejak tahun 1998 itu belum berjaya). Mahathir sudah berundur daripada kerusi Perdana Menteri. Dia bukan dijatuhkan oleh gerakan Reformasi tetapi dia berundur.

Gerakan Reformasi hendak menjatuhkan pemimpin yang zalim dan bersikap diktator itu masih belum berjaya sehingga sekarang. Mahathir berundur dengan kehendaknya sendiri dan dengan strateginya sendiri. Dia tidak dijatuhkan oleh gerakan Reformasi yang dipimpin oleh Anwar (yang disingkirkan Mahathir daripada barisan kepimpinannya itu).

Diringkaskan cerita, apabila kepemimpinan PM Najib menunjukkan belang jahatnya yang semakin menimbulkan kemarahan rakyat, Mahathir tiba-tiba menunjukkan kecenderungannya kepada kelompok gerakan Reformasi. Dia mulai bertindak melakukan beberapa perkara yang tak dijangka umum, yang mengejutkan, tetapi mulai ditafsirkan umum bahawa dia cenderung memihak dan menyokong kelompok Reformasi dan pembangkang.

Sedikit demi sedikit Mahathir masuk ke dalam barisan pembangkang, sehingga dia menubuhkan parti baru dan berjaya mengetuai pakatan parti-parti



pembangkang yang dinamakan Pakatan Harapan (PH); dan terakhir dia diumumkan bakal Perdana Menteri Malaysia sekiranya PH menang dalam pilihanraya umum akan datang.

Mahathir kini diterima kembali untuk sekali lagi memimpin rakyat Malaysia sebagai Perdana Menteri, bagi menggantikan Perdana Menteri kini yang dianggap keterlaluan jahatnya, hingga menyusahkan dan membebankan kehidupan rakyat.

Apa yang kita mahu sebenarnya? Kita mahukan pemimpin yang diktatorial, materialis, tidak menghargai budaya Melayu dan sanggup mencemari dan mengaibkan maruah orang Melayu, seperti Mahathir itu, untuk menjadi Perdana Menteri kita sekali lagi, semata-mata kerana kita marah dan bencikan Najib? Kita sanggup lupakan sisi negatifnya Mahathir itu buat sementara, semata-mata kerana nak jatuhkan Najib?

Apa yang kita mahu sebenarnya? Kita mahukan kehidupan yang aman dengan kos sara hidup yang munasabah dan tidak membebankan. Kita mahukan kehidupan yang seimbang dan harmoni. Kita mahukan pemimpin yang bertanggungjawab dan mampu membangunkan kehidupan seperti yang kita inginkan itu.

Apakah dengan mengangkat kembali pemimpin yang pernah kita tolak kerana sebab-sebab yang termaklum itu, kita percaya kita akan mencapai kehidupan yang kita inginkan itu?

Kita tak berfikir begitu. Kita tak fikirkan itu pun. Kita hanya fikir nak jatuhkan Najib sahaja. Yang lain-lain kita akan fikir kemudian selepas Najib berjaya dijatuhkan, ataupun selepas Najib tidak lagi menjadi Perdana Menteri, yang mungkin bukan kerana kita yang menjatuhkannya seperti dengan kes menjatuhkan Mahathir dulu itu.

Seperti dikatakan tadi, saya tidak bicara politik di sini, kerana saya memang tidak percayakan politik boleh menyelesaikan masalah sebenar yang sedang dihadapi rakyat Malaysia kini. Saya hanya menyatakan pemerhatian terhadap sikap dan pemikiran sebahagian daripada kita, yang pemikirannya masih kuat didominasi oleh fikiran /minda politik.

Dan pemerhatian saya ini juga memberitahu saya bahawa apa yang saya harapkan untuk membangunkan ‘Tekad Budaya’ itu adalah sesuatu yang masih jauh untuk dicapai. Namun perjuangan ke arah itu perlu diteruskan, kerana bibit-bibitnya sudah kelihatan tumbuh menghirau.

'Jangan khawatir sangat'

SAYA pasti sebelum pembaca sampai ke halaman ini, kisah pencalonan Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Pakatan Harapan sudah banyak diulas oleh penulis yang lain. Saya juga pasti bahawa pembaca juga sudah membuat penilaian sendiri sejourus berita pencalonan beliau luas dilaporkan. Maka saya tidak pasti kalau tulisan ini masih mampu menggigit minat untuk dibaca. Terserah budi bicara kalian.

Kisahannya, apabila nama Dr Mahathir diumumkan di dalam konvensyen yang lepas sebagai pertaruhan utama Pakatan Harapan, disamping pembahagian kerusi untuk ditandingi di Semenanjung Malaysia dalam PRU14 akan datang, telefon bimbit saya, seperti juga kalian mulai menerima banyak notifikasi pesanan ringkas. Begitu juga dengan laman sosial yang saya langgani. Riuh rendah orang membicarakan keputusan yang telah dicapai.


Tentulah respon terbanyak yang sampai ke paparan telefon bimbit ini adalah yang berbaur ketidakpuasan hati. Lucunya, itu jugalah yang disebut oleh Dr Mahathir sendiri, bahawa dalam sesebuah rundingan dengan pelbagai pihak, keputusan yang paling adil dan terbaik boleh dicapai adalah apabila semua pihak yang tidak terlibat tidak berpuas hati.

Andai salah satu pihak dalam rundingan tersebut berpuas hati sedang yang lain dirunding kecewa, ia adalah rundingan yang berat sebelah. Maka seharusnya bergembiralah kita apabila semua tidak berpuas hati. Boleh jadi juga apa yang tercapai minggu lepas adalah keputusan paling demokratik yang pernah dibuat oleh Dr Mahathir dalam karier politik beliau.

Di samping rasa tidak puas hati berkaitan posisi yang bakal disandang Dr Mahathir itu, muncul juga suara-suara kecewa tentang pembahagian kerusi. Terakamlah kata-kata kasar dan sedih yang mengancam pembahagian kerusi yang disifatkan sebagai tidak adil itu. Teman-teman dari AMANAH bukan sedikit yang berduka dalam media sosial. Ada yang keras, ada yang lebih berhemah. Ada yang merajuk, ada yang akur. Masing-masing menzahirkan perasaan yang bercampur-baur.

Di celah-celah itu pula, tidak kurang yang tampil untuk mengejek-ejek dan mentertawakan Pakatan Harapan. Selain ke atas pencalonan Dr Mahathir, tentu sekali ke atas jumlah kerusi yang diperoleh oleh parti terlibat, terutama sekali AMANAH. Mereka yang kebanyakannya adalah musuh politik semasa Pakatan Harapan itu tuturnya seolah sudah mengesahkan kemenangan jauh sebelum wisel permulaan dibunyikan.

ADAM ADLI



universiti ketiga



Agihan kerusi Parlimen yang diumumkan dalam Konvensyen Pakatan Harapan merupakan petanda awal kesepakatan pembangkang berdepan PRU14.

Dengan sebegitu banyak suara-suara negatif dari pesanan ringkas dan media sosial yang diterima, tentulah ramai yang akan menganggap bahawa apa yang tercapai dalam konvensyen lepas itu adalah sebuah kesilapan. Rakyat telah bersuara, apa yang ditetapkan minggu lalu adalah strategi politik yang salah. Orang tidak suka dengan keputusan yang tercapai dan Pakatan Harapan tidak akan berpeluang lagi untuk menang. Runtuhlah semangat untuk berhadapan dengan PRU14 akan datang.

Maaf, saya tidak beriman dengan penilaian sebegini.

Sifirnya mudah; akhirnya saya sedar bahawa saya kenal benar dengan senarai rakan dalam telefon bimbit mahupun media sosial yang saya langgani. Dan saya sama sekali tidak yakin kalau ia menggambarkan perasaan sebenar jutaan bakal pengundi di luar sana. Suara-suara ini hanya suara dari satu dimensi yang sama. Dimensi orang seperti kita yang sejak awal lagi sudah mempunyai pendapat dan agenda sendiri ke atas politik di bawa selama ini.

Apa lagi, bukan hanya selepas diumumkan pencalonan Perdana Menteri dan pembahagian kerusi suara-suara resah ini berbunyi. Suara-suara ini telah berbunyi

sejak sekian lama. Ia hanya sebuah rentetan panjang yang dikukuhkan dengan situasi semasa. Perasaan serta pendapat yang terbina dan melingkari kita ini disulami dengan banyak faktor dan latar yang tidak selari dengan apa yang sedang berlaku.

Ada yang mahukan individu lain menjadi Perdana Menteri, ada yang memang sudah lama menyimpan kesumat ke atas Pakatan Harapan sendiri.

Suara-suara resah dari baik teman-teman mahupun diri saya sendiri ini tidak menggambarkan tahap penerimaan masyarakat kebanyakan. Jujur sahajalah, sebenarnya kita tidak tahu, dan kita belum tahu. Mungkin hanya kita yang tidak berpuas hati, sedangkan masyarakat lain di luar sana sedang melonjak gembira dengan apa yang diputuskan oleh Pakatan Harapan.

Suara-suara yang sedang kita dengar hari ini – yang tidak berpuas hati dan kecewa ini datang hanya dari dimensi kita yang terhad. Ada banyak lagi dimensi masyarakat lain yang mustahil dapat kita capai, hatta melalui laman sosial yang paling canggih.

Makanya, untuk teman-teman yang sudah pun sedia untuk menggempur PRU14 akan datang, namun tiba-tiba

putus semangat apabila melihat terlalu banyak respon negatif yang terpapar di skrin telefon bimbit, tidak perlulah terlalu khawatir. Yang sebetulnya, biar sebanyak mana pun pendapat bertentangan yang sampai ke telefon bimbit kita ini – ia tidak sepenuhnya menggambarkan situasi di luar sana.

Apa sekali pun, keputusan telah pun dibuat, yang tinggal hanyalah untuk dilaksanakan. Kita hanya mengundang lebih banyak ketidakpuasan hati sendiri jika terus dilayan ketidakpuasan hati yang sedang mengepung kita. Lebih baik kita meyakini apa yang telah kita sendiri putuskan. Baik dan buruknya, kita juga yang bakal tanggung.

“Kita jangan takut jatuh dalam perjuangan, sebab kita tidak akan jatuh lagi. Sebagai anak jajahan kita telah berada di tempat yang paling rendah dan sudah tidak ada tempat yang lebih rendah lagi buat kita jatuh.”

Mungkin pesanan Dr Burhanuddin Al-Helmy ini boleh menyejukkan hati kita, dan mengembalikan tumpuan tenaga kita semula. Dalam setiap langkah yang kita ambil, perubahan tidak akan semakin jauh. Sikit sahaja lagi, UMNO Barisan Nasional pasti akan tertumbang.

Mahathir bantu Pakatan Harapan mengepung kota dari desa

PADA tahun 1934 Parti Komunis China (PKC) telah dibantai teruk oleh soldadu Kaomintang di bawah pimpinan General Chiang Khai-shek. Mao Zedong yang mula memimpin parti telah membawa saki-baki ahli parti mengundur ke pedalaman Yen-an Utara China.

Dari Yen-an, Mao menulis taktik dan strategi untuk ahli-ahli parti. Dari Yen-an lahir tulisan bertajuk 'Mengepung Kota Dari Desa'. Ini adalah lakaran strategi politik dan militer yang diajukan oleh Pengerusi Mao. Berpedoman strategi ini Mao dan PKC akhirnya telah berjaya mendirikan Republik Rakyat China pada 21 September 1949.

Saya mengambil babak perjuangan Mao ini kerana ianya berkait rapat dengan iklim dan suasana politik tanah air kita pada masa ini.

Pada PRU13 dahulu kita melihat ombak besar rakyat yang telah bangun untuk menghumbankan Najib dan United Malays National Organisation. Pakatan Rakyat telah mendapat 52% undi rakyat. Dimana-mana pun dalam dunia ini jika sesebuah parti telah mendapat lebih dari 50% undi maka parti itu akan mendirikan kerajaan.

Ini tidak berlaku di Malaysia. Kemenangan Pakatan Rakyat telah disonglap oleh Najib. Pakatan Rakyat telah dinafikan hak ke Putrajaya.

Dengan menggunakan PRU13 sebagai rujukan - pada PRU14 ini jika ombak yang sama berlaku maka Pakatan akan menubuhkan kerajaan baru. Tapi dengan satu syarat. Wajib ada lonjakan sokongan 3 ke 5 peratus sokongan baru dari Bani Melayu.

Dalam politik Malaysia kunci perubahan adalah Bani Melayu. Tanpa Bani Melayu sampai kiamat pun Malaysia tidak akan berubah. Justeru Pakatan wajib mendapatkan sokongan undi baru dari Bani Melayu.

Justeru saya mengajukan pandangan dari awal lagi agar Mahathir Mohamad dicadangkan sebagai calon Perdana Menteri. Ini dalam usaha untuk mendapatkan sokongan penambahan 3 ke 5 peratus undi Melayu.

Kenapa saya berkata sademikian? Apa sebab musabab yang meyakinkan saya untuk menga-



PENDAPAT
HISHAMUDIN RAIS

jukan pandangan sademikian?

Jawabnya bukan kerana dedak. Jawabnya bukan saya dijanjikan kerusi Dun Gombak atau Ampang.

Saya mengajukan cadangan ini kerana saya telah melalui sekolah rakyat. Pada awal tahun 2017 yang lalu saya telah dijemput oleh YB Raub - Ariff Sabri untuk datang berceramah ke Felda Tersang. Turut sama berceramah pada petang itu ialah YB Tony Pua dan YB Kashturi Patto. Dua sosok ini adalah gedebe dari Parti DAP.

Dalam dewan tempat kami berceramah hanya 17 orang yang datang. Lapan orang ahli DAP dari pekan Raub. Bayangkan. Bayangkan.

Bayangkan kami datang dari jauh tapi hanya dapat memberi pencerahan kepada 17 orang. Saya tidak kecewa kerana saya belum pernah ada peluang berucap di Felda Pahang. Maka untuk saya ini 'memecah ruyung'.

Pada sebelah malam hujan turun. Ceramah kami tak sampai 10 orang yang hadir. Ini kegagalan maha hebat. Lebih gagal dari Hari Gagalis 14 Februari.

Celaka betul. Beberapa bulan kemudian saya terbaca berita Dr Mahathir berceramah di Felda Taib Andak. Ribuan yang turun. Kemudian Dr Mahathir berceramah di Felda Jengka 8. Ribuan warga Felda turun.

Lalu saya ulang baca tulisan Mao. Maka saya yakin inilah maknanya mengepung kota dari desa. Maka saya yakin tugas suci aktivis Pakatan pada ketika ini ialah mengepung kota dari desa.

Wilayah kota, bandar dan pekan kecil semi urban/semi rural telah lama berkiblat ke arah Pakatan Harapan. Warga kota dan pinggir kota telah siap siaga untuk sekali lagi emenerajangi Najib dan Rosmah.

Yang masih menyokong Najib dan Rosmah hanyalah warga

“Yakinlah pilihan pertama saya ialah Anwar Ibrahim. Sosok inilah yang paling tepat untuk memimpin Malaysia pada tahap ini. Tetapi terimalah hakikat sosok yang saya pilih dan paling afdal masih dalam penjara. Apakah kita masih Lokman Adam untuk memahami fakta ini? Atau fikrah kita telah setaraf dengan Azwan Bro?”

kampung dan warga Felda. Justeru mengepung kota dari desa adalah strategi yang ampuh untuk ke Putrajaya.

Sosok yang boleh membuka jalan ke kampung dan Felda bukan YB Tony Pua, bukan YB Ariff Sabri, bukan Mat Sabu, bukan YB Eli Wong, atau YB Sivarasa atau YAB Azmin Ali. Jauh sekali 'tukang hasut' Hishamuddin Rais.

Kereta kebal T-14 Armada Rusia yang dapat memecah tembok batu kota Felda bernama Mahathir Mohamad. Keupayaan Mat Sabu hanya ke tahap Ito dan Aishah. Bayangkan hanya Mahathir yang dapat menawan hati Cik Siti dan Kak Sheila. Hanya rempah-rumpai Mahathir Mohamad yang dapat menjerut masakan Chef Wan.

Apakah kita terlalu Lokman Adam untuk memahami ini semua? Apakah Azwan Bro telah menjanjikan kita kerusi hingga kita gagal mentafsir fakta di hadapan mata?

Kalau saya ditangkap dipenjara dan dihantar ke Kamunting - saya tetap mencadangkan nama Mahathir.

Yakinlah pilihan pertama saya ialah Anwar Ibrahim. Sosok inilah yang paling tepat untuk memimpin Malaysia pada tahap ini. Tetapi terimalah hakikat sosok yang saya pilih dan paling afdal masih dalam penjara. Apakah kita masih Lokman Adam untuk memahami fakta ini? Atau fikrah kita telah setaraf dengan Azwan Bro?

Wajib juga saya beritahu disini apabila saya mencadangkan nama Mahathir dalam fikrah saya ialah umur Mahathir. Umur Mahathir yang lanjut ini memberi harapan kepada calon masa depan saya yang bernama Anwar Ibrahim.

Apabila Anwar dibebaskan dan kembali aktif - mungkin telah berumur 75 tahun. Maka saya

akan berhujah bahawa pada satu ketika dahulu saya telah menyokong sosok yang berumur 92 tahun. Umur Anwar Ibrahim 75 tahun ini - no big deal.

Malah apabila Duterte dan Donald Trump - yang telah melintasi 70 kali Hari Krismas - menang dalam pilihan raya, saya cukup gembira. Malah saya telah menghantar SMS kepada anak Anwar mengalukan kemenangan Duterte. Mungkin anak Anwar ini tidak faham apa makna di sebalik SMS saya itu.

(Hang faham atau tidak apa yang sedang aku buat ini? Atau hang dah jadi Lokman Adam? Atau hang dapat dedak dari Azwan Bro?)

Wajib saya berkata jujur di sini. Ada satu perkara yang telah saya hitam putihkan beberapa kali dalam tulisan saya. Perkara ini ialah tentang kesilapan dan kesalahan Mahathir.

Jenayah Mahathir yang maha berat untuk saya bukan rasuah. Bukan kerana beri projek pada kroni? Bukan kerana Operasi Lalang? Bukan kerana menangkap para reformis? Bukan, bukan, bukan.

Untuk Hishamuddin Rais - kesalahan Mahathir yang paling besar adalah menafikan Bani Melayu mendapat pimpinan dari Musa Hitam, Tengku Razaleigh dan Anwar Ibrahim. Untuk saya inilah jenayah besar Mahathir.

Untuk memahami surah jenayah ini saya bawa pembaca ke hujung minggu di akhir Jun 2017 yang lalu. Pada hari itu saya telah berpeluang makan tengah hari dengan Husam Musa di Temerloh Pahang.

Sesudah petai dan patin tempoyak, saya membuka surah untuk menghasut Husam agar menerima Mahathir Muhammad sebagai calon Perdana Menteri jika perkara ini diperlukan.

Calon PM ini untuk saya hanya untuk mengolah persetujuan orang ramai agar datang ke lubuk Pakatan. Saya sedar malah saya pernah berpendapat bahawa - kerbau belum dibeli - tidak berguna kita bergaduh sesama sendiri tentang di mana hendak kita kandangkan kerbau ini.

Tetapi hakikatnya dalam politik penguduan atau 'electoral politic' perlu dicadangkan nama si polan si polan sebagai PM atau Menteri untuk mengolah persetujuan orang ramai.

Pada petang itu di Temerloh saya berhujah jika kita terima Mahathir ini bermakna kita kembali ke landasan asal politik Malaysia sebelum 1998 - sebelum Anwar disingkir.

Malaysia kembali untuk melihat gandingan lama Mahathir/Anwar untuk memimpin Malaysia. Jika ini berlaku saya akan bersenang hati kerana Bani Melayu tidak dinafikan pimpinan Anwar Ibrahim.

Kenapa saya gila sangat dengan agenda kepimpinan ini?

Sejarah sedang merakamkan Pak Lah sebagai PM. Tidak perlu saya cungkil kisah Level Four atau apa yang terjadi di zaman Dolah Badawi. Sekarang ini sejarah sedang membuktikan betapa malangnya nasib Bani Melayu kerana dipimpin oleh Najib dan Rosmah. Inilah kepimpinan malapetaka yang menimpa Bani Melayu.

Dalam sejarah kepimpinan Bani Melayu kita melihat bagaimana dengan licik Inggeris telah menafikan Bani Melayu dari dipimpin oleh Ahmad Boestamam, Burhanuddin Helmi, Pak Sako, Rashid Maidin atau Abdullah Sidi.

Mahathir Mohamad yang saya cadangkan kepada Husam di Temerloh pada hemat saya sedang cuba mengembalikan Malaysia ke landasan yang betul. Mahathir kini telah sedar yang dirinya telah tersilap kerana menafikan Bani Melayu dari kepimpinan Anwar Ibrahim.

Justeru kereta kebal T14 Armada Pakatan Harapan sedang bergerak mengepung kota dari desa untuk sampai ke Putrajaya. Amin.

Hishamuddin Rais ialah aktivis gerakan reformasi.

Selangor boleh tambah kerusi Dun

Oleh ARIF ATAN

SHAH ALAM: Bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rashid Abdul Rahman berkata, Selangor boleh menambah bilangan kerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Kerajaan negeri boleh isytihar mahu tambah 10 kerusi. Kenapa tidak? Panggil dewan bersidang, kuasa kerajaan negeri tambah bilangan kerusi," ujarnya.

Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu berkata, tindakan yang mengikut perlembagaan itu akan menyebabkan SPR perlu membuat persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Mengundang reaksi mengejutkan dari

pada sebahagian khalayak pada sidang media di Auditorium Institut Darul Ehsan (IDE), dekat sini, 3 Jan lalu, beliau secara spontan turut menjawab soalan daripada salah seorang hadirin.

"Sempat ke?" tanya wanita berkenaan. "Tak sempat dia kena tangguh pilihan raya," jawab Abdul Rashid.

"Kenapa (kerajaan negeri Selangor) tidak buat (tambah kerusi Dun)?" soal individu yang sama.

"Tak tanya!" balas Abdul Rashid serentak menyebabkan hadirin ketawa pada sidang media Kajian Persempadanan Semula Pilihan Raya Umum dan Kesan terhadap PRU-14 itu.

Terdahulu, Abdul Rashid menyifatkan cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh SPR pada masa ini sebagai 'tidak cerdik'.

"Bukan cerdik sangat buat pun. Yang dia

(SPR) tahu longgok Melayu sama Melayu, Cina sama Cina. MCA dan Gerakan boleh gali kubur.

"Dia longgok Melayu 80 peratus. Melayu sekarang sudah cerdik, sudah tahu apa yang dilakukan oleh BN," katanya yang berkhidmat dengan SPR selama 27 tahun.

Berbeza dengan pendekatannya sebelum ini, beliau tidak menjadikan sesebuah kawasan didominasi mana-mana kaum.

"Saya dulu buat kawasan marginal, sama ada (pengundi) Melayu lebih sedikit atau Cina lebih sedikit, sebab mahu pastikan wakil rakyat yang dipilih bertanggungjawab untuk semua kaum," jelasnya.

Sehubungan itu, Abdul Rashid menyifatkan SPR sama sekali gagal mematuhi lima prinsip persempadanan bahagian pilihan raya antaranya, peluang yang munasabah mudah untuk pemilih keluar mengundi.

"Yang berlaku sekarang ialah dia (SPR) tidak ikut prinsip persempadanan. Sikit pun tak ikut antaranya tidak merentasi sempadan negeri," tegasnya.

Beliau bahkan menganggap proses pilihan raya di Indonesia dan Thailand jauh lebih demokratik berbanding Malaysia.

"Orang (Indonesia dan Thailand) tidak mengadu sistem itu sendiri. Orang mengadu mungkin ada beli undi dan sebagainya tetapi tidak seteruk seperti kita.

"Ada 16 perkara yang perlu dalam pilihan raya yang demokratik tapi yang kita hanya ada tujuh, sembilan lagi tiada.

"Misalnya, media. Sekarang pun (BN) sudah kempen pilihan raya. Hari-hari bantai Tun Mahathir, bantai saya. Pemimpin di negara ini mesti diubah," tambahnya lagi.

AMANAHAH Johor sasar bertanding 18 Dun

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: AMANAHAH Johor meletakkan sasaran untuk bertanding sebanyak 18 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) selepas hanya diperuntukkan hanya dua kerusi Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Naib Ketua Pemudanya, Mohd Azam Mektar berkata, jumlah tersebut walaupun dilihat banyak tetapi sebenarnya melambangkan proses tolak ansur dalam Pakatan Harapan.

"Tuntutan AMANAHAH Johor ini sebenarnya tidak keterlaluan selepas kami cuma diberi dua kerusi Parlimen.

"Sasaran itu juga mahu melihat saman-

gat muafakat dan timbang rasa daripada rakan-rakan Pakatan Harapan yang boleh merawat duka kami," jelasnya ketika dihubungi.

Menurutnya, keputusan agihan kerusi Dun yang saksama boleh dianggap sebagai sinar matahari kepada AMANAHAH di selatan tanah air itu.

Difahamkan rundingan berkaitan agihan kerusi di peringkat Dun akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada 19 Januari ini.

Mengulas lanjut tentang agihan kerusi Parlimen, Azam yang juga Setiausaha Pemuda PH negeri meluahkan agak sukar AMANAHAH Johor pada mulanya untuk memahami rasional di sebaliknya keputusan tersebut.

"Namun, demi kepentingan rakyat yang

mendambakan perubahan, kami cuba juga memujuk hati.

"Lagipun, pengundi terutama di Johor tentu mahu melihat kestabilan dan kerjasama yang baik dalam Pakatan Harapan," katanya.

Menurutnya, agihan seimbang sesama parti komponen PH penting supaya tiada mana-mana parti dianggap lemah dan naif.

Mengulas lanjut mengenai pembahagian kerusi parlimen PH di Johor, Azam memberitahu masing-masing ada kelebihan dan cabaran tersendiri.

"Di Johor, Parlimen Pulai adalah (kerusi) marginal. Parit Sulung memerlukan gelombang besar," ujar Azam lagi.

Paling banyak mendapat agihan kerusi parlimen di Johor adalah PPBM dengan 10

kerusi diikuti Keadilan (lapan) manakala DAP (enam).

Konvensyen PH 7 Jan lalu mengumumkan PPBM diperuntukkan paling banyak kerusi Parlimen iaitu sebanyak 52 kerusi.

Agihan bagi 165 kerusi di seluruh Semenanjung itu juga menyaksikan Keadilan memperoleh cuma kurang satu kerusi berbanding PPBM diikuti DAP (35) dan AMANAHAH (27).

Bagaimanapun, jumlah kerusi Parlimen yang ditandingi PKR dan DAP itu akan jauh lebih banyak apabila dicampur dengan kerusi Sabah dan Sarawak selepas rundingan kerusi di kedua-dua negeri Borneo itu dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

Proses persempadanan semula Dun Selangor berat sebelah

SHAH ALAM: Tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melakukan proses persempadanan semula kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor bertentangan dengan undang-undang selain dilihat tidak wajar dan berat sebelah.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, V Ganabattirau berkata, SPR didapati melakar kawasan sempadan mengikut sokongan diperolehi BN pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

"Terdapat kawasan majoritinya daripada satu kaum sahaja, ada yang ramai kaum Cina manakala ada juga kawasan ramai Melayu.

"Cara mereka menggariskan sempadan ini sebenarnya hanya untuk menangkan sesuatu kumpulan politik sahaja seperti Dun Kota Alam Shah dan Pelabuhan Klang," katanya dipetik Selangorkini.

Ganabattirau yang juga Adun Kota Alam

Shah berkata, proses itu juga membantu pihak tertentu meraih sokongan dengan menggunakan isu perkauman.

"Apa yang pasti, mereka bukan setakat menumpukan sesuatu kaum sahaja di kawasan itu malah memindahkan kaum lain bagi meraih undi yang banyak. Saya percaya pihak SPR telah menyalahgunakan kuasa mereka dan tidak telus dalam perkara ini.

"Ini menunjukkan pihak SPR tidak berhemah, berintegriti dan menjadi alat kepada pihak yang berkepentingan dan terdesak seperti Umno-BN yang sanggup melakukan apa sahaja," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan warga Selangor menolak tindakan BN yang sanggup menggunakan institusi kerajaan demi kepentingan politik.

Dalam perkembangan berkaitan, beberapa kawasan Dun dikuasai Pakatan Harapan (PH) di Selangor dilabelkan sebagai 'super Dun' apabila mengalami pertambahan besar jumlah pengundi sehingga mengatasi pengundi di beberapa Parlimen dikuasai BN.



PASAR PEDULI... Bagi membantu meringankan beban hidup rakyat, AMANAHAH Kawasan Dungun menganjurkan Pasar Peduli Rakyat dengan menjual barangan keperluan dapur di bawah harga pasaran. Bertempat di Taman Rakyat Dungun, 200 kg gula dan 100 kg minyak masak dijual dengan harga RM2 sekilogram. Pasar Peduli Rakyat ini mendapat sambutan hangat apabila barangan yang dijual habis dalam tempoh yang singkat. Hadir sama Ketua AMANAHAH Kawasan Dungun Zulkifli Ali dan ahli-ahli jawatankuasa AMANAHAH kawasan.

Siasat tender terbuka tapi pendam kes tanah Perda

Oleh **AINUL WARDAH SOHILLI**

G EORGETOWN: Kerajaan negeri akan memberikan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung projek pembinaan terowong dasar laut di negeri ini.

Bagaimanapun Ketua Menteri Lim Guan Eng berharap siasatan dijalankan dengan telus dan bukannya kerana pilihan raya umum (PRU) yang dijangkakan pada per-

tengahan tahun ini.

"Saya juga harap siasatan dan penahanan (reman) oleh SPRM ini bukanlah kerana 'serangan' daripada pihak-pihak pro-BN.

"Saya hairan kenapa siasatan ini tidak habis-habis (kerana) saya difahamkan bahawa siasatan tersebut telah bermula pada tahun 2016 dan masih berlangsung lagi... cuma saya tidak faham kenapa dimulakan semula," katanya pada sidang media di Komtar, 10 Jan lalu.

Jelas Guan Eng, projek pembinaan terowong itu dilaksanakan secara tender terbuka dengan dipantau oleh syarikat perakaunan antarabangsa, KPMG.

"Saya terkejut kerana siasatan dilakukan terhadap projek yang dibuat secara tender terbuka dan tertanya-tanya kenapa tidak disiasat projek (yang dibuat) tanpa tender terbuka.

"Kenapa tiada sebarang tindakan mahupun publisiti meluas tentang skandal tanah Perda (Lembaga Pembangunan Wilayah Pulau Pinang) di Seberang Perai


Tengah (SPT) yang dijual di bawah harga pasaran dengan kerugian sebanyak RM15.2 juta.

"Kes itu (skandal tanah Perda) lebih lama daripada terowong... saya tahu SPRM siasat, tetapi kenapa tiada publisiti meluas, itu (skandal tanah) lebih serius kerana kepentingan rakyat 'terkorban' dan kerugian," ujar beliau.

Menurut Guan Eng, Perda sepatutnya membina rumah kos rendah di tanah milik awam itu namun pelan (rancangan pembangunan) tidak dihantar.

Penduduk Sik masih guna air perigi

Oleh **MOHD ALI HASHIM**



Zuraidah dan anak-anaknya menggunakan perigi untuk mendapatkan bekalan air bagi keperluan harian.

SIK: Masih ada penduduk di daerah ini menggunakan perigi sebagai sumber air bersih walaupun negara sudah lama mencapai kemerdekaan.

Naib Pengerusi AMANAH Kedah Dr Salmee Said berkata, tiadanya kemudahan bekalan air bersih sehingga memaksa penduduk kampung bergantung kepada perigi membuktikan kerajaan negeri tidak peduli dengan masalah rakyat.

"Mereka ada wakil rakyat, ada Umno Bahagian, ada JKKK dan banyak agensi kerajaan, di mana komitmen mereka?" tegasnya.

Seorang penduduk, Zuraidah Shariff dari Kampung Kuala Beris, kesal kerana kemudahan air bersih masih belum sampai ke kampung berkenaan.

"Kami pun ingin merasai bagaimana nikmat mendapat bekalan air bersih.

"Perkara ini telah pun kami ajukan kepada JKKK, tapi sudah bertahun-tahun ia tidak diberi perhatian.

"Mahu atau tidak kami terpaksa juga menggali dua buah perigi untuk kegunaan harian," ujarnya.

Awang Kechil Shaari pula kesal kerana Adun Belantek, Tajuddin Abdullah yang juga Exco Kerajaan Negeri tidak prihatin dengan masalah kemudahan asas yang dihadapi penduduk.

"Kalau wakil rakyat pun tak pernah jenguk kami dah dekat lima tahun, tiba-tiba muncul dah dekat pilihan raya, bolehkah mereka tunaikan harapan kami untuk dapatkan bekalan air bersih.

"Ramai di kalangan penduduk kampung masih gunakan air perigi, harap kerajaan negeri tengok-tengoklah kami," katanya.



Dr Salmee Said

Projek terowong bawah laut P. Pinang diteruskan

ALORSETAR: Projek terowong bawah laut bagi menghubungkan pulau ini dari Persiaran Gurney dengan tanah besar di Bagan Ajama akan diteruskan pelaksanaannya.

Ketua Menteri Lim Guan Eng berkata keputusan itu diambil kerana kontrak bagi pembinaannya adalah sah dan tender mengenyainya diberi melalui persaingan terbuka.

"Melainkan kami diarah oleh mahkamah agar tida meneruskannya... jika tidak, ia akan diteruskan," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata projek itu bukan melibatkan pembinaan terowong sahaja tetapi juga tiga lebuh raya dan menurut beliau laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) mengenyainya telah diperolehi.

Tender bagi pembinaan terowong bawah laut sepanjang 7.2 km dan tiga lebuh raya itu diserahkan kepada Consortium Zenith BUCG Sdn Bhd (Zenith), yang menganjungi beberapa syarikat.

Projek itu mencetuskan beberapa kontroversi, termasuk kos kajian kemungkinan yang tinggi dan kaedah pembayaran meli-

batkan pertukaran tanah kerajaan negeri, yang mendorong beberapa individu membuat laporan kepada SPRM.

Lim berkata beliau mengarahkan para pegawainya memberi kerjasama penuh kepada SPRM dalam proses penyiasatan suruhanjaya itu sejak 2016.

"Tiada apa yang hendak kami sembunyikan, kami mengarahkan para pegawai supaya memberi apa jua dokumen yang diperlukan dan semua jabatan akan memberi kerjasama penuh," katanya.

Bagaimanapun, Lim berkata pentadbirannya tidak mengetahui tentang serbuan SPRM 9 Jan lalu dengan dua individu bergelar 'Datuk' direman.

Terdahulu, terdapat laporan bahawa dua pengarah bergelar 'Datuk' dikenakan perintah reman masing-masing oleh Mahkamah Majistret di Putrajaya dan George Town 10 Jan lalu berhubung siasatan terhadap projek terowong bawah laut itu.

KEMBALI KE SEKOLAH... AMANAH Kawasan Dungun melaksanakan program Kembali Ke Sekolah bertujuan membantu keluarga kurang berkemampuan membuat persiapan persekolahan anak-anak. Seramai 20 pelajar terpilih di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sura dibantu dalam program yang berlangsung di Sura Gate, Dungun. Hadir sama pada program itu Ketua AMANAH Dungun Zulkifli Ali dan ahli jawatankuasa AMANAH kawasan.



AMANAHA Batu Sapi bantu mangsa kebakaran



Hamzah menjinjing tong gas untuk kegunaan keluarga mangsa kebakaran.



Bertanya khabar mangsa kebakaran selepas menyampaikan bantuan.

BATU SAPI: AMANAHA Kawasan Batu Sapi terus komited memberikan bantuan kepada mangsa kebakaran di Kampung Sundang, dekat sini.

AMANAHA Batu Sapi yang diketuai Hamzah Abdullah kerap datang menghulurkan bantuan berupa makanan dan peralatan memasak bagi membantu mangsa terbabit.

Hamzah turut membekalkan tong gas

dan dapur gas kepada keluarga mangsa kebakaran.

Menurut beliau, skuad bantuan untuk mangsa kebakaran telah diwujudkan seurus menerima berita tentang bencana yang melanda penduduk kampung tersebut.

"AMANAHA Batu Sapi setiap hari turun menghulurkan bantuan berupa makanan dan peralatan memasak bagi membantu mangsa terbabit.

"Kami telah menubuhkan skuad bantuan bencana dan bantuan awal kami adalah membekalkan air mineral dan makanan kepada mereka," katanya.

Ketua Pemuda AMANAHA Batu Sapi, Yunizam Yusop berkata, pihaknya telah mengagihkan bantuan selimut, susu formula dan botol susu untuk bayi.

"Kami telah berkampung selama seminggu lebih di sana. Sebanyak 40 alas tidur dan selimut telah berjaya kami edarkan. Selain itu 20

botol susu dan 20 kotak susu formula juga telah kami salurkan kepada keluarga yang mempunyai anak kecil," kata beliau.

Kampung Sundang mengalami bencana kebakaran pada malam 22 Disember lalu mengakibatkan 58 buah rumah musnah dan 300 penduduk hilang tempat tinggal.

Sebarang sumbangan boleh hubungi saudara Yunizam di talian 014-8333310 atau terus menyumbang ke akaun Maybank 'Amal Relief Malaysia' no. 5623 6664 7559.

Jelaskan dakwaan 'nafkah politik' projek Lebuhraya Rakyat

KOTA BHARU: Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan, Datuk Husam Musa mengesahkan kerajaan negeri memberi penjelasan tentang 'nafkah politik' yang dikaitkan dengan pembinaan Lebuhraya Rakyat.

"Saya berharap anggota Exco kerajaan, Datuk Hanifa Ahmad boleh memberikan penjelasan lanjut atas dakwaan ini," katanya.

Menurut Husam, individu yang didakwa terlibat dalam transaksi itu mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Hanifa yang bertanggungjawab terhadap pembinaan lebuhraya itu.

"Saya mengenali Bin Daud (individu tersebut) sebagai seorang yang baik. Pendedahan ini tidak sama sekali bertujuan menyusahkan beliau.

"Tindakan saya ini hanya bertujuan menghentikan amalan sebegini, apatah

lagi bagi pembinaan Lebuhraya Rakyat di mana semua pihak sepatutnya berusaha mempermudah kejayaan pembinaannya.

"Bukannya 'menadah tangan' di celah kepayahan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan," katanya.

Sebagai sebuah 'kerajaan Islam' katanya, adalah satu tindakan tidak bermaruah untuk pemimpin negeri menadah tangan menahan lukah bagi 'nafkah politik'.

"Apa lagi, tumpuan terpenting sepatutnya adalah menyiapkan Lebuhraya Rakyat. Bukan 'menahan lukah' di talian sempit, di mana kewangan kerajaan negeri sudah sedia terhimpit," katanya.

Menurutnya pada Ogos atau September 2016 dan Oktober atau November tahun yang sama, individu tertentu telah menerima sejumlah wang dari syarikat kontraktor pembinaan Lebuhraya Rakyat.

"Ia sebahagian dari jumlah RM10 juta yang

dituntut sebagai 'nafkah politik' dari syarikat berkenaan, sebelum perjanjian ditamatkan melalui 'settlement agreement' bertarikh 14 Mac 2017.

"Terimaan yang lain juga berlaku, tetapi saya akan huraikan dalam kesempatan yg lain," katanya.

Mengenai persoalan kenapa tidak dilaporkan kepada SPRM, beliau berkata ada pihak yang telah membuat laporan bersama dokumen berkaitan.

"Harus diingat, saya mempunyai salinan dokumen berkenaan. Penjelasan Datuk Hanifa harus mengambil kira kedudukan ini.

"Menteri Besar sepatutnya bertindak membanteras amalan ini dan bukannya menghalakan muncung senapang kepada saya yang mempunyai tanggung jawab sebagai Adun yang dipilih rakyat," katanya.

Husam juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kelantan kerana bercadang

mengambil tindakan mahkamah dan bersedia untuk disaman.

"Sama ada rakyat Kelantan boleh menerima atau tidak tindakan Pas merahsiakan sesuatu yang buruk dari rakyat, terpolung kepada mereka tentukan dalam PRU nanti.

"Jika fakta saya salah, apa perlunya ugutan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang memberikan dokumen kepada saya," katanya.

Beliau bagaimanapun menyifatkan respon kerajaan negeri terhadap dakwaan beliau sebagai sangat lambat, terbatas dan lebih berunsur ugutan dari penjelasan.

"Fakta saya berdasarkan dokumen tertentu dan kerana itu kerajaan negeri, demi melindungi sesuatu yang tidak baik, terpaksa secara terbuka mengugut untuk mengambil tindakan kepada saya atau pihak yang membocorkan dokumen itu," katanya.

Pemuda AMANAHA Kelantan sokong Tun M bakal PM

KOTA BHARU: Pemuda AMANAHA Kelantan berikrar untuk meneruskan kempen bagi memastikan calon Pakatan Harapan (PH) menang dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Sehubungan itu Ketuanya, Hazmi Hasan berkata, pemuda AMANAHA akan terus bekerja dan mengajak

seluruh ahli dan penyokong parti untuk menyumbang tenaga.

"Sasaran kita adalah mendapatkan kemenangan semaksima mungkin bagi kerusi-kerusi yang ditandingi PH Kelantan pada PRU nanti," katanya.

Pemuda AMANAHA negeri, ujanya amat gembira bila bilangan kerusi parlimen dan calon Perdana Menteri telah diumumkan

PH pada konvensyen 7 Jan lalu.

"Satu keputusan tepat meletakkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai PM jika PH menang.

"Ini satu keputusan yang berstrategi dan mampu mengalahkan Umno.

"Tidak ada lagi kenyataan kononnya pemimpin DAP yang jadi PM selepas PH

menang PRU14," katanya.

Hazmi mengulas laporan sebuah akhbar pro-BN yang mendakwa beliau amat kecewa apabila AMANAHA hanya memperolehi 27 kerusi parlimen untuk ditandingi di Semenanjung dan menyifatkan laporan itu kurang tepat dan dipetik diluar konteks.

Pakatan Harapan dan Malaysia Baru

AKHIRNYA: pembahagian kerusi telah mencapai kata sepakat di antara parti komponen Pakatan Harapan (PH). PPBM mendapat habuan terbesar diikuti Keadilan, DAP dan AMANAH.

Bilangan kerusi adalah pantulan kepada azam untuk menguasai kerusi-kerusi yang belum dimenangi khususnya majoriti Melayu. PPBM diasaskan antara lain sebagai saingan Umno, sudah tentu kelebihan kerusinya terletak pada rasional tersebut.

Berbanding dengan parti-parti lain seperti Keadilan, AMANAH dan DAP yang enggan menamakan diri mereka sebagai parti untuk kaum tertentu, PPBM dengan jelas menyatakan parti itu mahu dilihat sebagai parti untuk orang Melayu.

Kesanggupan PPBM ingin menyertai Pakatan Harapan ada kelebihan dan 'kekurangannya' jika dinilai dari hasrat perjuangan besar REFORMASI yang ditegakkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) dan aktivis lainnya.

Bonus kepada PH dengan penyertaan PPBM adalah faktor undi Melayu. Walaupun Keadilan dan AMANAH sukar menerima kenyataan ini kerana keduanya mendakwa membawa pendekatan Melayu yang lebih progresif, namun buat masa ini psiki Melayu malangnya masih lagi

bergantung kepada doktrin Melayu ala Umno.

Faktor 'kekurangan' adalah kehadiran PPBM dari kerangka perjuangan reformasi dan Malaysia Baru 'menangguhkan' sedikit usaha besar reformasi iaitu membawa negara ini ke arah Malaysia yang tidak dicam oleh etnik atau kaum, bukan sekadar melawan rasuah semata-mata. DSAI sering mengungkapkan dalam bahasa Mandrin "wo men she i chia ren" bermakna "Kita semua adalah satu keluarga". Kata-kata ini mengandungi pemikiran besar reformasi psiki politik iaitu Malaysia tanpa dicam oleh mana-mana kaum.

Kehadiran PPBM menjadikan kelompok DAP, AMANAH DAN Keadilan sedikit 'tersentak' dengan realiti bahawa mereka terpaksa menyesuaikan agenda reformasi besar dengan psiki Melayu ala Umno dalam PPBM. Usaha Keadilan, AMANAH dan DAP yang mahu membawa Melayu yang lebih progresif, inklusif 'terencat' dengan pembahagian kerusi yang akhirnya dibahagi mengikut rentak formula PPBM vs Umno (majoriti) Keadilan, DAP, AMANAH vs semua komponen BN. Walaupun demikian ke empat parti berjaya mengadaptasi situasi dan realiti. Syabas!

Kekurangan ini bukanlah merugikan

secara praktikalnya kerana idealisme reformasi termasuk psiki politik Malaysia yang pekat politik identitinya (dicam dengan kaum dan agama dan etnik serta wilayah) terpaksa menerima hakikat transisi ini. PPBM pula perlu menerima hakikat bahawa masa depan politik yang mesti diperjuangkan, adalah Malaysia tanpa perkauman dan 'politik identiti' mesti dihentikan.

Dengan kata lain, pergelutan PPBM dengan Umno bukan sekadar mengalahkan Umno tetapi juga menggantikan psiki Melayu ala Umno, kepada Melayu yang progresif dan inklusif. Keperluan ini harus jelas kepada PPBM dalam membentuk masa depan politik Malaysia. Sekadar mendapat kerusi yang banyak atas rasional bergelut dengan Umno tidak akan membantu Malaysia Baru yang telah diperjuangkan selama ini oleh DSAI dan golongan reformis.

Tidak ada gunanya sekadar PPBM mengganti Umno tetapi mengekalkan doktrinasi perkauman Umno tanpa satu reformasi umat Melayu sendiri yang perlu keluar dari kepompong 'mentaliti terperangkap' kepada mentaliti bersaing secara sihat dan meyakini doktrin Malaysia tanpa diskriminasi kaum.

Sememangnya jalannya panjang tetapi



barang diingat, gerakan besaran-besaran reformasi yang bermula lewat 90-an sekarang sedang mengutip hasilnya hari ini dan Alhamdulillah rakan PPBM sudi bersama untuk meneruskan jalan panjang ini.

Tahniah kepada Pakatan Harapan kerana berjaya membawa satu tahap yang tidak pernah sampai sebelum ini, iaitu selesai pembahagian kerusi pra-PRU, menamakan PM secara konsensus dan berani membawa agenda reformasi untuk menyelamatkan negara ini dari kleptokrasi Umno/BN.

Rakyat yang cintakan negara ini perlu memberikan HARAPAN satu peluang!

■ **Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.**

Lebai malang, YB Pagoh dan sifir politik Malaysia

ADA seorang insan (ahli parlimen) yang dilihat tak berapa nak rajin bahas dalam Parlimen tapi agak lebih rajin berfesyun (facebook), cuba sindir Parti Amanah dengan istilah seperti 'malang' dan 'maling' (pencuri).

Komen beliau berikutan jumlah kerusi Parlimen yang AMANAH dialokasikan dalam PH (Pakatan Harapan) paling sikit iaitu hanya 27 kerusi.

Bagi saya, lebih malang jika diandaikan kita dapat banyak kerusi tapi lepas itu yang berkuasa terus selepas PRU14 (pilihan raya umum ke-14) kelak masih lagi kerajaan kleptokratik BN/MO1. Istilah 'maling' hakikatnya, lebih sesuai dilabelkan ke atas kerajaan kleptokratik BN yang dipimpin oleh MO1.

Namun seingat saya, sepanjang saya berada dalam Parlimen, rasanya tidak pernah saya dengar, walau sekali atau seminit, simamat ini hentam kerajaan MO1 dengan label 'kleptokrat' jauh sekali "Kerajaan Maling" walaupun bukti maling wang rakyat berbilion ringgit boleh dilihat di depan mata.

Maaflah jika saya silap. Malahan ada orang dalam parti dia yang kata tuduhan ke atas simaling tu dikatakan masih rabaraba dan satu campur tangan asing.

Inilah sebenarnya "lebai malang" bila diimpan oleh MO1 dapat bentang usul RUU 355 yang tak dibahas, lalu rasa "Kera-

jaan Maling" ini sudah kononnya "mesra hudud" ,lalu orang macam mamat ni dan spesies beliau tak berapa nak kisah untuk kritik "Kerajaan Maling". Padahal RUU 355 pun tak ke mana dan skandal si kleptokrat pula terus membengkak!

DALAM konteks PH, sepatutnya jika Tun Mahathir Mohamad dikatakan tak sepatutnya jadi calon PM, yang paling layak, bagi saya untuk dicalonkan adalah YB Pagoh (Tan Sri Muhyiddin Yassin).

Di sini saya harus puji YB Pagoh. Beliau saya lihat, tidak ada masalah langsung nak memberi sokongan padu dan bulat kepada Tun Mahathir dan Presiden Keadilan (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) sebagai calon PM dan TPM.

Ikut logiknya YB Pagoh, jika beliau nak sangatlah jadi PM, sepatutnya berdiam diri tak cakap tentang 1MDB, wala' kepada MO1, diamankan dan malahan pertahankan serta ampu MO1, maka setengah lagi beliau mungkin berpeluang jadi PM.

Saya juga tak lihat ada mana-mana "orang dia" yang bersuara minta beliau dicalonkan. Ini mungkin, bagi saya, amat elok kerana menyebabkan orang tak rasa meluat dan nak rasa muntah jika beliau dilihat semacam nak sangat jawatan itu. Politik, orang kata, adalah isu bagaimana kita mengurus persepsi.

Tapi YB Pagoh tidak pilih cara itu semua. Bagi saya, YB Pagoh layak diberi pujian kerana tidak mahu berkrompomi dengan benda mungkar dan rela ambil risiko dan rela lepaskan peluang keemasan untuk jadi PM. Ini, bagi sayalah, antara ciri pemimpin yang boleh dipercayai. Di Parlimen, saya lihat, beliau tak rasa takut untuk cakap tentang rasuah dan 1MDB.

Masa saya mewakili presiden parti saya (Mohamad Sabu) dalam kes Bukit Kepong dan Almarhum Mat Indera dulu, banyak bukti menunjukkan Almarhum ayah YB Pagoh, adalah guru agama kepada Almarhum Mat Indera yang pernah dinobatkan sebagai salah seorang pengukir nama Johor tapi dilabel oleh penjajah Inggeris dan anak jajahnya sebagai pengganas komunis dan bandit.

Bravo YB Pagoh. Orang putih kata pendirian YB adalah "a feather in your cap".

POLITIK Malaysia kadangkala agak mudah juga sifirnya.

Jika Umno/BN suka dengan musuhnya, maknanya musuhnya itu dah jadi mcm kawan rapat Umno/BN dan bukan ancaman kepada Umno/BN. Mudahlah untuk Umno/BN "makan" macam makan ulam.

Jika Umno amat tak suka dengan musuhnya, setiap hari ia akan maki, serang, hentam, kacau ganggu musuhnya itu. Jika itu



berlaku, yakinlah musuh Umno/BN itu adalah ancaman besar kepada Umno/BN.

Sebab itu saya tak rasa bimbang langsung jika hari-hari Umno/BN hentam dan maki Tun M, contohnya kata Tun M tak layak jadi PM, Tun M akan rosakkan semula negara dan lain-lain. Maknanya, Tun M dah jadi ancaman kepada Umno/BN.

Logiknya, jika Tun M tak layak atau akan kembali rosakkan negara jika jadi calon semula, kan itu bagus utk Umno/BN... patutnya lebih baik diam sahajalah atau sokong Tun M jadi PM.

Apapun, saya tak pelik jika Umno/BN maki dan hentam Tun M, tapi pelik sikitlah jika yang pembangkang pun tumpang sekaki hentam Tun M. Tapi itulah realiti politik. Politik ini juga, seperti kata Otto Van Bismarck, "...is the art of the possible, the attainable - the art of the next best".

Allah lebih mengetahui.

■ **Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Kanun AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang. Tulisan ini pertama kali disiarkan di laman facebook beliau, Peguam Pas - Dulu**

Konvensyen PH 2018 adalah suatu kemenangan

KONVENSYEN Pakatan Harapan (PH) kali kedua di Shah Alam pada 7 Januari 2018 adalah satu peristiwa bersejarah lagi gilang-gemilang yang membuka lembaran baru di tahun baru yang mendebarkan ini.

Saya secara peribadi berasa berbagai perasaan yang bercampur-baur. Berasa lega, berasa tercapai permulaan sebuah impian, rasa suatu kepuasan yang tak terbayangkan, berasa bersemangat juga berasa sedih dan sayu. Perasaan ini saya kongsi bersama beberapa teman terdekat yang ikut memberikan pengamatan secara objektif kerana mereka tidak punya kedudukan dan kepentingan dalam parti selain dari menjadi anggota biasa dan penyokong wadah harapan baru ini.

Konvensyen yang membuka tirai dengan tegak berdiri menyanyikan lagu kebangsaan Negaraku dan diikuti dengan empat lagu rasmi parti-parti komponen yang bergabung di bawah PH amat unik sekali. Gema irama dan seni kata yang menggabungkan perjuangan empat parti besar memberikan dan menumbuhkan sebuah rasa gemuruh dan menggugah perasaan dan deria rasa seluruhnya.

Acara perasmian yang unik itu menggambarkan PH adalah sebuah titik temu masa depan yang penuh dengan ketenterampilan menyongsong hari muka yang penuh dengan cabaran. Anak-anak muda naik ke pentas lalu menyusun dan membalikkan bongkah-bongkah yang pada mulanya tertera dengan logo keempat-empat parti PH yang bertukar menjadi bongkah-bongkah yang jelas menjadi huruf HARAPAN.

Bagi mereka yang dapat menilai betapa menariknya sebuah penampilan 'event' yang menggambarkan citarasa golongan muda dan golongan dewasa tentu boleh bersetuju dengan saya bahawa PH memang sebuah citra masa depan bangsa yang bakal mengangkat martabat umat Malaysia yang sudah cukup tercalar dan tercedera hari ini.

Pemasyhuran

Pengisian acara yang terbahagi kepada tiga: pentas rakyat, pentas dasar dan pentas pimpinan adalah suatu bentuk susunan program yang tersendiri kendatipun tidak sepersis Konvensyen Nasional Parti Demokrat, Amerika Syarikat atau Konvensyen Nasional Parti Republikan mahupun Konvensyen Nasional Parti Buruh Britain, saya dapat merasakan suatu kepuasan tak terperikan justeru standard dan aras hebat ditandai oleh konvensyen kedua kali ini.

Permasyhuran nama Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri PH, Datuk Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri PH, pembahagian kerusi-kerusi parlimen di Semenanjung kepada 52, 51, 35 dan 27 serta 13 janji perubahan untuk Malaysia yang lebih mensejahtera dan adil, adalah peristiwa bersejarah yang akan kekal sebagai sebuah permulaan penampilan pasukan perubah regim yang

amat menggetarkan semua sama ada musuh mahupun rakan-rakan yang sudah tidak sabar lagi menunggu detik perubahan negara.

Sehari dua ini selepas konvensyen melabuhkan tirainya berbagai serangan ditujukan kepada Pakatan Harapan oleh kerana gandingan Mahathir-Wan Azizah bukan sahaja oleh parti-parti Umno-BN tetapi juga Pas.

"Mahathir sebagai calon PM belum tentu dapat menarik golongan muda," kata seorang MT Umno, Pakatan Harapan dikatakan membuat kesilapan besar, Pas pula menganggap isu agihan kerusi petanda sebuah pakatan yang rapuh dan lemah, Salam takziah buat Pakatan Harapan.

Tiada siapapun yang berbicara tentang gabungan Mahathir-Anwar yang dikatakan menamatkan persengketaan demi masa depan negara. Sebagai seorang penggiat parti, saya ikut bersedih kerana jumlah kerusi yang diperolehi tidak menepati kehendak sasaran kami. Namun semuanya terjadi demi komitmen kita untuk memperkukuhkan PH dan memastikan bahawa Umno-BN ditumbangkan secara tuntas pada kali ini.

Derita rakyat sudah tidak terungkap lagi tiada suatu kepentinganpun dapat mengatasi kepentingan memerdekakan rakyat pada kali ini. Justeru itu, berkorban apa sahaja demi cita-cita rakyat jelata. Jangan dikecewakan mereka pada kali ini.

Kesatuan PH

Tun Dr Mahathir dalam ucapan kemuncaknya memperaku sesungguhnya Parti Amanah Negara adalah penyumbang utama bagi kesatuan PH, di mana ketulusan dan keikhlasan AMANAH memungkinkannya tercapainya kesepakatan yang mengikat sebuah muafakat empat parti besar PH bagi mendepani PRU ke-14 yang ditunggu-tunggu.

Ketika tepukan dan sorakan bergemuruh dan 'standing ovation' kepada AMANAH dilakukan, fikiran saya melayang-layang sedih, sayu dan teruja. Ketika itu saya dikejutkan oleh genggam tangan Saudara Anthony Loke dari DAP yang duduk bersebelahan sambil membisikkan, "Anuar, percayalah sejarah pengorbanan AMANAH amat besar maknanya, ia tidak akan dilupakan. Saya berjanji akan menyampaikan kepada mereka di setiap perjumpaan selepas ini tentang peristiwa besar sejarah bangsa ini".

Ketika itu juga saya teringat peristiwa-peristiwa dua tahun yang lalu betapa perit dan pedihnya kita berjuang untuk menggagas dan akhirnya menggerakkan sebuah parti politik baru yang menerima tentangan daripada berbagai golongan dalam parti politik yang kita tinggalkan. Betapa beratnya kita cuba mengajak parti-parti yang ditinggalkan oleh Pakatan Rakyat untuk membentuk sebuah gabungan baru yang kita setuju bersama diberi nama Pakatan Hara-

pan. Sebuah gagasan yang memberikan makna sebuah hari muka, hope, harapan, pengarap, pengarap tepelum dan kelangsaan harap.

Setelah melalui cabaran-tantangan dari setiap penjuar yang menghalakan tombak dan lembing permusuhan, kebencian yang berpinar-pinar. Kita di AMANAH terpaksa melalui kepedihan dan kesakitan yang tidak terperi ini.

Segala kepedihan dari permusuhan dan kebencian itu saya abadikan dalam sebuah puisi yang saya tulis pada September 2016 berjudul Pertarungan.

*Kalian tikam kami berulang kali,
kalian rangkul musuh
dan kami,
kalian anggap terlalu lusuh
untuk diperaga bersama.*

*Kalian injak-injak kami,
kalian belai para seteru
kalian ledak bergantung peluru
agar menembusi muka kami
supaya berkecai sebuah wajah
dan kalian dapat mencium para
lawan
sebagai kekasih baru.*

*Apa pun,
kami punya maruah
dan pasti tidak menyerah
apa pun,
kami punya lidah
kami punya tinta
untuk menjawab
segala kepura-puraan
dan segala pengkhianatan kalian
kami pasti melawan.*

Di hari konvensyen di saat tepukan dan sorakan bergemuruh oleh dua ribuan wakil dan pemerhati konvensyen, dalam wajah kesayuan, saya menoleh ke belakang dari barisan depan, dan melihat dengan jelas para penggiat Parti Amanah Negara dengan pakaian seragam oren jingga menguasai memenuhi sebahagian besar dari ruang dewan konvensyen.

Siapapun tidak dapat menafikan perwakilan terbesar datangnya dari Parti Amanah Negara di setiap perhimpunan yang diadakan sejak hadirnya PH yang kita turut bertanggungjawab mewujudkan dahulu. Tiada siapa dapat menafikan kontinjen terbesar selalunya adalah para pria dan wanita berbusana oren jingga. Semua ini terjadi bukan dalam suatu vakum tetapi hasil dari pengorbanan, kesungguhan dan komitmen ahli-ahli Parti Amanah Negara sendiri.

Komited

Selaku Setiausaha Agung parti, saya menyeru seluruh aktivis parti untuk datang menjadi wakil atau pemerhati sekurang-kurangnya empat ratus anggota, tetapi yang datang adalah suatu jumlah yang jauh lebih besar kerana para penggiat parti ini sangat komited dalam membina sebuah pasukan besar. Oleh itu,



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

pada akhirnya biarlah kita mengambil sikap positif kerana perjuangan menggerakkan sebuah parti Islam progresif bukan suatu rancangan lima tahun.

Tidak ada jalan pintas bagi kita para demokrat muslim dan para pencinta Islam yang bergabung di bawah sebuah panji-panji baru ini. Terus bekerja sehingga cita-cita mewujudkan sebuah parti yang berpegang teguh kepada cogan kata amanah, progresif, peduli. Sebuah parti Islam yang berketerampilan menyantuni seluruh umat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama akan dapat direalisasikan sepenuhnya.

Percayalah AMANAH punya tempat dan ruang yang terbuka luas untuk berkiprah di persada politik tanah air, kita punya pasukan pemimpin dan gerakan anggota-penyokong yang serba boleh, berani, berhikmah dan berhemah.

Saya cukup yakin ahli-ahli AMANAH tidak sekadar menyanyikan lagu rasmi parti dengan penuh semangat tetapi sentiasa bertekad untuk menghayatinya.

*Islam agama yang indah
Teras perjuangan kita
Membela Rakyat dan Nusa
Tanpa mengira bangsa dan agama*

*Menegakkan KEADILAN
Menentang kezaliman
Bersatu bekerjasama
Membina masa depan Negara*

*Akhlak terpuji
Walau di medan juang
Pendekatan inklusif
Amanah progresif PEDULI*

*Parti Amanah Negara
Harapan Rakyat Malaysia
Parti Amanah Negara
Membawa Rahmat untuk semua*

Oleh itu menurut pemerhatian saya sejak dari Konvensyen Wanita Pakatan Harapan di Kajang pada 6 Januari 2018 hinggalah berakhirnya Konvensyen Pakatan Harapan 2018 di Shah Alam pada 7 Januari 2018 yang saya hadiri, AMANAH adalah Sang Pemenang.

"La Tahzan, InnalLaha ma'ana". Jangan bersedih sesungguhnya Allah bersama kita. (At-Taubah; ayat 40)

"Hidup perjuangan rakyat! Dirgahayu Pakatan Harapan!"

■ **Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

The generosity of AMANAH and PH reform agenda

By AMANAH UK & IRELAND

WE note with great interest of the outcome of the Pakatan Harapan (PH) convention on Sunday 7 January 2018 in Shah Alam, particularly the 'Muafakat Pakatan Harapan' communique signed by all PH leaders. We also observe with vigilance the opposing response from the other side of the divide.

It is with high confidence and great pleasure that we at AMANAH United Kingdom and Ireland (AMANAH UK-Eire) express our full support for the decisions made by the PH leadership - and particularly that of Parti Amanah Negara (AMANAH) - for the following reasons.

1. THE POSITION OF THE PRIME MINISTER

Despite the perverse practices of the current administration in perpetuating an all-powerful premiership, PH is committed to restoring the strictly constitutional role of the prime minister. This would begin with forming the next administration under the PH banner, and thus appointing the most suitable people to senior government positions.

As part of this process, as stated also by the PH leadership, Tun Dr Mahathir Mohamad (TDMM) will only assume the stewardship of His Majesty's Government in a caretaker capacity, and thus committing himself and the whole administration to a clear and concrete succession plan thereafter. With this respect, PH has met the requisite for a feasible administration that can lead the country forward.

Furthermore, any Prime Minister after him may serve only for a maximum of two terms, which is at most 10 years.

2. DECENTRALISATION OF POWER

Unlike the increasingly presidential style of government under Datuk Seri Najib Razak, PH is committed to decentralising power which will result in the prime minister's office (PMO) being stripped of its extra-constitutional powers. Executive powers will return to the Cabinet and the various government departments, thus preventing the PM from ruling supreme above all others.

TDMM and his successors will be subjected to the checks-and-balances provided by our constitutional form of government, principally by the Cabinet which in turn is accountable to a more pro-active parliament. The era of 'only the PM knows best/all' will be over.

3. A REFORMIST PARLIAMENT

PH's current and future parliamentarians are - and shall always be - committed to upholding the constitution and shall endeavour to reinvigorate the Legislative and always keep the Executive in check. The PH government will answer only to the people and respect their wishes, unlike the current administration which has delayed yet again parliamentary and electoral reforms - among many others - in order to cling on to #power. Their ineptitude and incompetence has allowed problems like Felda's recent scandal to happen again, as if they have learnt nothing from 1MDB.

PH will ensure that the government - regardless of who the PM might be - will remain committed to implementing PH's reform agenda. Checks-and-balances will be restored and the people will have the strongest guarantee that their members of parliament have got their back.

4. AN EXPERIENCED LINE-UP

The PH team currently consists of not

only experienced politicians; but also statesmen; people with experience at both Federal and State levels including former PM, deputy PM (DPM), chief ministers and ministers; military officers; senior government officials; as well as corporate leaders.

There is no question that this the most experienced line-up that PH has ever offered, and definitely one that is ready to assume power as and when required.

5. A STABLE AND COMPETENT ADMINISTRATION

Unlike what was alleged by YB Minister Khairy Jamaludin, the PH team is - to borrow the UK PM's election slogan but without the cynicism - strong and stable. As we have stated previously, this is a very experienced and capable team.

The PH administrations in Selangor and Penang run a clean, competent and transparent governments which always put the people first. Both state governments have increased revenue, cut costs and ran budget surpluses; yet still deliver people-centric programmes like free water, assistance for senior citizens, as well as education and empowerment for young people. Those were among reasons why the people delivered a larger mandate to PH in both states in the thirteenth general election (GE13).

6. AMANAH'S DIFFICULT SACRIFICES

As duly noted by PH's chairperson TDMM, PH was able to conclude the Peninsula's parliamentary seat allocation only due to the generosity of AMANAH. AMANAH has repeatedly shown that it is a strongly principled, undoubtedly trustworthy and highly dependable partner in a merciless political realm.

As a civil political party which pledges our unwavering commitment to Islamic

principles, we believe that integrity is paramount in every dealing. Also, magnanimity and sacrifice - two of the many qualities espoused by our Holy Prophet Muhammad peace be upon him - are the cornerstones of a government which truly cares for the people and their interests and well-being.

AMANAH has proven time and time again that in our heart, the Malaysia and its peoples are second to none.

7. A MISLEADING, RACIST SLANDER

The 'Muafakat Pakatan Harapan' has also refuted the 'systematic defamation' by PH's foes that PH is a DAP-led coalition. Looking at the seat distribution among PH component parties, one may observe that it is reflective of Malaysia's diverse population. Were we to group PPBM, AMANAH dan half of PKR's seats - all of which are likely to be contested by Malay candidates - they add up to 105 seats. As to whether or not these are winnable seats; it is for the people to decide at the ballot box.

If members of the public desire for a new and capable government led by honourable Malay-Muslim leaders, the line-up of Malay candidates by PH would certainly represent them well in the parliament. We need not be reminded that Malay voters have already delivered shocking verdicts in a few states, especially in Selangor dan Kedah at the 2008 and 2013 general elections. Similar shocks, yet at a greater magnitude, is highly likely up the people's sleeves at this coming GE14!

ONCE MORE, we at AMANAH UK-Eire call upon the people not to accept the malignant falsehoods hurled at us and to judge PH leadership's offers solely on their merits, free of sentiments and prejudice.

Mahathir, for now, the only choice to lead opposition

By DR I LOURDESAMY

THE ongoing debate about whether Mahathir should be the opposition candidate for the next PM is politically bankrupt. It reflects poor understanding of political reality and the crisis the country is facing.

Those who oppose Mahathir base their argument on his past record. His 22 years of reign had inflicted much pain on many, including imprisonment for some. Democratic institutions were destroyed or eroded. It was a period of autocratic rule. Mahathir was no angel.

They argue how can we trust Mahathir with power again. Leopards do not change their stripes. He will kill any attempt at democratic reforms. 'Reformasi' will be dead. Anwar would have fought in vain.

The argument is not without merit,

but it misses the point. The point is, how do you defeat the current government led by Najib who has shown to be a clever political strategist? To defeat the current government is not easy because Najib has built a political fortress that is extremely difficult for the opposition to penetrate.

And certainly he has more plans and strategies for the coming election to ensure the opposition does not win. This is politics. Those in power will do everything to remain in power.

The liberals and democrats may call it undemocratic or unprincipled, but it is not going to change anything in the Malaysian context until we have built the necessary institutions that can check the abuses of power and ensure true democracy.

For that, the opposition first needs to win the next election.

How do you win the next election? Not

by talking about democracy and the wrongs of Umno and the government. These are important enough to be pointed out, but they will not win the election for the opposition. These issues are important to only some of the electorate.

These are people who are in the know - the already converted voters. Addressing them will not turn the tide for the opposition. You need the non-customers - those who do not vote or those who support the government or sympathise with them. They will decide the outcome of the election.

Where does Mahathir fit in here? The opposition needs him because he is a master political strategist. He can be relied on to come up with plans to reach the non-customers - the voters that will count in the next election.

These are the heartland Malays. Only Mahathir has the capacity and the appeal to reach them, not even Anwar. The

heartland Malay still has enough respect for Mahathir to listen to him.

His contribution to the country and the Malay community is acknowledged. Yes, he was not perfect. There were many things wrong, very wrong. But, on balance, the heartland Malay is likely to believe Mahathir when he says the country is in trouble and change is necessary.

There is no one in the opposition that has the stature of Mahathir. There is no scandal similar to 1MDB that readily comes to mind when talking about Mahathir.

What is critical now for the opposition is strategy and leadership. Whether you like Mahathir or not is not relevant. Only he can provide the strategic thinking and leadership that is needed.

TO PAGE 31..

Tun Mahathir akui tertubuhnya PH kerana AMANAH

“TERTUBUHNYA parti kita (PH) hari ini adalah kerana AMANAH,” kata Tun Mahathir Mohamad.

Kata-kata Tun Mahathir itu masih kedengaran di telinga saya hingga ke hari ini. Dan ianya menjadi kebanggaan semua ahli AMANAH walaupun dikatakan sebaliknya oleh golongan yang tidak memahami.

Mereka mendakwa agihan itu bukti bahawa AMANAH diakui lemah dan tidak berpengaruh. Sedangkan agihan itu bukan berdasarkan siapa kuat dan siapa lebih berpengaruh. Ianya berdasarkan strategi kemenangan (a winning strategy) yang dipersetujui bersama. Ianya berdasarkan usaha kerjasama di mana kita tidak melihat masing-masing sebagai lawan dan saingan tetapi kawan dan rakan yang bekerjasama ke arah mencapai matlamat yang sama.

Tidak silap sekiranya saya katakan bahawa pendekatan kerjasama yang jujur adalah ‘trademark’ pimpinan yang menubuhkan AMANAH. Kami faham betapa pentingnya ia dan memperjuangkannya sejak dahulu lagi.

Pada tahun 1990 apabila wujudnya Semangat 46 dan ada yang mengkritik Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana mengadakan kerjasama dengan ‘parti nyamuk’, kami membela Almarhum.

Pada 1998 apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) dipecat dan Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Nor pergi ke rumah beliau, dia dikutuk. Golongan yang sekarang ini bersama AMANAH juga adalah mereka yang membela dan mempertahankan Almarhum.

Pada 1999 apabila DSAI tubuhkan Adil dan ingin bertanding, ramai pimpinan Pas kata jangan diberi mereka ‘kerusi-kerusi tradisi’ Pas! Almarhum Ustaz Fadzil dan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz menyerahkan

sebahagian kerusi juga dan oleh itu dikutuk oleh sebahagian ahli. Kami berdiri bersama mereka. Sehingga Dr. Hatta digelar ‘pengkhianat’ kerana dituduh menjual kerusi-kerusi Pas!

Pada 2008, apabila lima negeri dimenangi Barisan Alternatif dengan bantuan DAP, dan pimpinan tertentu menimbangkan kemungkinan menubuhkan kerajaan di Selangor dan Perak bersama BN, pimpinan yang bersama AMANAH sekarang ini juga yang membantahnya. Kalau tidak kerana bantahan itu, Pakatan Rakyat (PR) pasti tidak mampu dibentuk! Sekiranya Pas membentuk kerajaan di Selangor dan Perak bersama BN, adakah mungkin Keadilan dan DAP akan berdiam diri dan membentuk PR bersama Pas? Sudah pasti tidak!

Maka tidak silap kalau dikatakan juga bahawa Pakatan Rakyat itu juga dimungkinkan oleh mereka yang merupakan pemimpin AMANAH hari ini. Dan hari ini mereka juga yang memungkinkan terbentuknya Pakatan Harapan.

Dan pada masa krisis MB Selangor apabila Adun-Adun Pas diminta menandatangani perisytiharan berkanan (SD) menyokong Tan Sri Khalid Ibrahim supaya kekal sebagai MB, sedangkan Keadilan dan DAP bersetuju untuk beliau digantikan dengan Datuk Seri Wan Azizah, dua Adun Pas menolak! Kedua-dua mereka sekarang bersama AMANAH.

Siapa boleh nafikan bahawa sekiranya mereka berdua tidak bertindak sedemikian rupa, Selangor kini mungkin di bawah kerajaan gabungan Pas-Umno?

Dan atas sebab itu didoakan doa laknat ke

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



atas mereka oleh seorang pemimpin Pas Wilayah Persekutuan secara terbuka semasa Muktamar Tahunan Pas 2014 di Johor, kerana melawan arahan songsang Presiden Pas untuk mengkhianati Pakatan

Rakyat Selangor demi membela Tan Sri Khalid Ibrahim.

Boleh dibayangkan perasaan pimpinan-pimpinan ini semasa didengari isi kandungan doa tersebut? Parti Islam yang sepatutnya berpaksikan ukhuwwah atau persaudaraan dan kasih sayang telah begitu terpesong sehingga sanggup melaknat Timbalan Presidennya sendiri!

Seorang wartawan berbangsa Cina datang bertanya saya, “Wah! You all like this ke? Beza pandangan sikit pun sudah panggil Tuhan melaknat?”

Saya jawab apa mahu buat, ada yang rasa Tuhan itu dia sahaja yang punya.

Dan oleh kerana Pas tidak lagi ingin mewujudkan kerjasama mantap antaranya dengan parti-parti pembangkang lain, kecuali di bawah dominasinya, maka akhirnya mereka ini dijatuhkan di Muktamar Pas pada 2015 melalui ‘cai’ yang dikeluarkan Dewan Ulamak Pas. Sesudah Muktamar itu maka proses pembinaaan Pakatan Rakyat dimulakan.

Selepas hanya beberapa bulan maka ditubuhkan AMANAH oleh golongan yang dijatuhkan ini, supaya politik gabungan antara parti politik pembangkang dapat ditubuhkan dan BN tetap mampu dijatuhkan. Hasil usaha mereka maka Pakatan Harapan (PH) ditubuhkan yang dianggotai Keadilan, DAP dan AMANAH. Dan walaupun usaha ini ditentang oleh

sebahagian yang bersama, oleh kerana masih mengharap Pas, kami istiqamah dengan perjuangan membina dan memantapkan PH.

Dan apabila Tun Mahathir menubuhkan PPBM dan ingin menyertainya, AMANAH dengan penuh yakin dan berwawasan jelas mengalu-alukannya. Dan apabila Tun Mahathir ingin diangkat sebagai Pengerusi PH, AMANAH turut menyokong. Timbalan Presiden AMANAH berkata “only diamond can cut diamond”.

Maka apabila Tun Mahathir berkata di Konvensyen PH ke-2, “Tertubuhnya parti kita hari ini adalah kerana AMANAH...”, saya tidak hairan. Dari sejak zaman Pas lagi, pimpinan AMANAH inilah yang berusaha membina hubungan antara parti-parti pembangkang supaya satu gabungan yang kuat dan mantap dapat dihasilkan.

Kata-kata Tun Mahathir, sepertimana kata-kata Datuk Seri Wan Azizah semasa berucap di Konvensyen AMANAH di Kedah, adalah pengiktirafan terhadap jasa pimpinan AMANAH ini dalam usaha membina gabungan parti pembangkang yang kuat di arena politik Malaysia.

Ramai yang berwawasan dengan wawasan seperti yang dimiliki AMANAH. Atas kesedaran itu maka AMANAH sanggup berkorban supaya wawasan itu tercapai dan menjadi realiti atau kenyataan.

Semoga AMANAH dikenali sebagai parti perpaduan dan kerjasama demi menentang kezaliman dan membebaskan rakyat dari kezaliman kleptokrasi.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH dan Ahli Parlimen Shah Alam.

PH lebih mantap hadapi PRU14 seusai konvensyen

Oleh **HAYAR HASSAN**

SEUSAI Konvensyen Pakatan Harapan (PH) akhir minggu pertama 2018 lalu memberikan banyak bahan untuk semua rakyat berbicara tentang politik tanah air. Pemimpin dan penyokong Umno/BN tetap mencari-cari sudut negatif konvensyen itu. Jelas Umno/BN dalam keadaan panik menghadapi perkembangan baru ini.

Pengumuman utama yang ditunggu adalah nama calon Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Semenjak merdeka, hanya PH mampu mengangkat seorang wanita untuk menjawat jawatan nombor dua pentadbiran negara itu.

Disamping itu, inilah kali pertama jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak dimonopoli

Umno. Sudah sewajarnya lah parti-parti komponen BN merenung fenomena ini. PH tidak mempunyai konsep kepimpinan ‘abang long’ seperti diamalkan BN. Dalam PH, semua parti adalah sama penting, saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Pengumuman penting kedua adalah pengagihan kerusi-kerusi Parlimen Semenanjung Malaysia yang bakal ditandingi oleh calon parti-parti PH. Seperti yang telah diumumkan, PPBM bertanding di 52 kerusi, Keadilan (51), DAP (35) dan AMANAH (27).

Seperti yang dijelaskan Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli, pengagihan ini dibuat dengan maksud bahawa semua parti dalam PH adalah penting dan saling memerlukan antara satu sama lain. Tidak ada satu parti yang terlalu dominan dan tiada parti yang terlalu kerdil dalam PH.

Kerusi-kerusi yang lebih banyak

diberikan kepada PPBM tentulah dengan tanggung jawab yang lebih besar juga. PPBM telah diamanahkan oleh PH untuk menang dalam kawasan kubu Umno yang agak sukar ditembusi oleh pembangkang dalam PRU lalu. Sesungguhnya tanggungjawab dan gerak kerja PPBM dalam PRU ke-14 nanti bukan lah mudah kerana mereka akan berhadapan dengan jentera Umno-BN!

Saya mengjangkakan, calon-calon DAP tidak akan sukar untuk memenangi kerusi-kerusi yang telah diperuntukkan kepada mereka.

Untuk AMANAH pula, walaupun diperuntukkan jumlah kerusi yang paling kecil, kerusi-kerusi tersebut cukup berpotensi untuk dimenangi berbanding kerusi-kerusi PPBM! Semua ahli AMANAH sewajarnya berlapang dada dengan keputusan Majlis Presiden PH yang telah pun dimeterai.

Semoga keputusan pengagihan kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) nanti akan lebih memuaskan hati aktivis akar umbi AMANAH.

Disamping dua pengumuman penting itu, ucapan-ucapan daripada wakil-wakil peneroka Felda, bekas anggota tentera, anak muda, wanita, kalangan artis dan petani amat menarik sekali. Perhimpunan Agung Umno pun tidak pernah memberikan peluang untuk orang luar parti berucap. Inilah pembaharuan yang cuba diketengahkan oleh PH. Percayalah ianya akan memberikan kesan yang baik kepada rakyat.

Akhirnya, kita menyeru rakyat agar melakukan perubahan dalam PRU akan datang. Undilah calon-calon PH demi masa depan kita yang lebih cemerlang.

Penulis ialah pembaca mingguan Amanah.



Mempamerkan risalah penerangan tentang Wanita Harapan.

Utamakan perpaduan, usah sia-siakan pengorbanan **Wanita PH**

KAJANG: Pemimpin utama Pakatan Harapan (PH) diberi amaran supaya segera menghentikan sebarang polemik sehingga menggambarkan ikatan parti-parti dalam PH begitu rapuh.

Timbalan Ketua Wanita PH Dr Siti Mariah Mahmud berkata, seharusnya para pemimpin PH mengutamakan perpaduan untuk menjayakan hasrat rakyat khususnya golongan wanita.

"Tanpa perpaduan jangan mimpi untuk sampai ke Putrajaya (menang dalam PRU 14)," katanya ketika berucap di majlis pelancaran Wanita Pakatan Harapan Malaysia di Dewan Seri Cempaka, dekat sini, 6 Jan lalu.

Beliau mahu usaha wanita dari kesemua parti yang telah bertungkus lumus dibalas dengan memastikan kemenangan den-

gan cara meraihan satu sama lain supaya perpaduan dikekalkan.

"Jangan rosakkan kerja luar biasa yang tidak harapkan imbuhan oleh penyokong kita terutama wanita dengan isu remeh temeh.

"Jangan sampai kita dilihat seperti ada agenda lain tanpa mempedulikan matlamat bersama yang telah diputuskan," katanya.

Beliau mengingatkan dalam PRU kali ini, BN akan menggunakan segala perkakas demi kemenangan mereka.

"Pilihan raya kali ini yang disebut ibu segala pilihan raya, entahkan nenek pilihan raya segala yang luar biasa boleh berlaku.

"Penggunaan wang, cendekiawan upahan dan kini NGO yang konon tidak memihak dikerah untuk dilihat berpihak kepada (Datuk Seri) Najib (Razak)," kat-

anya.

Menurutnya, jika tidak diperbetulkan pemimpin PH akan turut dicemuh rakyat sebagai sama dengan pemimpin BN.

"Kita yang berjuang untuk membela rakyat dilihat sebagai membela orang rapat sahaja. Berjuang untuk ketelusan tapi dilihat pengikut sendiri pun dilihat menyorokkan sesuatu.

"Berjuang untuk akauntabiliti tapi kerja sendiri kelihatan tidak akauntabel," katanya.

Lebih 2,000 pemimpin akar umbi wanita empat parti itu berhimpun seawal jam 7.30 pagi bagi mengikuti konvensyen yang pertama kali diadakan itu.

Pemimpin kanan PH dan Jawatankuasa Wanita PH nasional dan negeri-negeri turut hadir.



Menandatangani plak perasmian Wanita PH.



Wakil Sabah dan Sarawak turut hadir.



Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan Wanita PH.



Anis Afida mengetuai bacaan ikrar.

Wanita PH pilihan terbaik untuk bela wanita

TIMBALAN Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH) Rina Mohd Harun berkata, Wanita PH Malaysia akan mengemudi negara ini bagi membina keluarga dan generasi Malaysia akan datang demi membina 'Malaysia Baru'.

"Sebanyak 48% rakyat negara ini adalah wanita manakala 51% pengundi adalah wanita, yang akan membawa harapan rakyat kerana wanita BN yang didominasi Pergerakan Wanita dan Puteri Umno itu hanya membela nasib 'perompak dan penyangak'.

"Bolehlah dikatakan bahawa Wanita BN sudah 60 tahun diberi peluang berkuasa namun membisu seribu bahasa apabila kos sara hidup rakyat tidak

terkawal, pengangguran graduan wanita meningkat, harta negara digadai pada orang asing, GST dan harga barang naik setiap hari.

"Jelas agenda meningkatkan ekonomi wanita dan kesejahteraan keluarga bukan lagi agenda mereka," ujar beliau dalam ucapan aluannya.

Rina yang juga Ketua Srikandi PPBM yakin kekuatan Wanita PH menyebabkan Wanita BN merasa terganggu.

Justeru, beliau menyeru semua ahli dan pemimpin PH agar terus meningkatkan kesatuan, matlamat dan gerak kerja agar agenda Wanita PH dapat dilaksanakan sekiranya PH menang dalam pilihan raya umum akan datang.



Dr Wan Azizah melangkah ke rostrum untuk menyampaikan ucapan perasmian.



Suasana dewan konvensyen di acara perasmian.



Dr Wan Azizah menyampaikan watikah kepada Ketua Wanita PH Kelantan.

Mahathir the only choice to lead opposition

FROM PAGE 28

What is critical now for the opposition is strategy and leadership. Whether you like Mahathir or not is not relevant. Only he can provide the strategic thinking and leadership that is needed.

Given his age and the structure of the coalition parties in the opposition, fears about he holding on to power or abusing his power appear to be unfounded. It is going to take time to build a viable democracy in Malaysia.

Mahathir is certainly not a deacon of democracy,

but in order to win the war one first needs to win the battle – the next election. For that, Mahathir is the right general.

Also, after the election there is the important task of reconstruction – rebuilding the economy and institutions. For this, there is no better person than Mahathir.

His capacity for developing the country is a matter of record. So, all in all, Mahathir may well be the only choice to lead the opposition at this juncture.

There are several good people in the opposition, but leading the team, given the present challenges, calls for someone like Mahathir. - *Malaysiakini*

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

011 32334322 (EN HAKIM)



PP18978/03/2016(034450)



Amanah

BIL 85 | 14 - 20 JANUARI 2018

TARIKH	MSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
07.01.2018	5:51	6:01	7:20	1:22	4:45	7:19	8:33
08.01.2018	5:51	6:01	7:21	1:23	4:45	7:19	8:33
09.01.2018	5:52	6:02	7:21	1:23	4:45	7:19	8:34
10.01.2018	5:52	6:02	7:21	1:23	4:46	7:20	8:34
11.01.2018	5:52	6:02	7:22	1:24	4:46	7:20	8:34
12.01.2018	5:53	6:03	7:22	1:24	4:47	7:21	8:35
13.01.2018	5:53	6:03	7:22	1:25	4:47	7:21	8:35

BEKAS TENTERA TERHINA KOMUNIS DIJEMPUT MASUK

KOMUNIS boleh kuasai negara tanpa meletupkan sebutir bom pun jika pendekatan pimpinan Barisan Nasional (BN) membuka ruang kepada negara komunis China diteruskan, kata bekas tentera.

Beliau yang rasa terhina dengan tindakan kerajaan BN ini berkata, "Saban hari, kini mereka yang berfahaman komunis ini dijemput datang, diberi peluang melabur dalam projek mega.

"Adakah tiada kemungkinan mereka akan menguasai negara ini tanpa meletupkan sebutir peluru pun?" soalnya ketika berucap dalam Konvensyen Pakatan Harapan di Shah Alam, Ahad lepas.

Akhbar Australia puji kerjasama Mahathir dan Anwar

BEKAS Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad dan bekas timbalannya, Anwar Ibrahim perlu dipuji kerana cubaan mereka menyingkirkan Perdana Menteri, Najib Razak dan Umno kerana terlibat dalam skandal kewangan rentas negara yang memburukkan nama Malaysia di mata dunia, kata sebuah akhbar Australia.

Akhbar The Australian dalam sidang pengarangnya 10 Januari lepas berkata dalam skandal korupsi AS\$4 bilion 1MDB yang dikaitkan dengan perdana menteri itu, wujud keperluan 'tidak dapat disangkal' untuk pembangkang yang lebih

kuat bertanding pada pilihan raya umum akan datang, yang perlu dijalankan sebelum Ogos tetapi mungkin berlaku seawal Mac tahun ini.

"Kestabilan negara (Malaysia) sangat mustahak kepada rantau kita, kerana itulah Australia mempunyai hubungan pertahanan dan keselamatan yang rapat dengannya.

"Korupsi yang menyelubungi skandal 1MDB perlu menjadi tumpuan pada pilihan raya akan datang," kata *The Australian*.



Pemimpin PH berkrar akan mempertahankan kehormatan negara di Konvensyen PH (gambar besar). Kapten (B) Zainal Abidin Naus rasa terhina dengan tindakan kerajaan BN. (gambar kecil)

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare